


Jilid III  
Bil. 22

Hari Rabu  
10hb Jun, 1981



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 2901]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) [Ruangan 2961]

Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Pekebun (Pembubaran)  
[Ruangan 2963]

Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) [Ruangan 2983]

**USUL:**

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3025]

**UCAPAN PENANGGUHAN:**

Wakil-wakil Rakyat Yang Mendapat Tanah—Siasatan [Ruangan 3026]

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG KETIGA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO HUSSEIN  
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan  
Perindustrian, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD,  
S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,  
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE  
HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD  
GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI  
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD  
RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K.  
(Kota Bharu).

„ Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J.  
(Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH  
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.  
(Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO  
SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,  
S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG  
HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN,  
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

- Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF (Kimanis).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., I.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang):
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

- Yang Berhormat TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR  
(Kulim Bandar-Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K.,  
S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J.,  
P.G.D.K. (Samarahan).
- „ ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA  
(Paloh).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P.  
(Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.  
(Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESSEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S.  
(Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P.,  
S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

- Yang Berhormat DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J.  
(Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M.  
(Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.  
(Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.N., P.P.M.  
(Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K.  
(Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K.  
(Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.  
(Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B.  
(Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N.,  
S.P.D.K., (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH,  
D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J.  
(Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.  
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S.,  
P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P.  
(Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.  
(Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I.  
(Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P.  
(Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).

- Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B.  
(Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasar Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN  
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT****Rabu, 10hb Jun, 1981***Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN****KADAR KEMATIAN BAYI/IBU  
BERSALIN DI LUAR BANDAR**

**1. Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar yang penduduk Bumiputra di luar bandar mempunyai kadar kematian bayi yang paling tinggi, kadar kematian bayi dalam kandungan yang paling tinggi, kadar kematian ibu yang subur yang tinggi dan keadaan kesihatan yang paling tidak menyenangkan jika dibandingkan dengan lain-lain penduduk di Malaysia. Jika sedar, apakah perancangan yang lebih teliti dan berkesan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian ini untuk mengatasi masalah ini.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar akan kadar kematian bayi, kanak-kanak dan ibu-ibu bersalin yang lebih tinggi bagi penduduk-penduduk Bumiputra luar bandar jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain. Negeri-negeri dan daerah-daerah yang mempunyai kadar kematian yang tinggi daripada purata kadar kebangsaan telah ditentukan dan kawasan-kawasan ini diberi keutamaan dalam rancangan-rancangan kesihatan bagi memperbaiki taraf dan keadaan kesihatan masyarakat.

Saya suka memaklumkan bahawa kadar kematian bayi di kalangan kaum Bumiputra telah turun dengan kadar yang memuaskan iaitu daripada 53 setiap ribu kelahiran hidup

dalam tahun 1967 ke 35.4 dalam tahun 1977. Begitu juga kadar kematian kanak-kanak kecil 1-4 tahun telah turun daripada 7.37 setiap ribu pada tahun 1967 ke 3.71 setiap ribu pada tahun 1977, dan kadar kematian ibu telah turun daripada 1.2 setiap ribu ibu bersalin pada tahun 1970 ke 0.79 setiap ribu. Ini menggambarkan usaha-usaha yang berkesan yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

Kementerian telah jua menjalankan satu kajian besar di antara tahun-tahun 1977 hingga 1979 untuk menentukan kawasan-kawasan di mana perkhidmatan kesihatan belum dibekalkan atau tidak mencukupi. Kawasan-kawasan ini khasnya kawasan-kawasan terpencil akan diberi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Di samping itu, perkhidmatan kesihatan keluarga telah diasingkan sebagai rancangan keutamaan di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan langkah-langkah akan terus di pergiatkan untuk mengatasi masalah-masalah kesihatan ibu-ibu dan kanak-kanak. Selain daripada aktiviti-aktiviti biasa seperti pelalian, jagaan bayi dan kanak-kanak, pemakanan dan lain-lain, aktiviti-aktiviti khas telah dirancangan.

Kesemua rancangan-rancangan ini bertujuan untuk mengurangkan kadar kematian kanak-kanak khasnya di luar bandar. Masalah-masalah kematian ibu-ibu bersalin telah dikaji dan cara-cara mengurangkannya dilaksanakan seperti memberi latihan kepada bidan-bidan kampung dan menyediakan pasukan kecemasan (emergency squad) di daerah-daerah di mana kadar kematian ibu masih tinggi.

Pada masa yang sama, perlu jua ditegaskan bahawa masalah mengenai kadar kematian

ibu dan kanak-kanak bergantung jua kepada keadaan sosio-ekonomi masyarakat dan kemudahan-kemudahan asas seperti pengangkutan, bekalan makanan asas bekalan air yang bersih dan perumahan yang sesuai.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita ketahui kadar kematian yang tinggi bagi bayi dan juga ibu-ibu yang subur di kalangan penduduk-penduduk luar bandar boleh dikatakan sebab-sebab utamanya ialah kekurangan bekalan air, kekurangan penggunaan pakar-pakar doktor di kawasan luar bandar dan juga kekurangan penggunaan bidan-bidan yang terlatih di kawasan luar bandar. Jadi, dalam Rancangan Malaysia Keempat ini apakah rancangan-rancangan yang akan dijalankan oleh Kementerian ini untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan luar bandar akan mendapat bekalan air kesihatan yang lebih, akan mendapat doktor-doktor yang lebih dan juga untuk mendapatkan bidan-bidan yang lebih terlatih di kawasan-kawasan luar bandar?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telahpun sebutkan semua rancangan ini dalam Rancangan Malaysia Keempat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

#### PELABURAN LUAR NEGERI OLEH BANK PERDAGANGAN

**2. Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan dengan tarikan faedah yang ditawarkan lebih tinggi di luar negara maka setengah bank-bank perdagangan dalam negara telah melabur di luar negara dengan wang yang dipungut dalam Malaysia dan telah menjejaskan bank-bank dalam Malaysia untuk faedah dalam ekonomi negara; apakah tindakan yang sedang diambil untuk mengatasi keadaan yang tidak sihat ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia sentiasa memerhati dengan teliti pelaburan-pelaburan wang di luar negeri oleh bank-bank perdagangan. Bank-bank perdagangan telah diberitahu

bahawa sebagai satu dasar wang yang dipungut di dalam Malaysia mestilah digunakan untuk membiayai kegiatan ekonomi dalam negara ini terutamanya untuk membantu perkembangan kegiatan-kegiatan yang produktif.

Semua bank-bank perdagangan hanya dibenarkan menyimpan paras minima baki di luar negeri yang diperlukan untuk membiayai keperluan urusan bank mereka yang biasa dan bank-bank telahpun mengambil tindakan untuk hanya menyimpan jumlah minima tersebut di luar negeri sahaja untuk keperluan urusan bank mereka.

#### TEMPAT KEDIAMAN BARU BAGI RAKYAT DI PELAGUS

**3. Tuan Sibat Miyut anak Tagong** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk mengadakan tempat kediaman baru bagi rakyat yang mana tempat kediaman mereka sekarang akan dijadikan kawasan projek Hydro-letrik seperti di Pelagus dan Bakun Belaga.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datu Leo Moggie anak Irok):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, projek-projek hydro-letrik di Ulu Sungai Rajang seperti di Pelagus atau di Bakun Belaga pada ketika ini hanya berada di peringkat kajian kesesuaian. Ini bermakna Kerajaan belum lagi membuat apa-apa keputusan sama ada hendak melaksanakan projek-projek ini atau tidak. Walau bagaimanapun, saya telah difahamkan bahawa di negeri Sarawak terdapat sebuah Jawatankuasa Pemandu yang ditugaskan khusus untuk membuat perakuan-perakuan tentang pemindahan penduduk luar bandar dan saya percaya seandainya projek-projek hydro-letrik ini dilaksanakan kelak, maka soal pemindahan penduduk-penduduk yang terlibat akan dipertimbangkan dengan sewajarnya.

#### ARAK—MENGHARAMKAN MINUM

**4. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang

mengemukakan undang-undang untuk mengharamkan minum arak bagi orang-orang Islam sebagai satu langkah untuk membuktikan bahawa Kerajaan akan sedikit demi sedikit berusaha menghapuskan amalan-amalan yang tidak sesuai dengan ajaran Islam.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, soal ini tidak harus ditimbulkan di dalam Dewan ini kerana segala perkara yang berkaitan dan meliputi hal ehwal agama Islam adalah hak dan di bawah bidangkuasa Negeri-negeri di negara ini. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu memang telahpun ada peruntukan di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak di tiap-tiap Negeri bagi menghukum seseorang Islam yang didapati bersalah kerana membeli, menjual ataupun meminum arak di kedai-kedai atau di lain-lain tempat di tempat awam.

Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Selangor sukalah saya maklumkan dan Wilayah Persekutuan telahpun ada Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor, 1952 dan apabila Wilayah Persekutuan diwujudkan, Enakmen ini diubahsuai oleh Pemerintah Wilayah Persekutuan pada tahun 1974 di bawah Fasal 151 Enakmen ini ada disebutkan seperti berikut:

“Whoever shall in any shop or other public place purchase or sell or consume any intoxicating liquor shall be punishable with a fine not exceeding \$25.00 or in the case of second or subsequent offence not exceeding \$50.00, provided that it shall not be an offence for any person so to purchase or sell as agent for a principal who does not profess the Muslim religion”.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri telah membacakan Enakmen mengenai dengan Undang-undang Syarak. Bolehkah saya bertanya beliau adakah rujukan ataupun Undang-undang itu dalam Bahasa Malaysia?

**Dato Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, ada diterjemah dalam Bahasa Malaysia.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Perkara 151 Enakmen yang berkenaan dengan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya ingin mendapat tahu yakni mengenai Wilayah Persekutuan, sejauh manakah pelaksanaan ataupun penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab mengenai hal ini di Wilayah Persekutuan dan apakah pihak Yang Berhormat Menteri berkenaan tidak berfikir bahawa denda sebanyak \$25.00 sehingga \$50.00 itu sudahpun out-of-date pada hari ini?

**Dato Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lepas ataupun pada masa yang sudah telah ada kes-kes yang diambil tindakan dalam masalah ini, tetapi suka saya menyatakan pada Majlis ini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu bagi umat Islam, walaupun tidak ada undang-undang dibuat berkaitan dengan perkara ini tetapi seseorang yang beriman masih tertakluk kepada undang-undang Al-Qur'an yang kita dapat di dalam surah Al-Baqarah Ayat 219 yang bermaksud: Bertanya mereka itu kepada Nabi Muhammad tentang arak dan judi. Katakanlah olehmu: bahawa kedua-duanya itu adalah dosa besar. Ertinya damages and destructions are very great dan ada juga manfaat tetapi kerosakan itu lebih besar daripada manfaatnya. Jadi seseorang Islam, sekiranya dia benar-benar mempercayai pada ugamanya perlulah ia mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan seumpama itu.

Berhubung dengan undang-undang, suka saya menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, law comes not to convict but to prevent people from doing sin or crime. Ertinya undang-undang itu datang, sama ada undang-undang sekular atau undang-undang Tuhan didatangkan bukan kerana semata-mata hendak menghukum manusia tetapi hendak mengelakkan daripada manusia melakukan sesuatu dosa atau crime. Jadi kalau kita lihat daripada Undang-undang Islam yang didatangkan oleh Tuhan dalam Al-Qur'an, Tuhan mementingkan masalah menyeru manusia terlebih dahulu: *Yad'u-na ilal khair*, kemudian melarang: *Wa-yanhau-na 'anil mungkar*. Jadi, bagi umat Islam tidak

menjadi masalah walaupun tidak ada undang-undang dibuat berkenaan hal ini. Tetapi walau bagaimanapun, undang-undang ini telah ada dan tindakanpun telah diambil dalam kes-kes yang telah berlaku.

Saya suka menyatakan pada Majlis ini, Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, Kerajaan memandang berat dalam perkara ini dan pihak Majlis Hal Ehwal Ugama Islam mengambil pandangan yang berat dalam perkara ini dan kita ada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas (enforcement officers) untuk mengesan perbuatan yang dilakukan oleh orang Islam dalam perkara ini.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada menyatakan bahawa undang-undang itu diadakan untuk menyekat manusia daripada melakukan perkara yang mungkar. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk melaksanakan satu undang-undang sebagaimana yang telah ada di Australia, di England dan juga di Amerika di mana barang-barang alcohol atau liquor cuma dijual di kedai-kedai yang berlesen liquor sahaja. Seumpamanya, hari ini kita menjual todi di kedai todi yang mempunyai lesen. Saya ingin bertanya sama ada Kerajaan bercadang menjual semua sekali minuman keras termasuk juga beer di dalam kedai-kedai yang mempunyai lesen liquor dan sama ada Kerajaan bercadang juga untuk mengadakan undang-undang di mana orang-orang Islam tidak boleh menjual liquor ataupun minuman keras.

**Dato Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah saya telah menyebutkan ada undang-undang yang orang Islam tidak boleh menjual, minum dan sebagainya.

#### EKSPORT MINYAK MENTAH TEMPATAN

5. Tuan Haji Ampong bin Puyon minta Perdana Menteri menyatakan berapakah pendapatan negara hasil dari eksport minyak mentah sehingga bulan Mei tahun ini;

berapakah harga setong minyak negara ini dan beza harga minyak yang kita import untuk keperluan di negara ini; dan nyatakan jumlah tong yang kita eksport setiap hari dan juga yang diimport.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, pendapatan negara hasil daripada eksport minyak mentah tempatan dari tahun 1975 hingga April, 1981 adalah berjumlah M\$19,847.75 juta, angka bulan Mei tidak dapat diberi lagi pada masa ini kerana sedang di dalam persediaan.

- (a) Mengenai soalan kedua harga purata bagi minyak mentah tempatan pada 1hb Jun, 1981 adalah M\$89.65 satu tong.
- (b) Jawapan mengenai soalan tentang perbezaan harga minyak yang diimport dengan harga minyak tempatan adalah sukar untuk diberi kerana minyak mentah ada berbagai-bagai jenis dan berbeza di antara satu sama lain. Oleh kerana itu perbandingan harga yang mutlak di antara satu tong minyak mentah tempatan dengan satu tong minyak mentah yang diimport tidak dapat dibuat dengan tepat.
- (c) Soalan akhir Yang Berhormat itu tidaklah sebegitu jelas kerana tidak menyatakan bulan atau tahun mana yang dimaksudkan. Namun demikian saya anggap apa Ahli Yang Berhormat maksudkan ialah bagi tahun 1981. Sekiranya begitu purata eksport minyak mentah dari bulan Januari hingga April, 1981 ialah 226,700 tong sehari sementara purata minyak mentah yang diimport ialah 69,167 tong sehari.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dari negeri manakah minyak-minyak yang kita import dan ke negeri-negeri manakah minyak kita dieksport dan adakah kita mengeksport minyak ke negara-negara komunis.

**Dato Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, kita eksport minyak ke negeri Jepun, Singapura, Korea dan lain-lain,

sementara kita mengimport minyak dari negara-negara Timur Tengah, Soalan yang penghabisan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada, yang ketiga itu tidak timbul, Timur Tengah, tidak ada yang komunis lagi.

**Tuan Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jumlah \$19,847.75 juta itu bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi angka mengikut pecahan tahun dari tahun 1975 hingga bulan April, 1981?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bukan soalan tambahan, itu merupakan soalan asal; tidak boleh. Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri semenjak negara kita mengeluarkan hasil minyak dalam tahun 1975 hingga sekarang, berapa peratuskah kadar pertambahan hasil negara kita yang kita dapati dan selain daripada negeri Trengganu mendapat 5% daripada hasil pendapatan ini, adakah negara-negara lain mengecap nikmat daripada hasil minyak ini dan berapa peratus kalau dapat diberi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini main peratus-peratus, bila Yang Berhormat Timbalan Menteri . . . .

**Dato Abdullah bin Abdul Rahman:** (Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Sabar! Sudah ada? Bahagian pertama tadi soalan ini kepada Kementerian Kewangan kalau mengikut hendak dipersoalkan, tetapi nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah bersedia, sila!

**Dato Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, kadar kenaikan itu tidak bolehlah saya jawab sekarang . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Itulah saya kata tadi (Ketawa).

**Dato Abdullah bin Abdul Rahman:** . . .melainkan ada notis. Mengenai soalan yang kedua, daripada hasil minyak yang didapati oleh Kerajaan Pusat maka Kerajaan Pusat membahagi-bahagikan kepada

Kerajaan-kerajaan Negeri pula melalui pembiayaan rancangan-rancangan pembangunan, membayar gaji untuk kakitangan-kakitangan Kerajaan dan lain-lain lagi.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi banyak negeri yang import dan ada negeri yang dieksport. Saya faham tentulah yang dieksport itu negeri yang kita jual minyak lebih mahal daripada negeri kita. Yang menjadi masalah dengan jiran kita selain daripada Singapura sebagaimana yang disebutkan tadi ialah Thailand. Saya dapat faham di Thailand harga minyaknya lebih mahal daripada kita, sebab itu minyak kita dengan cara seludup dibawa masuk ke Thailand. Jadi kalau begitu, mengapakah Thailand yang lebih dekat dengan kita dan mahal harga minyaknya tidak dieksport ke sana.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, tidakkah ada rancangan Kerajaan untuk mencarigali minyak ini selain daripada . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti! Yang pertama saya sendiri pun tidak faham lagi (Ketawa). Cuba ulang yang pertama!

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul-betul sedikitlah.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Ya. (Ketawa) Saya dapat faham daripada yang kita eksport tadi tentulah yang akan mendapat harga yang lebih yang agak berhampiran dengan kita, jadi sebagaimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi bahawa Singapura termasuk salah satu negeri yang dieksport, tentulah sebagaimana saya kata boleh jadi harga minyak kita dapat dijual dengan harga yang mahal ke Singapura. Tetapi setahu saya harga minyak di Thailand lebih mahal daripada kita, buktinya banyak minyak-minyak kita yang mencurah masuk ke Thailand cara menyeludup. Jadi kalaulah begitu, mengapa Kerajaan kita tidak mengeksport minyak ke Thailand, negeri yang paling hampir kepada kita. Faham, Tuan Yang di-Pertua? (Ketawa).

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau kata harga minyak di Thailand lebih murah daripada negara kita yang mengeluarkan minyak yang mengeksport ke Thailand, itu saya faham, tetapi kemudian tidak tahulah apa yang difahami oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, maksud saya minyak yang dijual ke sana bukan import untuk bawa masuk. Yang dijual—itu saya faham, jadi mengapakah tak dijual ke Thailand sedangkan harga minyak di Thailand lebih mahal daripada kita, itu maksud saya; setahu saya kita hendak jual ke tempat yang mahal, tidak tahulah kalau hendak dijual ke tempat yang murah (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini yang dieksport ke negeri-negeri yang membeli dengan harga yang mahal, cuba Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

**Dato Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya saya menjawab, kita mengeksport minyak mentah oleh kerana dengan jalan mengeksport itu kita mendapat pendapatan yang lebih daripada kita proses kesemuanya minyak yang kita perolehi itu di dalam negara kita. Dan di samping itu kita mengimport minyak mentah daripada negara-negara lain kerana dengan cara itu juga kita mendapat keuntungan yang lebih.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa hasil daripada pengeksportan minyak mentah dari negara ini dibahagi-bahagikan kepada semua negeri dalam negara kita bagi maksud pembangunan. Saya ingin mendapat tahu sama ada benar atau tidak bahawa setiap negeri yang mengeluarkan minyak dalam Persekutuan berhak menerima royalti sehingga 5% dan jika benar, tidakkah benar juga bahawa negeri-negeri yang mengeluarkan minyak itu dalam Persekutuan kita ada memohon untuk 5% royalti ini yang dibayar daripada minyak yang dikeluarkan di negeri-negeri itu dinaikkan dan jika benar, adakah pihak Kerajaan menimbang dan memenuhi permintaan oleh negeri-negeri itu.

**Dato Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar Kerajaan Pusat memberi 5% kepada negeri-negeri yang mengeluarkan minyak. Tentang soalan yang kedua permintaan menambahkan peratus itu, saya berkehendakkan notis.

#### AKTA PERTUBUHAN (PINDAAN) 1981—BANTAHAN

6. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa berbagai pertubuhan dan persatuan yang mewakili semua lapisan masyarakat telah melahirkan bantahan keras mereka ke atas Akta Pertubuhan (Pindaan) 1981 sejak diluluskan di Parlimen; jika sedar, sama ada Kerajaan akan mengambil penuh perhatian terhadap semua bantahan itu dan menangguhkan pelaksanaannya.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, inginlah saya mengingatkan bahawa semenjak berita mengenai Akta Pertubuhan (Pindaan), 1981 dibincangkan di dalam akhbar, tiga hujah pokok telah dilaung-laungkan oleh pihak yang membantah:

- (a) Masa yang diberi untuk membincangkan mengenai pindaan ini tidak mencukupi;
- (b) Dengan adanya pindaan Akta ini hak bersuara akan terhapus; dan
- (c) Demokrasi kononnya akan mati apabila pindaan ini dibuat.

Pihak-pihak yang membantah terhadap pindaan Akta ini adalah dikenali sebagai pembangkang-pembangkang professional yang menjadikan kerja pembangkang sebagai matlamat atau cara hidup dan kadangkala sebagai sumber nafkah hidup (*Tepuk*).

Pindaan kepada Akta Pertubuhan, 1966 yang diberi nama Akta Pertubuhan (Pindaan), 1981 telah dibentangkan dan diluluskan di dalam Dewan Rakyat pada 8hb April, 1981. Semenjak dari 8hb April, 1981 sehinggalah 24hb April, 1981 tindakan-tindakan berterusan untuk menentang

pindaan Akta ini telah terus dijalankan oleh golongan-golongan yang sama; 16 hari berlalu sebelum Akta ini dibincangkan semula di dalam Dewan Negara dan diluluskan pada 24hb April, 1981. Dari tarikh 25hb April, 1981 hingga ke hari ini (10hb Jun, 1981), 46 hari telah berlalu. Jadinya dalam masa 64 hari dari tarikh pindaan kepada Akta Pertubuhan, 1966 dibentangkan di dalam Dewan Rakyat sehingga ke hari ini, kumpulan yang membangkang pindaan Akta ini telah berkesempatan mengeluarkan pendapat-pendapat mereka.

Dari kajian yang mendalam yang dibuat oleh pihak Kementerian jelaslah:

- (a) Kalangan yang membangkang tidak berubah;
- (b) Hak bersuara tidak terhapus; dan
- (c) Demokrasi tetap ada.

Malah bukan sahaja hak bersuara tidak disekat dengan pindaan Akta ini sebaliknya pindaan Akta ini sudah terbukti menjadi modal dan bahan tambahan untuk bebas bersuara.

Alangkah tandusnya alam fikiran mereka yang kononnya cerdik dan pandai jika tidak ada pindaan kepada Akta ini untuk mereka bahaskan. Malah mereka patut berterima kasih kerana mereka mempunyai satu isu yang dapat mereka salah tafsirkan sehingga mendapat sokongan daripada rakyat jelata yang mereka cuba kelirukan.

Apa yang jelas dari bangkangan-bangkangan yang dibuat ialah ianya berkisar di sekitar perkara-perkara lama dan pihak Kementerian berasa hairan kenapa faktor yang begitu sedikit untuk menentang pindaan ini memerlukan masa yang begitu lama sebagaimana yang dituntut. Sekarang setelah masa yang cukup diberi jelaslah bahawa tempoh yang telah diberi dahulu adalah lebih dari lumayan.

Walau bagaimanapun, ada satu perkara penting yang ketara yang dikemukakan sebagai hujah oleh seorang pemimpin Majlis Peguam dari Selangor. Beliau mencurigai kemampuan Ahli-ahli Parlimen untuk memahami implikasi satu-satu cadangan yang dibawa ke dalam Parlimen. Sebenarnya peguam itu sendiri telah tidak menerangkan

kepada pendengar ucapannya apakah yang menyebabkan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengecam sebahagian peguam-peguam yang tidak mengikut cara berprotes sehingga turut berdiri di tepi-tepi jalan dan melanggar undang-undang, memakai riben hitam dan masuk ke Parlimen dengan cara yang melanggar peraturan Parlimen. Memang benar hak membangkang perlu ada di dalam demokrasi tetapi hak membangkang tidak perlu jika hak membangkang secara yang mereka lakukan dan hak membangkang juga tidak perlu jika hak membangkang itu secara yang dilakukan oleh pihak komunis. Mereka patut ikut cara DAP dan PAS membangkang dan cara Ahli-ahli Barisan Nasional menegur.

Kesan dari pindaan Akta ini adalah baik dan tidak ada sebab untuk menanggukkan perlaksanaannya.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya setakat ini dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bahawa berapa buah persatuan-persatuan telah diiktirafkan ataupun telah memohon supaya menjadi persatuan politik daripada persatuan persahabatan?

**Tuan Sanusi bin Junid:** Kita sekarang ini sedang berhubungan dengan Pendaftar Pertubuhan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberitahu sebab musabab Kerajaan telah bertindak dengan begitu cepat untuk mewartakan Akta Pindaan ini dan juga melaksanakannya sedangkan banyak Akta-akta yang telah diluluskan di Parlimen belum diwartakan dan belum dilaksanakan. Di samping itu, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa banyak peluang telah diberikan kepada pertubuhan-pertubuhan untuk menyampaikan pandangan mereka tetapi di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa keengganan pihak Kerajaan untuk melayani dan menimbang bantahan yang sah daripada pertubuhan yang berkenaan untuk menarik balik Akta Pindaan itu telah merupakan satu tindakan yang tidak berdemokratik dan tidak

menghormati kehendak-kehendak dari sebahagian rakyat yang besar yang diwakili oleh badan-badan yang berkenaan.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Sebenarnya saya sendiri berasa hairan kenapa apabila Akta ini diwartakan maka ianya dikatakan diwartakan dengan cepat kerana banyak kali undang-undang yang diwartakan dengan cepat tetapi telah tidak ditimbulkan bantahan oleh pihak Pembangkang.

Mengenai Kerajaan mendengar suara daripada mereka yang membangkang, tidak ada suara baru yang terdengar oleh Kerajaan. Kerajaan juga berasa hairan kenapa tidak ada pihak Pembangkang yang ingin turut mengedarkan buku-buku yang sudah dicetakkan oleh Kerajaan untuk memaklumkan implikasi undang-undang ini yang sebenarnya. Saya berharap Ahli Yang Berhormat akan bekerjasama.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, selain daripada tindakan peguam-peguam untuk berkumpul di luar Parlimen, di tengah-tengah hujan dan dihalau oleh Polis, apakah tindakan-tindakan lain yang telah dijalankan oleh pihak Majlis Peguam setakat ini dan apakah tindakan pihak Kerajaan terhadap pihak yang menentang pelaksanaan Akta ini?

**Tuan Sanusi bin Junid:** Tindakan yang mereka telah lakukan secara bersama hanya sekadar mengeluarkan satu risalah ataupun usaha untuk menjalankan kempen supaya rakyat memahami hanya pandangan mereka dan pihak Kerajaan pula sedang berusaha untuk menjelaskan pandangan Kerajaan terhadap Akta ini.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut soalan ini yang telah dijawab oleh Timbalan Menteri, jelas kepada kita ada dua pendapat dan perbezaan. Walau macam manapun dalam Dewan Rakyat dan Parlimen sudah diluluskan jadi saya ingin dapat tahu sebagaimana ditanya tadi dalam soalan yang dijawab oleh Timbalan Menteri oleh pihak yang berkenaan kita berasa puas hati tetapi bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan

menyatakan orang-orang, parti-parti ataupun pertubuhan-pertubuhan yang tidak bersetuju dengan Akta ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah dijawab kerana soalan ini di luar daripada soalan asal.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh nafikan bahawa ada usaha-usaha untuk mengimplement atau menggazetkan Akta Pertubuhan (Pindaan) oleh kerana lain-lain Akta atau pindaan-pindaan belum digazetkan sekurang-kurangnya. Adakah tindakan ini oleh kerana sebab untuk menghalang Dato Harun Idris dari bertanding dalam UMNO election yang akan datang tidak lama lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini tadi telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah hendak ditambah lagi?

**Tuan Sanusi bin Junid:** Untuk maklumat, Dato Harun Idris adalah ahli UMNO dan bukan ahli DAP.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan asal Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan adanya usaha-usaha lanjutan untuk menentang pindaan-pindaan kepada Akta Pertubuhan, 1966. Ini juga saya yakin termasuk satu kempen melalui sebuah akhbar untuk menyeru supaya diadakan tandatangan beramai-ramai untuk menentang pindaan kepada Akta Pertubuhan, 1966 ini. Soalan saya ialah apakah kesan yang diterima oleh pihak yang menganjurkan itu sekiranya dapat dikesan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hasil daripada seruan tersebut dan apakah pihak Kementerian beliau bercadang untuk mengambil sebarang tindakan kepada pihak yang berkenaan setelah tempoh peralihan Akta Pertubuhan ini dilaksanakan nanti.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Saya fikir perkara itu masih belum timbul lagi dan perkara ini masih dilaung-laungkan. Walau bagaimanapun, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ada pengalaman menerima protes yang "ditandatangani oleh ramai orang" tetapi apabila diselidik yang menandatangani itu hanya seorang tetapi dia tandatangan banyak macam (*Ketawa*).

## PEJABAT PELAJARAN DAERAH

7. **Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Jabatan Pelajaran Daerah akan dilaksanakan dan bagaimanakah struktur serta status kedudukan pegawai-pegawai pelajaran di jabatan tersebut.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 57 buah Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah akan ditubuhkan dalam tahun 1982. Ianya akan diketuai oleh seorang Pegawai Pelajaran Daerah yang dibantu oleh beberapa orang pegawai penolong serta kakitangan sokongan. Tingkatan dan jenis jawatan-jawatan adalah berdasarkan kepada bilangan sekolah, guru-guru dan murid-murid yang terdapat dalam daerah-daerah tersebut.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Pegawai Pelajaran Daerah yang akan diwujudkan ini akan bertanggungjawab kepada Sekolah-sekolah Kebangsaan dan juga Sekolah-sekolah Menengah yang ada di daerah-daerah oleh kerana pada hari ini Penolong Pengelola Sekolah-sekolah hanyalah bertanggungjawab kepada Sekolah-sekolah Kebangsaan. Dan jika beliau bertanggungjawab kepada Sekolah-sekolah menengah, Sekolah-sekolah Kebangsaan dan Menengah, Sekolah-sekolah Kebangsaan dan juga Sekolah-sekolah Rendah yang ada dalam dipegang oleh beliau ini atau pangkatnya melebihi pangkat kepada semua Guru-guru Besar sama ada Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Menengah yang ada dalam daerah-daerah tersebut?

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, Pegawai Pelajaran Daerah akan bertanggungjawab untuk mengawasi dan menyelia semua sekolah-sekolah Kerajaan dalam sesuatu daerah dan jawatan yang telah diluluskan bagi Pegawai Pelajaran Daerah adalah di Tingkatan tertinggi 'G' dan adalah dikira tingkatan ini adalah sesuai memandangkan kepada jawatan-jawatan sebagai Guru Besar di Sekolah-sekolah Menengah di dalam

sesuatu daerah. Walau bagaimanapun kita akan memastikan bahawa pegawai-pegawai yang akan dilantik untuk mengetuai Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah itu adalah terdiri daripada pegawai-pegawai yang kanan berbanding dengan Guru-guru Besar dalam sesuatu kawasan itu.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran untuk menjamin bahawa dengan wujudnya Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah ini tidak bertambahnya 'red tape' di kalangan pentadbiran pelajaran yakni di antara sekolah kepada Jabatan Pelajaran Negeri dan seterusnya kepada Kementerian Pelajaran?

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar mungkin pentadbiran dalam perkhidmatan pelajaran agaknya sedikit 'over-centralised' pada masa ini. Oleh sebab itu dengan pengujudan Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah kita akan mengkaji supaya pejabat-pejabat tersebut akan diberikan kuasa-kuasa yang sewajarnya supaya Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah itu tidak akan merupakan satu peringkat tambahan yang akan melambatkan perkhidmatan pelajaran dan bukan disebaliknya seperti mana tujuan kita.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran apakah Pejabat Pelajaran Daerah ini akan mempunyai kuasa bertanggungjawab terhadap Jabatan Pelajaran Negeri ataupun Pejabat ini akan terus bertanggungjawab kepada Kementerian dan Jabatan Pelajaran Negeri merupakan satu saluran penyelarasan sahaja dan berapa ramai pegawai-pegawai yang akan dilantik di dalam tiap-tiap pejabat ini?

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, Pejabat pejabat Pelajaran Daerah akan bertanggungjawab kepada Jabatan-jabatan Pelajaran di peringkat negeri dan bagi bilangan pegawai-pegawai adalah bergantung kepada keadaan di dalam sesuatu daerah.

## KERETAPI YANG TERGELINCIR

8. Tuan P. Patto minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan kes-kes Keretapi tergelincir yang telah berlaku di Semenanjung Malaysia dalam tempoh 1978 hingga sekarang;
- (b) jumlah kerugian kewangan yang dialami akibat kegelinciran tersebut;
- (c) sebab-sebab berlakunya lagi keretapi tergelincir walaupun janji demi janji telah diberi oleh Menteri-menteri berkenaan bahawa segala tindakan yang perlu telah diambil oleh Kementeriannya untuk memastikan supaya tidak akan berlaku kes-kes keretapi tergelincir.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kegelinciran-kegelinciran hebat dalam tempoh 1978 hingga sekarang adalah seperti berikut:

1978 .. ..	123
1979 .. ..	126
1980 .. ..	169
1981 .. ..	55 (hingga Mei 1981)

- (b) Jumlah kerugian/perbelanjaan yang dialami adalah seperti berikut:

Tahun	Perbelanjaan
1978 .. \$	881,221.78
1979 .. \$	760,608.64
1980 .. \$	1,849,934.23
1981 .. \$	374,145.53 (hingga Mei 1981)

- (c) Sebab-sebab kegelinciran adalah seperti berikut:

- (i) Kecacatan gerabak
- (ii) Kecacatan landasan
- (iii) Kecuaian kakitangan
- (iv) Muatan berlebihan/Tidak seimbang
- (v) Terlanggar binatang
- (vi) Disyaki perbuatan khianat

(vii) Lain-lain

(viii) Dalam penyiasatan

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kes-kes kegelinciran yang berlaku, adalah berpunca dari berbagai sebab sepertimana yang telah disebutkan di atas. Setiap kes yang berlaku akan disiasat oleh sebuah jawatankuasa yang terdiri dari Pegawai Kanan KTM. Berdasarkan kepada keputusan penyiasatan dan rekomendasi yang dibuat oleh jawatankuasa tersebut, tindakan-tindakan akan diambil/disusuli supaya dapat mengelakkan kegelinciran berlaku atas sebab-sebab yang sama. Di samping itu, tindakan-tindakan yang berupa 'routine work' senantiasa dilakukan bagi mengelakkan berlakunya kegelinciran di seluruh sistem. Tindakan-tindakan yang diambil adalah:

- (i) Membaharui landasan, gerabak dan koc-koc yang sudah lanjut usianya melalui rancangan-rancangan pembaharuan yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.
- (ii) Menghadkan kelajuan tren di bahagian-bahagian landasan yang telah lama sementara menanti ianya dibaiki atau diganti.
- (iii) Mengadakan pengawasan yang rapi untuk menentukan muatan-muatan yang diisikan ke dalam gerabak-gerabak seimbang dan tidak melebihi had muatan yang telah ditetapkan.
- (iv) Memberi latihan kepada setiap peringkat kakitangan, khususnya di bahagian operasi dalam teknik memandu yang lebih berkesan dan juga pemeliharaan landasan dan stok kereta. Mengambil tindakan disiplin ke atas kakitangan-kakitangan yang didapati cuai menjalankan tugasnya.
- (v) Menambah lagi kadar pembaharuan landasan tahunan serta membaiki lagi mutu penyelenggaraan landasan dengan menggunakan jentera penyelenggaraan moden.
- (vi) Membaiki Sistem Persemboyan dan komunikasi untuk mengelakkan kemalangan di seluruh rangkaian KTM.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan, Tuan Speaker. Tadi Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa salah satu daripada sebab berlakunya kes-kes kegelinciran ialah kecuaiannya kakitangan. Di antara 473 kes yang disebutkan berlaku sejak tahun 1978 hingga bulan Mei, 1981 bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu berapakah kes di mana kecuaiannya kakitangan didapati sebab utama kerana berlakunya kegelinciran dan berapa orangkah pegawai KTM yang telah dihukum kerana kecuaiannya mereka yang menghasilkan berlakunya kes-kes kegelinciran?

**Dato Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi kes-kes yang disyaki iaitu sebabnya kecuaiannya kakitangan oleh kerana tiap-tiap kegelinciran ada banyak sebab-sebabnya. Oleh kerana kami tidak dapat sahkan satu-satu sebab maka kami tidak dapat memberi jumlah kes oleh sebab kecuaiannya kakitangan.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sama ada benar bahawa oleh kerana terlalu kerap keretapi ini tergelincir maka pihak syarikat-syarikat insurans agak keberatan untuk menerima insurans keretapi ini dan ada yang terima itu terpaksa mengenakan premium yang tinggi kepada KTM yang akhirnya menyebabkan operating cost KTM ini bertambah tinggi.

**Dato Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar perkara ini dan juga saya minta notis untuk menjawabnya.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, angka yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi berkenaan dengan bilangan kegelinciran rel nampaknya bilangan kes kemalangan telah bertambah tahun demi tahun. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa ini telah menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap kegunaan rel di negara kita? Jika beliau sedar, adakah pihak KTM bercadang untuk melancarkan satu kempen keselamatan kebangsaan untuk memulihkan keyakinan orang ramai terhadap kegunaan rel?

**Dato Lee San Choon:** Sebenarnya satu kempen keselamatan sedang dijalankan dalam KTM dan saya tidak bersetuju iaitu keyakinan orang ramai kepada KTM masih kurang.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi adakah benar bahawa sebab-sebab yang diberi olehnya adalah sebab-sebab yang diagak-agakkan dan bukannya sebab-sebab yang benar oleh kerana kalau sekiranya benar tidakkah boleh Yang Berhormat Menteri dengan tepat mengatakan ada berlaku kes-kes kegelinciran di mana kecuaiannya kakitangan adalah puncanya dan kalau benar apakah tindakan telah diambil dan berapa orang yang telah dibuang kerja atau tindakan tatatertib diambil terhadapnya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiap-tiap satu soalan tambahan tidak boleh dijadikan helah untuk perbincangan. Bila diberi jawapan tadi saya dengar dengan jelas iaitu tidak ada satu kegelinciran berlaku khusus disebabkan oleh kelalaian pegawai sahaja melainkan ada unsur-unsur lain. Dengan sebab itu sudah jelas dijawabnya, sekadarkan bilangan pegawai yang sudah diambil tindakan itu barangkali kenalah dijawab juga.

**Dato Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, tidak benar iaitu perkara kegelinciran-kegelinciran yang berlaku sebab-sebabnya kita agak-agak sahaja—tidak benar, oleh sebab tiap-tiap kegelinciran mungkin ada "combination of factors", bukan sahaja kecuaiannya kakitangan tetapi ada lain sebab juga. Jadi dengan adanya keadaan itu kita tidak boleh sahkan iaitu kegelinciran itu oleh sebab kecuaiannya kakitangan sahaja.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi salah satu sebab kegelinciran tadi disebabkan relnya tak betul. Saya ingin dapat tahu adakah sebelum keretapi itu berjalan ataupun selalu, kalau tidak sebelum, diadakan rondaan terlebih dahulu sebagaimana dibuat pada masa-masa yang lepas ada satu kereta tolak dan kadang-kadang ada satu kereta yang paling laju di situ memandangkan keadaan rel dan sebagainya.

**Dato Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak tahu, saya minta notis jawab soalan itu.

## BURUH-BURUH INDONESIA DI MALAYSIA

**9. Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menyelesaikan masalah buruh-buruh Indonesia yang masuk ke Malaysia, terutamanya yang dikatakan dibawai masuk oleh beberapa kumpulan sindikit, oleh perkara ini adalah:

- (a) hanya menguntungkan sindikit dan pemborong serta majikan yang berkenaan sahaja;
- (b) boleh menimbulkan keadaan sosial yang tidak sihat; dan
- (c) mungkin boleh menjadi duri dalam daging hubungan antara Malaysia dan Indonesia.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ada membuat satu kajian mengenai kedudukan buruh-buruh dari Indonesia yang bekerja di negara kita. Pada masa ini Kementerian sedang membincangkan kajian tersebut dengan lain-lain Kementerian, seperti Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dengan tujuan untuk mencari jalan bagi menyelesaikan masalah ini.

**Tuan Chan Teck Chan:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kita bilakah hasil dari kajian dan perbincangan ini akan diumumkan untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini?

**Tuan William Lye Chee Hien:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini perkara ini adalah di dalam perbincangan di antara Kementerian saya dan Kementerian lain yang baru saya sebutkan dan selepas itu satu kertas akan disediakan untuk keputusan Jumaah Menteri.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, di peringkat ini saya hendak tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan, adakah beliau boleh atau dapat memberi angka berapakah jumlah orang-orang ataupun buruh-buruh Indonesia yang masuk ke Malaysia sebagaimana yang terdapat di

dalam kajian-kajian yang dibuat oleh Kementerian beliau dan kini sedang pula hendak dirundingkan dengan Kementerian-kementerian lain?

**Tuan William Lye Chee Hien:** Oleh kerana perkara ini sedang dibincangkan dengan Kementerian-kementerian, saya harap Ahli Yang Berhormat itu bersabar sedikit.

## HARGA MINYAK MENTAH

**10. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengurangkan harga minyak tempatan terutama sekali memandangkan harga minyak antarabangsa telah menurun dan juga beri harga-harga bandingan sekarang untuk keluaran-keluaran minyak daripada Malaysia dan keempat-empat negara ASEAN yang lain berkait dengan minyak premium, minyak regular, diesel, minyak tanah.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejatuhan harga minyak mentah yang dinyatakan itu adalah kejatuhan harga yang hanya berlaku di pasaran "spot" (spot market) di Rotterdam, New York dan London. Harga minyak mentah di pasaran spot adalah berubah setiap hari kerana ia dipengaruhi secara langsung oleh kuasa permintaan dan bekalan. Adalah difahamkan bahawa minyak mentah yang diniagakan di pasaran spot merupakan 10% sahaja daripada jumlah bekalan minyak dunia. Pembeli-pembeli utama minyak mentah di pasaran spot ini adalah syarikat-syarikat persendirian yang kecil. Syarikat-syarikat besar membeli minyak mentah di pasaran spot hanya untuk memenuhi kekurangan bekalan jangka masa pendek dan bahagian ini adalah kecil. Syarikat-syarikat ini membeli sebahagian besar keperluan mereka secara kontrek dari negara-negara pengeluar minyak mentah. Harga kontrek ini tidak berubah sejak 1hb Januari 1981.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, negara-negara OPEC dalam mesyuaratnya pada 26hb Mei, 1981 telah bersetuju untuk membeku harga jualan rasmi pada paras sekarang sekurang-kurangnya

hingga akhir tahun ini. Adalah juga dilaporkan bahawa 10 buah daripada 13 buah negara-negara anggota OPEC telah bersetuju untuk mengurangkan pengeluaran minyak mentah sebanyak 10% mulai 1hb Jun, 1981 dan kemungkinan Arab Saudi menaikkan harga minyak mentahnya sebanyak US\$2 setong menjadi US\$34 setong sebelum akhir tahun ini. Pengurangan pengeluaran ini adalah disebabkan oleh bekalan yang berlebihan di dalam pasaran minyak mentah akibat dari pengeluaran yang berlebihan daripada keperluan sebenar oleh Arab Saudi sebagai satu langkah untuk mendapat kerjasama dari anggota-anggota OPEC yang lain untuk membekukan harga minyak mentah.

Berkenaan dengan harga barang-barang petroleum dalam negeri, saya ingin menjelaskan bahawa harganya adalah berdasarkan harga "posted" barang-barang petroleum di Singapura (Singapore posted price). Harga "posted" ini adalah harga "ex-kilang" bagi kilang-kilang penapis di Singapura; dan harga tersebut dilaporkan di dalam matawang dollar Amerika. Sejak kenaikan harga pada 18hb April, 1981, harga "posted" barang-barang petroleum di Singapura telah jatuh secara purata seperti berikut:

- (1) Premium Petrol .. US 1/4 sen segelen
- (2) Regular Petrol .. US 1/3 sen segelen

- (3) Minyak Diesel .. US 1/4 sen segelen
- (4) Minyak Tanah .. US 1 1/2 sen segelen

Oleh kerana nilai matawang Amerika telah meningkat (berbanding dengan ringgit Malaysia) dari 2.2947 (iaitu kadar yang digunakan semasa harga baru ditetapkan pada 18hb April, 1981) kepada 2.3664 (iaitu purata 1hb hingga 8hb Jun) menyebabkan purata harga "posted" barang-barang petroleum di Singapura dalam matawang Malaysia telah meningkat antara 6 sen hingga 9 sen satu gelen. Sungguhpun harga "posted" ex-Singapura dalam matawang Amerika Syarikat telah turun antara U.S.1/4-1 1/2 sen untuk barang-barang petroleum tersebut di atas, kejatuhan ini dapat menampung kenaikan kos yang disebabkan oleh keteguhan nilai matawang Amerika. Oleh yang demikian Kementerian saya tidak bercadang untuk mengurangkan harga barang-barang petroleum dalam negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan terus mengawasi dan mengkaji perubahan yang berlaku ke atas bekalan dan harga minyak mentah dunia dan kesannya terhadap harga dalam negeri.

Harga barang-barang petroleum di dalam negeri berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain pada masa sekarang adalah seperti berikut:

	Malaysia	Singapura	Indonesia	Thailand	Philipina
	(Ringgit Segelen)				
Premium Petrol .. .. .	4.90	5.36	3.76	4.98	7.32
Regular Petrol .. .. .	4.64	4.96	2.56	4.35	7.04
Minyak Diesel .. .. .	2.10	3.53	0.90	3.90	4.33
Minyak Tanah .. .. .	2.10	3.72	0.60	3.76	4.35

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 46 adalah diberi di bawah ini).*

### LETRIK SWASTA—PEMBEKAL MENAikkan TARIF

11. Tuan Lee Kaw minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar kontrektor-kontrektor swasta

yang membekal bekalan letrik ke kampung-kampung baru seperti di Johor telah menaikkan kadar letrik setiap yunit dari 40 sen kepada 47 sen meskipun Lembaga Letrik Negara tidak menaikkan kadar tersebut, dan sebab-sebab mengapa kelulusan itu diberi.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya menyatakan bahawa saya tidak sedar mengenai pelesen-pelesen awam di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia yang telah menaikkan tarif mereka tanpa mendapat kelulusan kecuali sebuah pelesen awam di negeri Johor.

Pejabat Ketua Pemeriksa Elektrik, Tanah Melayu telah dapat mengesan tentang kenaikan tarif oleh pelesen awam di Paloh, Johor hasil dari pengaduan-pengaduan yang diterima daripada para pengguna yang berkenaan oleh pejabat LLN di Johor Bharu. Selepas pengaduan-pengaduan tersebut diterima, satu penyiasatan telahpun dijalankan. Di samping itu, pelesen awam dari Paloh serta lain-lain pelesen di Negeri Johor iaitu di Chaah, Bekok, Pekan Nenas, Sedenak, Kahang dan Kangkar Bahru telah ditemui oleh Ketua Pemeriksa Elektrik di pejabatnya pada 4hb Jun, 1981 yang lalu. Dari perjumpaan tersebut adalah didapati bahawa pelesen awam di Paloh sahaja yang menaikkan tarifnya sebanyak 7 sen daripada 40 sen kepada 47 sen setiap unit tanpa pengetahuan dan kelulusan Ketua Pemeriksa Elektrik.

Tuan punya pelesen awam di Paloh telah menyatakan kesalnya di atas kesilapan yang telah dilakukan dan seterusnya berjanji akan menurunkan tarif tersebut ke tarif yang asal iaitu sebanyak 40 sen se unit. Beliau akan memberitahu wakil-wakil tempatan di Paloh mengenai perkara ini di samping memaparkan notis-notis di pejabatnya untuk memberitahu semua pengguna yang berkenaan bahawa kenaikan sebanyak 7 sen setiap unit tidak akan lagi dimasukkiran di dalam semua bil mereka mulai sekarang. Bagi pengguna-pengguna yang telah menerima bil mereka yang telah dimasukkiran kenaikan 7 sen seyunit, ianya akan diselaraskan apabila pembayaran dibuat oleh pengguna-pengguna yang berkenaan.

Daripada penjelasan yang diberikan di atas, jelaslah bahawa kenaikan tarif oleh pelesen awal di Paloh itu adalah dibuat tanpa pengetahuan Ketua Pemeriksa Elektrik dan tanpa mendapat kelulusan.

## LEBUHRAYA KUALA LUMPUR/ KUALA TRENGGANU

**12. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) bilakah Lebuhraya Kuala Lumpur/Kuala Trengganu dijangka akan siap dan berapa anggaran belanja membinanya;
- (b) bilangan jambatan merintang sungai dan anak-anak sungai dan jejambat yang akan dibina sepanjang Lebuhraya ini.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Clarence E. Mansul):** Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa buat masa ini Kementerian saya tiada mempunyai projek khas pembinaan jalan di bawah tajuk "Lebuhraya Kuala Lumpur/Kuala Trengganu". Walau bagaimanapun, kerja pembinaan dan memperelokkan jalanraya yang sedia ada dari Kuala Lumpur ke Kuala Trengganu telah dan sedang dilaksanakan di bawah beberapa projek berasingan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat.

## TANAH TERBIAR DI KAMPUNG TRADISIONAL

**13. Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah tanah terbiar di kawasan kampung tradisional.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Shariff Ahmad):** Sebagaimana Yang Berhormat maklum, Kerajaan sedang mengambil beberapa tindakan yang tertentu bagi mengatasi masalah tanah terbiar khususnya di kawasan kampung tradisional. Kementerian saya sedang bergiat mengatur dan menjalankan program-program yang tertentu bagi mengatasi perkara ini.

RISDA ditugaskan untuk mengatasi masalah tanah-tanah getah yang terbiar. Agensi ini sedang berusaha mengambilalih kawasan-kawasan tanah getah terbiar.

termasuklah tanah getah tua supaya ditanam semula di bawah Program Mini-Estet yang mana tanah-tanah ini akan diusahakan oleh RISDA sendiri; dan tuan tanah akan diberikan keuntungan daripada hasil getah yang telah ditanam semula itu.

FELCRA telah diarah menyusun program supaya kawasan-kawasan perkampungan yang terbiar dipulihkan semula secara khusus dalam bentuk program *in-situ*; serta mengambilkira kawasan-kawasan kampung yang terbiar yang berhampiran dengan mana-mana rancangan FELCRA yang sedang diselenggarakan.

### SUBSIDI PADI KEPADA PETANI-PETANI SABAH

14. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada petani-petani di Sabah adalah berhak untuk mendapat faedah dari skim subsidi padi.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Pesawah-pesawah di Negeri Sabah yang menjual padi mereka diberi subsidi harga padi apabila skim tersebut dilaksanakan di negeri itu.

Kerajaan telah mula melaksanakan skim subsidi harga padi kepada pesawah-pesawah mulai pada 10hb Januari, 1980 di Semenanjung Malaysia. Semasa ketetapan dibuat untuk menaikkan nilai subsidi dari \$2 kepada \$10 sepikul, Kerajaan juga telah membuat keputusan untuk meluaskan pelaksanaan skim itu ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Rundingan-rundingan telah dibuat oleh LPN dengan Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak bagi menentukan cara dan masa untuk melaksanakan skim tersebut di kedua-dua negeri itu.

Selepas sahaja dikesan masalah-masalah yang kelak akan timbul, serta disediakan struktur pemasaran yang diperlukan maka skim subsidi itu akan dilancarkan.

### ISU KAFIR-MENGGKAFIR— MENGHINDARKAN

15. Tuan Haji Hashim bin Haji Endut minta Perdana Menteri menjelaskan peranan dimain oleh Majlis Hal Ehwal Ugama Islam

Malaysia dan juga Persidangan Raja-raja Melayu bersabit dengan peristiwa pulau-memulau, kafir-mengkafir dan pecah-belah sesama umat Islam dalam negara ini, satu-satunya kejadian atau peristiwa malang yang melarat dan melewati di segenap pelusuk rantau dalam negara kita, yang boleh menyebabkan akidah orang-orang Islam tergugat dan terjejas. Bagaimana caranya rakyat boleh menghindarkan peristiwa itu berulang laku dalam jangkamasa panjang dan pendek oleh pihak Kerajaan. Apakah hubungan di antara Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dengan Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Negeri selama ini.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu kafir-mengkafir, pulau-memulau dan pecah-belah sesama umat Islam di negara ini telah berlaku sejak lama dulu. Perkara seumpama ini amat dikesalkan sekali kerana ia telah menjejaskan keharmonian masyarakat di negara ini. Dan yang amat mendukacitakan lagi kerana ia berlaku di kalangan umat Islam sendiri.

Kerajaan memandang berat mengenai perkara ini dan sejak lama dulu telah mengambil langkah yang sewajarnya bagi menyelesaikan isu yang ditimbulkan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, isu kafir-mengkafir yang membawa pepecahan di antara sesama umat Islam telah diputuskan oleh Majlis Jawatankuasa Tetap bagi Majlis Raja-raja yang berpendapat adalah kafir-mengkafir seseorang Islam itu satu daripada perkara yang dipandang tersangat berat dalam ugama Islam. Kiranya orang yang dihadapkan kepadanya perkataan itu tidak tepat sifat-sifat yang menjadikan dia murtad, maka kembalilah hukum murtad itu kepada orang yang berkata itu pula.

Jawatankuasa Tetap Ugama bagi Majlis Raja-raja juga menasihatkan kepada sekalian ikhwan muslimin, iaitu kalimat kafir-mengkafir seseorang Islam itu hendaklah dipelihara lidah masing-masing daripadanya, sama ada dalam kempen-kempen atau perbualan hari-hari atau lain-lainnya.

Pengisytiharan Jawatankuasa Tetap bagi Majlis Raja-raja ini telah disebar kepada seluruh umat Islam di negara ini.

Sayugia dinyatakan di sini bahawa pada ketika itu Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia belum lagi ditubuhkan. Oleh kerana isu kafir-mengkafir ini ditimbulkan semula, maka perkara ini telah dibincangkan pula dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan di Kuching, Sarawak pada 12 dan 13 Mei, 1981 dan mengambil keputusan bersetuju mengekalkan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Tetap. Bagi Majlis Raja-raja Tahun 1963 itu.

Untuk menghindarkan isu kafir-mengkafir yang boleh memecah-belahkan umat Islam di negara ini, maka adalah wajar umat Islam di negara ini mematuhi keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Tetap Bagi Majlis Raja-raja Tahun 1963 itu.

Mengenai hubungan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dengan Majlis Ugama Islam Negeri-Negeri, Perkara 7, 8 dan 9 peraturan Majlis Kebangsaan memperuntukan seperti berikut:

"7. Tugas-tugas Majlis ialah:

- (a) membincang, menimbang dan menguruskan apa-apa perkara yang dirujuk kepada Majlis oleh Raja-raja, mana-mana Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri atau seseorang Ahli Majlis, dengan tujuan hendak memberi nasihat atau pengesyoran;
- (b) memberi nasihat kepada Majlis Raja-raja Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran Ugama Islam dan pelajaran Ugama Islam, dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggalak persamaan undang-undang atau pentadbiran.

8. Pada menjalankan tugas-tugas Majlis adalah berkuasa berutus dengan mana-mana Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri meminta apa-apa maklumat, laporan atau perkara-perkara lain

berkenaan dengan ugama Islam atau pentadbirannya dan Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri hendaklah memberi kerjasamanya dengan menunaikan permintaan-permintaan tersebut. Melainkan dalam perkara dasar atau polisi hendaklah lebih dahulu mendapat persetujuan Raja Negeri itu.

9. Apabila sesuatu nasihat atau pengesyoran dikemukakan oleh Majlis kepada Majlis Raja-raja dan Majlis Raja-raja mempersetujui nasihat atau pengesyoran itu, maka pihak berkuasa Ugama Islam Negeri hendaklah melaksanakan nasihat atau pengesyoran itu, dan nasihat atau pengesyoran tersebut itu hendaklah jangan dipinda, diubah atau dihentikan dengan tidak mendapat terlebih dahulu persetujuan Majlis Raja-raja".

#### **KADAR ISI RUMAH DI NEGERI PULAU PINANG**

16. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar 29.5% isi rumah di Negeri Pulau Pinang hidup di bawah garis kemiskinan dan jika ya apakah langkah-langkah yang Kerajaan telah mengambil untuk mengurangkan kadar kemiskinan yang tinggi di Negeri Pulau Pinang; dan
- (b) mengapa memandangkan hakikat di atas, Negeri Pulau Pinang hanya diperuntukan sejumlah wang yang kecil di bawah Rancangan Malaysia Keempat jika dibanding dengan negeri-negeri lain seperti Selangor, Johor dan Wilayah Persekutuan di mana insiden kemiskinan negeri-negeri ini adalah kurang dari Negeri Pulau Pinang.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):**

- (a) Bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu sungguhpun 29.5% dari isi rumah di Pulau Pinang berada di bawah paras garis kemiskinan pada tahun 1976, angka ini adalah agak rendah sekiranya dibandingkan dengan negeri-negeri lain seperti Kedah, Kelantan, Pahang, Perak, Perlis dan Trengganu. Walau bagaimanapun, saya

percaya, isi rumah yang miskin di Pulau Pinang akan menikmati faedah dari program-program dan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Memandangkan keadaan bahawa kebanyakan daripada isi rumah yang miskin terdapat di kawasan-kawasan luar bandar, satu strategi penting bagi pembasmian kemiskinan ialah dengan meningkatkan lagi pengeluaran dalam kawasan-kawasan pertanian yang sedia ada secara bersepadu (integrated basis). Ini ialah bagi membolehkan penggunaan secara berkesan sumber-sumber tanah dan ladang. Projek pembangunan pertanian yang disatukan di Balik Pulau/Seberang Prai, adalah merupakan sebuah projek bersepadu bagi negeri Pulau Pinang. Apabila projek itu siap kelak ia dijangka dapat memberi faedah kepada 18,000 orang petani-petani.

Bagi golongan-golongan miskin di bandar pula, usaha-usaha pembasmian kemiskinan akan tertumpu kepada usaha-usaha untuk mengatasi masalah-masalah berkaitan dengan kos kehidupan bandar yang tinggi dan kekurangan perumahan. Program-program rumah kos rendah akan dipercepatkan bagi menampung keperluan-keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah.

Selain daripada itu, program-program memajukan pembangunan industri di kawasan-kawasan perdagangan bebas dan perindustrian seperti di Prai, Bagan Serai dan Bayan Lepas juga akan terus dilaksanakan. Tumpuan adalah dipusatkan kepada usaha untuk mengadakan pekerjaan-pekerjaan baru melalui pembangunan industri-industri ringan yang akan membantu meningkatkan pendapatan golongan miskin di bandar.

Secara am, golongan miskin di Pulau Pinang, baik di bandar ataupun luar bandar, dijangka dapat menikmati faedah-faedah dari beberapa program-program pembangunan yang bertujuan memperbaiki kemudahan-kemudahan sosial seperti pembekalan elektrik yang mencukupi, misalnya dengan pembukaan Stesyen Janakuasa Prai (peringkat kedua), pembaikan pembekalan air paip dengan perlaksanaan skim pembekalan air Mengkuang dan program pembekalan air Bukit Dumber/Bayan Baru.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Pulau Pinang mendapat peruntukan sebanyak \$52.02 juta bagi kemudahan-kemudahan tenaga dan awam.

Mengenai soalan (b) pula, di bawah Rancangan Malaysia Keempat, peruntukan mengikut negeri dibuat berdasarkan kepada beberapa kriteria. Peringkat pembangunan sesebuah negeri hanya merupakan salah satu daripada kriteria itu. Selaras dengan tujuan untuk mencapai objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru, maka beberapa kriteria seperti kedudukan sosio-ekonomi, kemampuan penyerapan (absorptive), potensi bagi pembangunan ekonomi masa depan, dan kedudukan kemajuan bagi tiap-tiap negeri telah dipertimbangkan bagi mendapatkan matlamat optima mengikut negeri. Matlamat optima ini kemudian diselaraskan dengan beberapa faktor tertentu sebelum peruntukan-peruntukan sebenar dibuat dan ini termasuklah hakikat bahawa sebilangan besar projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga perlu disambungkan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

#### JABATAN TANAH DAN GALIAN PULAU PINANG—AMALAN CURANG

17. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar Biro Siasatan Negara sedang menyiasat amalan-amalan curang (malpractices) di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang; jika ya, nyatakan apakah amalan-amalan curang itu dan sama ada siasatan ke dalam perkara tersebut telah siap.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Adalah benar BSN sedang menjalankan penyiasatan tentang tomahan-tomahan curang yang berlaku di dalam Jabatan Tanah dan Galian, Pulau Pinang.

Penyiasatan masih berjalan.

Saya suka mengambil peluang ini menjawab juga tomahan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dalam Dewan ini pada petang Isnin 8hb Jun yang lalu mengenai pengeluaran tender bagi mencarigali 'tantalum' di Tanah Kerajaan di Jalan Noordin dan Jalan Anson, Negeri Pulau Pinang. Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat itu, saya telah diberitahu oleh pihak BSN yang telah pun membuat penyiasatan yang menyeluruh mengenai pengeluaran tender berkenaan bahawa tidak ada sesiapa pun yang boleh dituduh kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Mencegah Rasuah atau Ordinan Dharurat (Kuasa-Kuasa Perlu) Bil. 22/70.

Mengikut kenyataan yang telah didapati, adalah benar bahawa Pengarah Syarikat yang berjaya mendapat tender itu mempunyai hubungan persaudaraan dengan seorang Ahli Lembaga Tender, tetapi tidak ada bukti yang menunjukkan kesalahan rasuah telah dilakukan oleh mana-mana pihak. Oleh yang demikian Pihak Biro Siasatan Negara tidak bercadang mengambil apa-apa tindakan selanjutnya terhadap mana-mana pihak yang tertentu.

Saya suka juga menyatakan bahawa tidaklah adil atau patut bagi Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu menggunakan 'privilege'nya dalam Dewan ini membuat tuduhan dan menamakan di dalam tuduhannya itu seseorang pegawai Kerajaan yang tidak dapat membela dirinya dalam Dewan ini. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum sekiranya ada bukti yang menunjukkan seseorang pegawai Kerajaan itu curang, Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah buat laporan resmi kepada pihak BSN, dan terserahlah kepada BSN untuk membuat penyiasatan selanjutnya jika ada asas mengenai kes itu.

#### **SKIM RUKUN TETANGGA— MENGHAPUSKAN**

**18. Tuan Lim Cho Hock** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Skim Rukun Tetangga telah membawa akibat buruk lebih banyak daripada kebaikan:

- (a) Berjuta-juta jam orang bekerja telah hilang setiap tahun;
- (b) Waktu mengajar di sekolah-sekolah telah terganggu;
- (c) Kerja-kerja di dalam Jabatan Kerajaan telah terlewat;
- (d) Perusahaan dan perniagaan mengalami kerugian keuntungan dan perniagaan.

Sekiranya sedar, sama ada beliau akan menimbangkan untuk menghapuskan Skim Rukun Tetangga dan menggantikannya dengan Kursus Sivik di seluruh negara untuk semua rakyat yang akan dianjurkan oleh Kementerian Penerangan.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan mengenai perkara ini telahpun dijawab bersama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada 8 Jun 1981. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan mengenainya.

#### **PERTUKARAN GURU-GURU**

**19. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa sebahagian dari guru-guru yang ditukar dari satu tempat ke satu tempat yang lain adalah disebabkan oleh tekanan politik dan dengan demikian mungkin menimbulkan rasa muak dan jemu serta dendam yang mendalam yang membawa kerugian kepada pelajaran anak-anak, kalau sedar adakah Y.B. Menteri bercadang supaya masalah politik tidak menjadi faktor yang penting dalam amalan penukaran guru-guru.

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam):** Pertukaran guru-guru pada dasarnya dilaksanakan mengikut kriteria yang berikut:

- (i) Atas kepentingan perkhidmatan (exigencies of service).
- (ii) Permohonan dari guru-guru atas sebab-sebab peribadi.
- (iii) Atas pertukaran yang berasaskan prinsip "sistem bergilir" (Rotation System).
- (iv) Atas sebab-sebab kepentingan sekolah seperti disiplin.

#### **PERTUBUHAN POLITIK—BILANGAN**

**20. Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bahawa hingga 31-5-81 ini, berapakah buah pertubuhan, badan atau pergerakan telah ditukar sebagai 'pertubuhan politik', dan setakat ini Malaysia ada mempunyai berapa buah badan/pertubuhan yang didaftarkan di

bawah Akta Pertubuhan 1966, dengan menyatakan jenis pertubuhan dan bilangannya; berapakah memorandum bantahan terhadap pindaan atas Akta Pertubuhan telah diterima dan apakah keputusan telah dibuat atas memorandum ini.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Sehingga 31-5-81 pihak Pendaftar Pertubuhan masih belum menerima dari mana-mana pertubuhan, badan atau pergerakan yang ingin ditukarkan sebagai 'pertubuhan politik' sebagaimana peruntukan seksyen 18c Akta Pertubuhan (Pindaan) 1981 yang berkuatkuasa pada 15-5-81.

Sehingga 31-5-81 terdapat sejumlah 14,316 buah pertubuhan dan sejumlah 19,173 buah cawangan pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia.

Pecahan mengikut jenis adalah seperti berikut:

(i) Sosial .. .. .	1,925 buah
(ii) Belia .. .. .	1,751 buah
(iii) Faedah Bersama ..	1,665 buah
(iv) Sukan .. .. .	2,042 buah
(v) Peladang .. .. .	55 buah
(vi) Guild .. .. .	1,641 buah
(vii) Am .. .. .	2,337 buah
(viii) Huay Kuan .. ..	732 buah
(ix) Ugama .. .. .	1,278 buah
(x) Kesenian .. .. .	521 buah
(xi) Kongsi .. .. .	331 buah
(xii) Politik .. .. .	38 buah
Jumlah ..	<u>14,316 buah</u>

Hanya sebanyak 4 buah memoranda telah diterima oleh Kementerian ini berhubung dengan Pindaan Akta Pertubuhan (1981), walau bagaimanapun, memandangkan Pindaan Akta Pertubuhan (1981) telah dikuatkuasakan maka perkara ini tidak lagi berbangkit.

#### PERKHIDMATAN PERKAPALAN SEMENANJUNG MALAYSIA—SARAWAK

**21. Tuan Chieng Tiong Kai** meminta Menteri Pengangkutan menyatakan bilangan Syarikat-syarikat Perkapalan yang

menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan tetap dan jumlah ton kargo yang berulang alik antara Semenanjung Malaysia dan Sarawak.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon):** Pada tahun 1980, sejumlah 354 lesen perkapalan dalam negeri telah dikeluarkan kepada 143 buah Syarikat Perkapalan bagi menjalankan perkhidmatan perkapalan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Dari jumlah 143 buah Syarikat Perkapalan ini, memang terdapat syarikat-syarikat yang menjalankan perkhidmatan antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak, akan tetapi buat masa ini Kementerian ini tidak dapat memastikan dengan tepatnya bilangan Syarikat Perkapalan yang menjalankan perkhidmatan tetap antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak ataupun jumlah kargo yang berulang-alik di antara kedua-dua tempat ini. Saya ingin memaklumkan bahawa dasar untuk mengawal (regulate) perkapalan dalam negeri baru sahaja dilaksanakan pada 1hb Januari, 1980 dan usaha-usaha sedang dijalankan oleh Kementerian saya bagi mengumpulkan perangkaan-perangkaan mengenai jumlah pergerakan kargo antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak dan sebaliknya serta maklumat mengenai pelayaran kapal-kapal.

#### KEMUDAHAN PERUBATAN BAGI JEMAAH HAJI

**22. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Perdana Menteri menyatakan rancangan tambahan kemudahan perubatan dan pengurusan yang lebih baik untuk kebajikan Jemaah Haji Malaysia pada tahun ini supaya akan dapat menolong dan memudahkan para Jemaah Haji Malaysia memandangkan bertambah ramainya Jemaah Haji tahun ini dan dengan musim panas di tanah Mekah.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Bagi menghadapi bertambahnya bilangan Jemaah Haji Tahun 1981 dan iklim yang bertambah panas di Tanah Suci serta menjaga kebajikan Jemaah Haji, beberapa langkah telah diambil untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan serta menambahkan kemudahan-kemudahan perubatan.

Di antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil termasuk:

- (i) Menambah bilangan anggota Rombongan Perubatan dalam berbagai kategori dari 102 orang dalam tahun 1980 kepada 134 orang bagi tahun 1981. Rombongan Perubatan di antaranya terdiri dari 17 orang pegawai perubatan yang berpengalaman termasuk seorang pakar perubatan bagi menjamin perkhidmatan yang sempurna dan menyeluruh;
- (ii) Menambah alat-alat kelengkapan dan ubat-ubatan dengan secukupnya khususnya ubat-ubat rawatan penyakit yang berkait dengan iklim panas di samping penambahan ubat-ubatan untuk penyakit-penyakit lain. Di samping itu, memandangkan keadaan yang sangat panas di Padang Arafah, aturan akan dibuat bagi membekalkan Hospital Luar yang mengalami penyakit "heat stroke" (pengsan disebabkan panas). menyejukkan keadaan Jemaah Haji yang mengalami penyakit "Heat Stroke" (pengsan disebabkan panas). Juga mulai tahun ini semua Jemaah Haji yang seramai kira-kira 22,000 orang itu akan dibekalkan oleh LUTH dengan air minum supaya dapat mereka minum air yang cukup bagi mengurangkan "effect" panas yang terik itu.
- (iii) Menambahkan lagi masa ceramah panduan kesihatan dari 1 jam menjadi 2 jam serta penyampaian kepada kumpulan-kumpulan yang lebih kecil bagi menjamin penyampaian lebih berkesan. Ceramah-ceramah kesihatan ini yang diadakan diperingkat-peringkat daerah sebelum Jemaah Haji berlepas ke Tanah Suci memberi panduan berhubung dengan amalan-amalan kesihatan diri, konsep-konsep penyakit berjangkit serta penekanan kepada penyakit yang berkait dengan iklim panas. Sebagai tambahan, pita rakaman yang

mengandungi nasihat kesihatan akan dimainkan semasa dalam penerbangan ke Tanah Suci.

#### SKIM AMANAH SAHAM NASIONAL

**23. Tuan Hussein bin Mahmood** minta Perdana Menteri menyatakan setakat 31-5-1981 berapakah jumlah rakyat Bumiputra di negara ini yang telah menyertai Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan berapakah jumlah saham yang telah dibeli oleh Bumiputra melalui ASN di dalam tempoh yang tersebut.

**Dato Abdullah bin Abdul Rahman:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telahpun menjawab soalan ini pada 8hb Jun, 1981 bila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

#### AKHBAR TAMIL MALAR— TARIKBALIK PERMIT

**24. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab sebenar KDN kepada akhbar *Tamil Malar* ditarik balik. Sama ada Kerajaan bercadang membaharui permit tersebut. Apakah tindakan yang telah diambil untuk menghapuskan kesan-kesan buruk yang timbul akibat sebuah rencana yang dikatakan mencemar Islam sebagai agama resmi negara ini. Sama ada sebuah rencana khas telah disiarkan sebagai jawapan kepada rencana yang tidak bertanggungjawab itu dan kiranya Kerajaan tidak mengambil sebarang langkah berkesan mengenai perkara ini, adakah ini bererti bahawa Kerajaan berpuashati bahawa kesan-kesan buruk ini akan terhapus dengan sendirinya.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Permit akhbar TAMIL MALAR telah ditarik balik pada 29hb November, 1980 kerana akhbar ini telah didapati menyiarkan suatu rencana yang menghina agama Islam dan boleh mendatangkan mudharat kepada

keselamatan negara dan ketenteraman awam. Kementerian ini tidak bercadang membarui permit akhbar itu lagi.

Seperti yang diketahui umum, pihak penerbit telah mengakui kesalahan yang telah mereka lakukan dan berikutnya telah membuat "public apology" memohon maaf kepada semua pembaca yang beragama Islam. Tiga orang pengarang-pengarang yang terlibat telah dijatuhkan hukuman dan didenda oleh Mahkamah sebanyak dua ribu ringgit (\$2,000/-) seorang.

Kementerian juga telah mengambil tindakan mengharam rencana tersebut di bawah seksyen 22 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.

Kementerian ini berpuashati di atas tindakan-tindakan yang telah diambil ke atas penerbit akhbar. Dengan penarikan balik permit akhbar yang telah mereka terbitkan selama 17 tahun, adalah merupakan satu pengajaran yang tidak mungkin mereka lupakan. Ini juga adalah sebagai satu ingatan kepada penerbit akhbar ini dan juga penerbit-penerbit lain bahawa Kementerian tidak akan bertolak ansur di dalam isu ugama Islam, ugama rasmi negara ini.

### PAKAIAN MENJOLOK MATA

**25. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa setengah daripada wanita Malaysia terutama di bandar-bandar dan setengah daripada pelancung-pelancung memakai pakaian yang menjolok mata dan bertentangan dengan ajaran Islam yang menjadi ugama rasmi negara ini dan jika ya, sehingga hari ini apakah langkah yang telah diambil untuk mengelakkan perkara ini daripada terus menerus berlaku.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Seperti Yang Berhormat sedia maklum, soal pakaian termasuk fesyen pakaian adalah satu perkara kebebasan individu, walaupun demikian, Kerajaan berusaha menarik perhatian dan menasihati orang ramai supaya mereka berpakaian tertib, terutama orang-orang Islam, melalui ceramah-ceramah dan kursus-kursus ugama. Dalam jemputan-jemputan

rasmi, yakni jemputan yang dianjurkan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan, pihak penganjur menentukan tentang pakaian, biasanya pakaian kebangsaan. Begitu juga, Jabatan-jabatan Kerajaan tidak lagi menganjurkan acara-acara pertunjukan fesyen pakaian yang mungkin menimbulkan kontroversi atau yang menjolok mata. Dari segi pelancung-pelancung, Kerajaan juga menentukan supaya apabila mereka masuk ke negara kita, hendaklah berpakaian tertib.

### PROJEK-PROJEK KERAJAAN YANG MENGALAMI KEGAGALAN

**26. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah Kementerian ini sedar, bahawa banyak projek-projek besar yang telah dijalankan oleh Kerajaan di negara ini mengalami kerosakan dan kegagalan, perkara ini berlaku kerana kurang teliti kesiapan yang dilakukan oleh pakar perunding luar negeri yang diambil untuk bekerja di negara ini. Jika sedar, apakah langkah yang Kerajaan akan jalankan untuk mencegah perkara yang tersebut supaya tidak berlaku lagi seperti contoh projek:

- (a) Pelabuhan Kuantan;
- (b) Lapangan Terbang Subang; dan
- (c) Lapangan Terbang Bayan Lepas.

**Datuk Clarence E. Mansul:** Saya ingin menjelaskan bahawa adalah tidak benar untuk menyatakan banyak projek-projek besar yang dijalankan oleh Kerajaan mengalami kerosakan dan kegagalan kerana perunding-perunding yang dilantik kurang teliti dalam menjalankan kerja-kerja mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan perunding-perunding menghasilkan mutu kerja yang tinggi. Pertamanya, Kerajaan akan hanya melantik perunding-perunding setelah mengkaji dengan mendalam kelayakan dan keupayaan mereka dari segi teknikal, kewangan, kakitangan dan pengalaman. Kedua, Kementerian saya menubuhkan Jawatankuasa Teknikal untuk mengawas dan meneliti kerja-kerja yang dilaksanakan oleh perunding-perunding yang telah dilantik.

## LELAKI/WANITA ASING BERKAHWIN WARGANEGARA MALAYSIA— KEBENARAN TINGGAL

27. Puan Shariffah Dorah binti Mohammed minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa lelaki asing atau wanita asing yang berkahwin dengan Rakyat Negara ini hanya dibenarkan tinggal selama dua minggu sahaja dan selepas itu mereka diperintahkan keluar meninggalkan negara ini dan terpaksa berpisah. Padahal si suami atau si isteri itu telahpun memeluk agama Islam. Jika sedar, atas dasar perikemanusiaan, adakah Kementerian yang berkenaan akan mengkaji semula kedudukan perkara ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Setakat yang diketahui oleh Kementerian ini, adalah tidak benar lelaki asing atau perempuan asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia hanya dibenarkan tinggal di negara ini selama dua minggu sahaja.

## WARGANEGARA MENCEMAR KERAJAAN DI LUAR NEGERI

28. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada terdapat warganegara kita yang melawat ke luar negeri membawa khabar-khabar yang mencemarkan Kerajaan dan sama ada mereka didakwa di bawah Akta Hasutan sekembalinya mereka ke tanahair.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Setakat ini tidak ada laporan tentang adanya warganegara Malaysia yang menyebarkan khabar-khabar yang mencemarkan Kerajaan semasa melawat ke luar negeri dan tidak ada warganegara yang telah didakwa di bawah Akta Hasutan berbangkit dengan perkara ini.

## KAJIAN ATAS KAMPUNG-KAMPUNG BARU

29. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada dan bila suatu kajian

mendalam akan diadakan untuk meninjau keadaan-keadaan buruk di kampung-kampung baru di seluruh negeri kita dengan tujuan menumpu kepada persekolahan, perumahan, pengangguran, lalu-lintas dan lain-lain faktor sosio-ekonomi; jika ya, bila kajian itu dijangka siap; jika tidak mengapa.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Dr Neo Yee Pan):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada kajian dibuat dari masa ke semasa atas kampung-kampung baru. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui dengan lebih mendalam masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung baru.

Dengan kerjasama Unit Penyelarasan dan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian saya telah menjalankan satu kajian untuk mengklasifikasikan tiap-tiap kampung-kampung baru kepada 3 taraf pembangunan yaitu maju, sederhana dan mundur. Dengan adanya klasifikasi ini, strategi Kementerian ini adalah untuk memberi lebih perhatian kepada kampung-kampung baru yang ada di bawah kategori mundur dan sederhana.

Kementerian saya telah menjalankan beberapa kajian perintis mengenai keperluan tandas curah di beberapa kampung baru dan terdapat bahawa projek ini akan memberi satu kehidupan yang lebih selesa di samping menjamin taraf kesihatan penduduk yang lebih tinggi.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak lebih kurang \$23 juta telahpun diluluskan untuk projek pembangunan di kampung-kampung baru dan kampung tradisional yang berdekatan. Dari kelulusan ini sebanyak 79% telah dibelanjakan untuk projek infrastruktur, 14% untuk projek sukan, dan 7% untuk projek kesihatan dan lain-lain projek yang kecil. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Rancangan Malaysia Keempat, projek-projek pembangunan di kampung-kampung baru telah ditambahkan ke \$30 juta dan ini termasuk projek tandas, perparitan, sukan dan balairaya. Kelulusan adalah berdasarkan kepada permintaan 'felt needs' yang diterima oleh penduduk-penduduk kampung.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, strategi baru mengenai pembangunan kampung-kampung baru akan dijalankan dibawah Rancangan Malaysia Keempat. Di bawah strategi ini keutamaan akan diberi kepada projek-projek yang memberi faedah kepada penduduk-penduduk kampung baru. Umpamanya, keadaan alam sekitar kampung-kampung baru boleh dipermodenkan supaya penduduk-penduduk kampung baru dapat menikmati satu taraf hidup yang lebih tinggi. Ini termasuk projek tandas curah dan projek perumahan awam kos rendah yang akan dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, masalah kesesakan di kampung-kampung baru adalah satu masalah yang terbesar sekali. Untuk mengatasi perkara ini dibawah Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan telah bersetuju untuk membina rumah-rumah pangsa tiga tingkat di semua kampung-kampung baru. Strategi ini adalah sama dengan strategi yang dijalankan untuk rancangan perumahan awam kos rendah.

#### **KEMALANGAN JALANRAYA BAGI KANAK-KANAK SEKOLAH**

**30. Datuk Haji Yusof bin Malim Kuning** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa banyak berlaku kemalangan jalanraya di kalangan murid-murid sekolah terutama yang menunggang basikal pergi dan balik dari sekolah dan jika sedar adakah Kementerian bercadang hendak memasukkan pelajaran keselamatan jalanraya ke dalam kurikulum pelajaran (peringkat rendah) dan undang-undang jalanraya (bagi peringkat menengah) bagi mengelakkan murid-murid dari menjadi mangsa pelanggaran di jalanraya. Jika tidak, mengapa.

**Dato Musa bin Hitam:** Kementerian Pelajaran sedar akan adanya kemalangan-kemalangan yang berlaku di jalan-jalan raya yang melibatkan kanak-kanak sekolah. Di atas kesedaran ini maka unsur-unsur mengenai keselamatan jalan raya ada dibekalkan di dalam kurikulum sekolah dan Sukatan Pelajaran Sivik bagi Sekolah Rendah dan Menengah. Di dalam Kurikulum Baru

Sekolah Rendah unsur-unsur mengenai keselamatan jalan raya akan terdapat di dalam Komponen Kemanusiaan dan Persekitaran dan juga di dalam Pendidikan Akhlak.

Selain daripada itu, sekolah-sekolah juga adalah digalakkan mengadakan ceramah-ceramah dan kempen-kempen mengenai keselamatan jalan raya pada masa-masa yang bersesuaian sepanjang ahun dengan tujuan untuk menyedarkan murid-murid tentang undang-undang keselamatan jalan raya. Kementerian hanya dapat memberi kesedaran dan memupuk sifat tanggungjawab semasa mengguna jalan raya.

#### **JAWATANKUASA PETUGAS BANK ISLAM**

**31. Tuan Awang bin Jabar** minta Menteri Kewangan menerangkan siapakah yang dilantik menduduki Jawatankuasa Petugas Penubuhan Bank Islam. Dan bilakah laporan perakuan mengenainya akan diketahui.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah merestui penubuhan satu Jawatankuasa Petugas bagi mengkaji kemungkinan menubuhkan Bank Islam. Ahli-ahli Jawatankuasa ini adalah dianggotai oleh wakil-wakil dari PERKIM, Lembaga Urusan Tabung Haji, Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan beberapa orang perseorangan yang lain yang berminat dengan penubuhan Bank Islam. Adalah dijangkakan Jawatankuasa ini akan mengemukakan laporan kajiannya kepada Kerajaan pada akhir bulan Julai atau awal bulan Ogos, 1981.

#### **TIKET TEMPATAN MAS— PENYELEWENGAN**

**32. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tiket-tiket tempahan MAS dalam negeri terutama antara Kuala Lumpur—Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur—Kuching selalu dikatakan penuh sedangkan apabila dinaiki maka didapati terdapat banyak tempat-tempat kosong. Adakah satu siasatan dijalankan

secara menyeluruh sama ada satu penyelewengan atau ada syndicate di belakang kegiatan tersebut. Sekiranya ada, apakah tindakan akan diambil terhadap mereka yang terlibat itu.

**Dato Lee San Choon:** Saya sedar bahawa tiket-tiket tempahan MAS dalam negeri terutamanya antara Kuala Lumpur—Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur—Kuching selalu dikatakan penuh sedangkan apabila menaiki kapal terbang didapati tempat-tempat duduk yang kosong. Keadaan ini timbul oleh kerana penumpang-penumpang dengan tempahan yang sah, tidak memberitahu Syarikat MAS apabila mereka tidak dapat menggunakan tempahan yang telah dibuat itu.

Masalah ini telah disedari oleh Syarikat MAS dan satu sekim bayaran pembatalan tempahan telah diadakan untuk semua penerbangan tempatan. Setelah pelaksanaan sekim bayaran pembatalan tempahan dilaksanakan bagi semua penerbangan tempat peratus penumpang-penumpang yang tidak menghadirkan diri telah berkurangan. Bagi sektor Kuala Lumpur/Kota Kinabalu peratus yang tidak hadir untuk penerbangan berkurangan iaitu hanya 6.6% jika dibandingkan dengan 15% sebelum pelaksanaan sekim ini. Begitu juga dengan sektor Kuala Lumpur/Kuching peratus yang tidak hadir untuk penerbangan berkurang kepada 5.9% dari 16% sebelum pelaksanaan sekim ini.

Pihak MAS telah menjalankan penyiasatan dan didapati tidak ada penyelewengan dalam hal ini.

### PERKHIDMATAN TELEFON DI PULAU PINANG

33. **Tuan Wong Hoong Keat** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Jabatan Telekom, Pulau Pinang adalah tidak berupaya untuk memperuntukkan perkhidmatan telefon kepada pemohon-pemohon telefon yang baru dan nyatakan sebab-sebabnya.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Saya memang sedar bahawa Jabatan Telekom Pulau Pinang tidak dapat memperuntukkan

perkhidmatan telefon sepenuhnya kepada pemohon-pemohon baru pada masa ini, sebabnya ialah Jabatan Telekom Pulau Pinang mengalami sedikit kesulitan dalam usaha melaksanakan projek-projek telekom yang telah dirancangkan iaitu:

- (i) kerana banyak jalan-jalan raya di Pulau Pinang terlalu sempit dan tidak ada reserve jalan untuk penanaman kebel;
- (ii) projek pembesaran lebuh raya lapangan terbang bandar Georgetown telah menyebabkan projek penanaman kebel bawah tanah tergendala;
- (iii) setengah-setengah pemaju perumahan tidak memberitahu Jabatan Telekom mengenai saiz projek yang mereka hendak laksanakan. Oleh yang demikian banyak kemudahan-kemudahan telekom tidak dapat diadakan apabila projek itu siap.

Bagi mengatasi kesulitan seperti ini, pihak Kementerian telahpun mengambil kesempatan dalam mesyuarat-mesyuarat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan dalam majlis-majlis ceramah dengan meminta pihak pemaju atau mana-mana pihak yang berkenaan supaya memberitahu Jabatan Telekom rancangan-rancangan mereka 3 atau 4 tahun terlebih dahulu untuk membolehkan perancangan dan tindakan diambil agar kemudahan-kemudahan telekom dapat diadakan apabila sesuatu projek itu siap.

### KONTREK KERAJAAN KEPADA PEMBORONG BUKAN BUMIPUTRA

34. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan memandang kepada hakikat hampir semua pemborong-pemborong bukan bumiputra mempunyai modal yang terhad, sama ada beliau akan membenarkan mereka menyertai semula dalam kontrek-kontrek Kerajaan Kelas B, C dan D.

**Datuk Clarence E. Mansul:** Saya minta maaf kepada Yang Berhormat kerana tidak memahami sebenarnya maksud soalan yang

dikemukakan tetapi menganggap Yang Berhormat meminta penjelasan mengenai kontraktor-kontraktor bukan Bumiputera sama ada boleh menyertai tawaran kerja kelas B, C dan D. Jika demikian, sukacita saya menerangkan bahawa tawaran-tawaran kerja yang diiklan dan dikeluarkan oleh Kementerian saya terbahagi kepada dua. Yang pertama ialah tawaran terhad, iaini khas kepada kontraktor yang berdaftar dan telah diberi taraf Bumiputera dan kedua ialah tawaran terbuka yang dikeluarkan kepada semua kontraktor yang berdaftar sama ada dengan Kementerian saya atau Jabatan Kerjaraya. Tawaran jenis pertama hanya dikeluarkan untuk menentukan penyertaan 30% kaum Bumiputera dalam bidang pembinaan selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Tawaran kedua meliputi 70% projek-projek dalam semua kelas melainkan kelas F iaitu kerja-kerja di bawah \$35,000 sahaja yang diuntukkan kepada kaum Bumiputera. Ini bererti Kementerian saya tidak menghalang mana mana kontraktor Bukan Bumiputera kelas B, C dan D untuk memasuki sebarang tawaran terbuka yang dikeluarkan tertakluk kepada had tawaran mengikut kelayakan kelas tersebut dan jenis kerja mengikut pendaftaran masing-masing.

#### **RUMAH PANGSA— PERUNTUKAN PEMOHON**

35. Tuan Tan Koon Swan minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apa garis pedoman bagi peruntukan rumah-rumah pangsa (flat) harga murah kepada pemohon-pemohon; apakah peruntukan rumah-rumah pangsa ini mengikut kuota bangsa dan jika demikian apa kuota itu untuk tiap-tiap masyarakat etnik. Bagaimana pembahagian penduduk-penduduk rumah pangsa di Wilayah Persekutuan.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad):** Garis pedoman yang digunakan bagi peruntukan rumah-rumah pangsa (flat) harga murah kepada pemohon-pemohon ialah:

- (i) Kelayakan pemohon iaitu dengan memberi pertimbangan ke atas aspek-aspek pendapatan, saiz keluarga, tempat bekerja dan lain-lain.

- (ii) Keutamaan diberikan kepada setinggan-setinggan yang dipindahkan kerana kawasan-kawasan tempat tinggal mereka terlibat dengan projek-projek Kerajaan. Dalam soal ini peruntukan rumah-rumah kos rendah ini dibuat tanpa mengira bangsa.

- (iii) Pertimbangan ke atas pencapaian Dasar Ekonomi Baru khususnya untuk menyusun semula masyarakat adalah dibuat dalam proses memperuntukkan rumah-rumah pangsa kepada orang ramai.

Peruntukan rumah-rumah pangsa tidaklah dibuat mengikut kuota bangsa. Bagaimana pun Kerajaan sedar bahawa adalah perlu untuk diseimbangkan pemberian rumah-rumah mengikut kaum. Oleh kerana pada masa yang lalu masyarakat bumiputra adalah kurang jumlahnya di kawasan-kawasan perumahan kos rendah ini untuk mengesimbangkan kedudukan pemberian rumah-rumah kepada bumiputra ini perlulah ditambah. Di samping itu, Kerajaan juga sedar bahawa penduduk bumiputra perlu dibantu memandangkan bahawa kebanyakan mereka tidak mampu untuk membeli rumah daripada pemaju-pemaju swasta.

Pada masa sekarang pembahagian penduduk-penduduk mengikut kaum di rumah-rumah pangsa dalam Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut:

Melayu .. .. .	39.1%
China .. .. .	47.5%
India .. .. .	13.4%

#### **RANCANGAN MALAYSIA KETIGA— PERUNTUKAN WANG PEMBANGUNAN**

36. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan amaun wang pembangunan yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (termasuk RMK yang dikaji semula) untuk setiap negeri 'shortfalls' dalam kapasiti pelaksanaan untuk setiap negeri dengan mengidentifikasikan negeri-negeri yang menghadapi masalah terbesar dalam perkara kapasiti pelaksanaan dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki masalah ini.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf):** Pada keseluruhannya, Kerajaan telah memperuntukan sebanyak \$32.1 billion bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Jumlah ini adalah termasuk tambahan kepada peruntukan asal sebanyak \$18.5 billion yang dibuat di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Pecahan kepada peruntukan yang diberikan di dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketiga mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Peruntukan (1976-1980)	
	Asal \$Juta	Perubahan \$Juta
Negeri Sembilan ..	616.56	904.67
Melaka .. ..	327.72	566.08
Kedah .. ..	854.12	1,261.01
Kelantan .. ..	1,018.82	1,744.07
Perlis .. ..	158.48	242.79
Johor .. ..	1,831.71	2,619.59
Sabah .. ..	1,452.27	2,798.84
Selangor .. ..	1,413.11	3,079.07
Pahang .. ..	2,054.10	2,936.02
Sarawak .. ..	1,657.02	2,524.66
Pulau Pinang ..	894.29	1,396.61
Trengganu ..	911.23	1,490.86
Perak .. ..	1,791.89	2,475.93
Wilayah Persekutuan	1,490.03	2,690.01
Pelbagai Negeri ..	2,085.64	8,345.47
Jumlah ..	18,554.99	32,075.68

Daripada angka-angka ini nyatalah bahawa hampir setengah daripada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga itu hanya diberikan di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Oleh yang demikian maka beberapa buah projek pembangunan tidaklah dapat disiapkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga disebabkan ianya hanya mula dilaksanakan di tahun-tahun akhir iaitu selepas kajian separuh penggal—Rancangan Malaysia Ketiga. Projek-projek ini akan disambung pelaksanaannya dan akan disiapkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat, atau rancangan pembangunan seterusnya, jika

projek-projek yang berkenaan merupakan projek-projek besar yang memerlukan masa yang panjang untuk melaksanakannya. Di dalam Rancangan Malaysia Keempat ini Kerajaan menyedari bahawa ada negeri-negeri tertentu mungkin mengalami masalah kekurangan kapasiti pelaksanaan. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah membentuk Jawatankuasa Kabinet Mengenai Langkah-langkah Mempercepatkan Pelaksanaan Projek-projek Pembangunan. Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa ini telah membuat sebanyak 91 buah perakuan yang bertujuan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan. Khusus bagi memperkuatkan kapasiti pelaksanaan di peringkat negeri, Jawatankuasa telah memperakukan supaya Unit-unit Bergerak di Jabatan-jabatan tertentu ditubuhkan bagi menyelesaikan masalah-masalah di dalam bidang-bidang tertentu di peringkat pentadbiran negeri.

Saya yakin bahawa dengan terlaksananya perakuan-perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet ini, pelaksanaan projek-projek pembangunan keseluruhannya dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan sempurna.

### INSIDEN DI BETONG

**37. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar insiden-insiden baru ini yang berlaku di kawasan Betong di sepanjang sempadan Thai-Malaysia mewujudkan dimensi baru kepada ancaman yang sudahpun wujud terhadap keselamatan Malaysia, jika ya, nyatakan langkah-langkah yang Kerajaan telah mengambil atau bercadang mengambil untuk mengawal keadaan tersebut.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Kerajaan Malaysia sentiasa mengikut perkembangan/keadaan keselamatan di sepanjang Sempadan Malaysia-Thailand. Sukalah ditegaskan di sini bahawa insiden-insiden yang berlaku di kawasan Betong baru-baru ini tidaklah mewujudkan satu dimensi baru kepada ancaman keselamatan di sepanjang Sempadan Malaysia-Thailand.

## JAMBATAN PULAU PINANG

38. **Tuan Karpal Singh** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan keadaan buat sekarang ini tentang Jambatan Pulau Pinang ke Seberang Prai. Berapakah kos anggaran asalnya dan anggarannya buat sekarang ini. Bilakah Jambatan tersebut akan siap dibina, jika ada pun.

**Datuk Clarence E. Mansul:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan yang serupa telahpun dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera, dan Kementerian saya telahpun memberikan jawapan di Dewan yang mulia ini pada 9hb April, 1981. Oleh yang demikian, buat masa ini saya tiada mempunyai maklumat tambahan untuk dikemukakan.

## PENGANGKUTAN AWAM

39. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah yang telah diambil setakat ini oleh Kerajaan dalam membangunkan satu sistem pengangkutan awam yang murah, cekap dan dapat dipercayai untuk Kuala Lumpur.

**Dato' Lee San Choon:** Pengangkutan awam adalah satu aspek pengangkutan yang digalakkan oleh Kerajaan. Ini adalah oleh kerana sebilangan besar rakyat kita bergantung kepada pengangkutan awam, terutamanya bas, untuk berulang-alik dari sesuatu tempat kesesuatu tempat yang lain. Untuk memperbaiki perkhidmatan bas supaya menggalakkan lebih ramai orang menggunakannya, Kerajaan telah menghapuskan cukai tempat duduk yang dikenakan ke atas bas, mengurangkan cukai jalan, menghadkan penggunaan bas yang umurnya melebihi 12 tahun dan menggalakkan penggunaan bas yang muatannya lebih. Sebenarnya masalah pengangkutan awam di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya adalah terdiri dari keadaan kekurangan bilangan bas yang dijalankan. Adalah menjadi dasar kerajaan untuk menggalakkan penambahan perkhidmatan bas dan Kementerian saya akan memperakukan kepada Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan untuk menambahkan

lesen-lesen bas supaya bilangannya adalah mencukupi untuk memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan memuaskan kepada rakyat.

Pengusaha bas juga telah digalakkan supaya mengadakan 2 pintu pada bas mereka—satu untuk penumpang-penumpang memasuki bas dan satu untuk mereka turun dari bas. Cadangan ini telah diterima dan diikuti oleh setengah pengusaha-pengusaha bas dan bagi mereka yang lain persediaan sedang dibuat untuk mengadakan 2 pintu pada bas mereka. Adalah ternyata bahawa kelambatan bas bergerak di sesuatu perhentian adalah disebabkan penggunaan satu pintu sahaja untuk penumpang-penumpang naik-turun dari bas.

Selain daripada itu, sekim lorong bas telah dilaksanakan di Kuala Lumpur untuk membantu bas-bas bergerak dengan cepat ke tempat tujuan mereka pada masa 'peak hours'. Pada masa sekim ini berkuatkuasa hanya kenderaan bas sahaja yang boleh menggunakan lorong bas.

Bagi tujuan memperbaiki lagi sistem pengangkutan awam di masa hadapan, Kerajaan telah memulakan kajian prakemungkinan mengenai 'Mass Rapid Transit' untuk bandar Kuala Lumpur dan jika didapati 'feasible' Kerajaan akan melaksanakan cadangan untuk menyediakan 'mass rapid transit' itu untuk membawa orang ramai dari sesuatu tempat ke sesuatu tempat yang lain di Kuala Lumpur.

## RAKYAT ASING MEMOHON KERAKYATAN

40. **Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah permohonan kerakyatan yang diterima daripada orang-orang yang bersuami warganegara Malaysia, ditolak dan berapakah sedang di bawah pertimbangan; adakah beliau akan bertindak atas perikemanusiaan untuk membereskan masalah ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Jumlah permohonan kerakyatan yang diterima daripada orang-orang yang bersuamikan warganegara Malaysia sehingga

31-12-1980 adalah sebanyak 65,605. Daripada jumlah tersebut sebanyak 56,712 permohonan telah diluluskan dan 1,420 telah ditolak. Oleh itu bilangan yang masih dalam pertimbangan adalah sebanyak 7,473 permohonan dan kesemua permohonan tersebut adalah sentiasa diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya sebelum sesuatu keputusan diambil.

### **BAHAN MAKANAN DARI LAUT**

**41. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian ini sedar, bahawa Malaysia kita kaya dengan bahan-bahan makanan dari laut, tetapi penduduk di negara kita gemar makan makanan yang diproses dari bahan-bahan laut dan kacang soya. Jika sedar, mengapa Kerajaan tidak mahu menjalankan kajian dan usaha-usaha untuk menambahkan makanan dalam negara ini dari bahan-bahan yang tersebut untuk mengelakkan/mengurangkan dari diimport barang yang tersebut.

**Menterian Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Kementerian Pertanian adalah sedar bahawa Malaysia mempunyai sumber bahan-bahan makanan tertentu dari laut seperti jenis-jenis ikan, udang, sotong, ketam, kerang dan sebagainya. Kementerian juga sedar bahawa bahan-bahan makanan dari laut ini adalah digemari oleh rakyat negeri ini malahan ia adalah menjadi bahan protein yang mustahak dalam diet rakyat. Kementerian adalah berusaha untuk menjamin bahawa bahan-bahan ini akan dapat diperolehi dengan lebih lagi untuk rakyat negeri ini. Untuk makluman negara Malaysia, sungguhpun ada mengimport beberapa bahan makanan dari laut, adalah sebuah negara yang net exporter hasil-hasil dari laut. Umpamanya, negara ini mengeksport lebih kurang 160 juta ringgit udang setahun.

Berkenaan dengan kacang soya adalah disedari bahawa bahan ini sangat digemari oleh penduduk-penduduk negara ini dalam membuat makanan-makanan mereka seperti minuman, taufu, pucuk atau soysauce. **MARDI** sedang giat menjalankan

penyelidikan untuk mendapatkan jenis kacang soya yang tinggi hasilnya dan sesuai serta ekonomik ditanam di negeri ini.

### **LESEN PERJUDIAN SYARIKAT GENTING HIGHLAND**

**42. Datuk Haji Yussof bin Malim Kuning** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada kebenaran menjalankan perniagaan perjudian (kasino) kepada Syarikat Genting Highland itu hanya untuk perjudian sahaja atau perjudian dan pelaburan seperti membuka ladang dan sebagainya. Jika ia, mengapa tidak dihadkan kepada perjudian sahaja; dan
- (b) adakah Kementerian beliau sedar bahawa dengan adanya lesen perjudian seumpama itu di negara ini telah menjejaskan nama baik negara kita dikalangan negara-negara Islam dan jika sedar, adakah Kementerian ini akan menarik balik kebenaran tersebut, jika tidak, mengapa.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:**

- (a) Lesen yang dikeluarkan kepada Genting Bhd., adalah dihadkan kepada perniagaan perjudian sahaja.
- (b) Kementerian saya tidak sedar bahawa lesen seumpama itu telah menjejaskan nama baik negara kita dikalangan negara-negara Islam.

### **KERTAS BAHASA TAMIL DALAM SPM/MCE**

**43. Tuan P. Patto** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada beliau telah menerima sepucuk surat bertarikh 14hb Mac, 1981 daripada seorang bernama Murugan Ramasamy, P. O. Box 2601, Kuala Lumpur 01-02 di mana beliau mengadu bahawa Kertas 2 Bahasa Tamil (354/2) dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 1980 dan Malaysia Certificate of

Education 1980 mempunyai lebih kurang 50 kesalahan nahu, bahasa dan sebagainya, jika ya, adakah sebarang siasatan telah dijalankan atas aduan itu dan apakah keputusan siasatan itu; dan

- (b) bagaimanakah kesalahan-kesalahan ini boleh berlaku dalam satu kertas peperiksaan awam.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Yang Berhormat Menteri Pelajaran ada menerima sepucuk surat pengaduan berhubung dengan Kertas Bahasa Tamil 354/2 dalam peperiksaan SPM/MCE 1980 lalu.

Kementerian Pelajaran menyiasat perkara yang dibangkitkan dengan kerjasama pihak Universiti Malaya, Pakar-pakar Bahasa Tamil, Penggubal dan Pemeriksa Kertas Bahasa Tamil ini. Daripada apa yang dapat dipastikan adalah jelas dakwaan itu sebenarnya adalah berpunca daripada teringgalnya 'Santhi' satu aspek nahu Bahasa Tamil. Pakar-pakar Bahasa Tamil mempunyai perbezaan pendapat dalam soal ini.

Pakar-pakar Bahasa Tamil juga telah menyatakan bahawa penulisan Tamil moden biasanya meninggalkan aspek 'Santhi' ini, tanpa ianya menimbulkan sebarang kekeliruan dari segi makna atau pengertian sesuatu ayat. Perlu dinyatakan kertas soalan adalah disediakan oleh beberapa orang ahli panel yang mahir dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil. Begitu juga kertas jawapan calon, diperiksa oleh pegawai-pegawai yang berkelayakan dan berpengalaman. Pihak panel kertas soalan dan kumpulan pemeriksa pun tidak menimbulkan aspek 'Santhi' sebagai satu issue. Laporan kerja calon oleh Ketua Pemeriksa tidak menyatakan adanya kekeliruan atau ungutan tentang aspek nahu 'Santhi' dan oleh itu jelas tidak membawa kesan buruk sama sekali. Sungguh pun diakui dalam Kertas 2 Soalan 4 ada terdapat satu kesalahan cetak yang tidak sengaja tetapi kesalahan ini telah diberi perhatian khas oleh pemeriksa dan calon-calon tidak terjejas mengenai hal ini.

Setelah mengkaji kes ini dengan mendalam Y.B. Menteri Pelajaran berpuas hati bahawa tuduhan yang dikemukakan tidaklah wajar diperbesarkan sebagai mempunyai apa-apa niat buruk seperti yang dituduh oleh pihak penulis. Saya cukup berpuas hati kertas soalan yang dibina oleh pakar-pakar dan sarjana Bahasa Tamil adalah memuaskan dan boleh dipertahankan dari segi mutu dan keutuhannya.

Keputusan peperiksaan mengenai kertas soalan ini telah pun diumumkan dan pencapaian calon adalah memuaskan.

### PERCETAKAN KERTAS UNDI

44. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan syarikat yang mencetak kertas-kertas undi yang telah digunakan semasa Pilihanraya Umum Negeri Sabah baru-baru ini dan apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil untuk memastikan kertas-kertas undi tidak jatuh ke tangan mereka yang tidak berkenaan.

**Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf:** Untuk makluman Yang Berhormat itu, pencetakan kertas-kertas undi yang digunakan semasa Pilihanraya Umum Negeri Sabah, seperti juga pencetakan bagi pilihanraya umum bagi negeri-negeri lain di dalam beberapa pilihanraya yang lepas, adalah dilakukan oleh Pencetak Kerajaan. Pencetakan bagi kertas-kertas undi bagi pilihanraya umum Negeri Sabah baru-baru ini dibuat oleh Pencetak Kerajaan Negeri Sabah. Suruhanjaya Pilihanraya tidak pernah, bahkan tidak bercadang hendak meminta mana-mana syarikat swasta untuk mencetak kertas undi memandangkan kepada keadaan keselamatan dan kerahsiaan yang berkaitan dengannya.

Langkah-langkah keselamatan yang diambil adalah sangat ketat. Pihak Polis menjaga dan mengawal pencetakan dari awal hingga akhir pencetakan itu dilakukan (selama 6 hari). Setelah pencetakan Pegawai-pegawai Pengurus dengan dikawal oleh Polis juga memungut kertas-kertas undi untuk bahagian masing-masing dan diangkut dengan kenderaan yang juga dikawal dengan rapi oleh bahagian-bahagian pilihanraya di seluruh negeri Sabah.

Kertas-kertas yang digunakan bagi mencetak kertas-kertas undi adalah diterbangkan khas oleh Tentera Udara Di Raja Malaysia dari Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur. Kertas ini adalah tempahan khas untuk tujuan ini dan dengan yang demikian langkah-langkah yang diambil untuk menentukan tidak ada berlaku kebocoran atau peniruan terutama sekali di dalam segi mutu kertas dan warna.

Di masa pilihanraya berjalan beberapa langkah lain juga telah diambil oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk memastikan hanya kertas-kertas undi yang berkenaan digunakan seperti menandakan kertas-kertas undi tersebut (perforated) dengan alat-alat khas di saat ianya diberikan pada pengundi-pengundi.

#### OPERASI ISI PENUH

**45. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada gerakan 'Isi Penuh' telah diperkenalkan di Sabah dan Sarawak jika ya, bila akan diperkenalkan, jika tidak mengapa.

**Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf:** Sistem Operasi Isi Penuh belum dilaksanakan di Sabah dan Sarawak oleh kerana usaha-usaha dan tindakan pengisian adalah senantiasia diambil oleh Suruhanjaya-suruhanjaya di negeri-negeri yang berkenaan, serta Ketua-ketua Jabatan telah diberi perwakilan kuasa melantik bagi kekosongan-kekosongan di dalam Kumpulan 'D' dan 'IMG'.

Berhubung dengan perkara ini terdapat sedikit kesulitan untuk mengisi kekosongan terutama sekali jawatan-jawatan teknikal oleh kerana kekosongan-kekosongan itu perlu diberi pertimbangan dan keutamaan kepada anak-anak tempatan di negeri-negeri tersebut sebagaimana yang telah dipersetujui dibawah prinsip Laporan Jawatankuasa Di Antara Kerajaan (I.G.C. Report). Kerajaan Persekutuan juga telah mengambil usaha-usaha untuk menghantar pegawai-pegawai dari Semenanjung secara pertukaran sementara bagi mengisi beberapa jenis jawatan di dalam Kumpulan 'A' dan 'B' dari masa ke semasa di mana didapati kekurangan pegawai-pegawai tempatan.

#### NILAI RINGGIT MALAYSIA— KEJATUHAN

**46. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat sungutan orang ramai termasuk bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama tentang kejatuhan nilai ringgit Malaysia yang begitu teruk sekali jika dibandingkan dengan dolar Singapura yang semakin meningkat naik. Apakah usaha yang konkrit untuk menseimbangkan kedudukan ringgit Malaysia supaya kembali kepada paras nilai yang sama sebelum naiknya dolar Singapura dahulu.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum saya telah menjawab soalan yang sama mengenai perkara ini dalam mesyuarat Dewan ini yang lalu. Walau bagaimanapun, saya akan memberi penjelasan mengenai perkara ini sekali lagi. Ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa Malaysia telah menukar kepada penggunaan kumpulan matawang-matawang rakan dagangan utamanya untuk mencerminkan nilai Ringgit dan tidaklah menggunakan dolar Amerika sahaja seperti yang telah kita lakukan di masa-masa yang lepas.

Negara Singapura merupakan hanya satu daripada rakan-rakan dagangan utama Malaysia seperti juga dolar Singapura yang merupakan hanya satu dari matawang yang digunakan dalam pembayaran antarabangsa Malaysia. Oleh yang demikian, tidak ada sebab mengapa kita perlu memastikan yang nilai Ringgit harus berada di paras yang sama dengan Dolar Singapura. Yang penting ialah Kerajaan mesti memastikan bahawa Ringgit tetap teguh dan stabil berbanding dengan matawang-matawang rakan dagangan utama Malaysia secara kumpulan dan tidak terlalu menitikberatkan tentang keteguhannya berbanding dengan satu matawang sahaja sama ada ianya Dolar Singapura, Dolar Amerika atau matawang-matawang lain. Rakyat Malaysia mestilah mengubah fikiran mereka dan mula menganggap dolar Singapura sebagai satu daripada matawang-matawang antarabangsa yang Malaysia mempunyai hubungan dan adalah menjadi kelaziman bagi matawang-matawang naikturun nilainya dari masa ke semasa.

Education 1980 mempunyai lebih kurang 50 kesalahan nahu, bahasa dan sebagainya, jika ya, adakah sebarang siasatan telah dijalankan atas aduan itu dan apakah keputusan siasatan itu; dan

- (b) bagaimanakah kesalahan-kesalahan ini boleh berlaku dalam satu kertas peperiksaan awam.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Yang Berhormat Menteri Pelajaran ada menerima sepucuk surat pengaduan berhubung dengan Kertas Bahasa Tamil 354/2 dalam peperiksaan SPM/MCE 1980 lalu.

Kementerian Pelajaran menyiasat perkara yang dibangkitkan dengan kerjasama pihak Universiti Malaya, Pakar-pakar Bahasa Tamil, Penggubal dan Pemeriksa Kertas Bahasa Tamil ini. Daripada apa yang dapat dipastikan adalah jelas dakwaan itu sebenarnya adalah berpunca daripada tertinggalnya 'Santhi' satu aspek nahu Bahasa Tamil. Pakar-pakar Bahasa Tamil mempunyai perbezaan pendapat dalam soal ini.

Pakar-pakar Bahasa Tamil juga telah menyatakan bahawa penulisan Tamil moden biasanya meninggalkan aspek 'Santhi' ini, tanpa ianya menimbulkan sebarang kekeliruan dari segi makna atau pengertian sesuatu ayat. Perlu dinyatakan kertas soalan adalah disediakan oleh beberapa orang ahli panel yang mahir dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil. Begitu juga kertas jawapan calon, diperiksa oleh pegawai-pegawai yang berkelayakan dan berpengalaman. Pihak panel kertas soalan dan kumpulan pemeriksa pun tidak menimbulkan aspek 'Santhi' sebagai satu issue. Laporan kerja calon oleh Ketua Pemeriksa tidak menyatakan adanya kekeliruan atau ungutan tentang aspek nahu 'Santhi' dan oleh itu jelas tidak membawa kesan buruk sama sekali. Sungguh pun diakui dalam Kertas 2 Soalan 4 ada terdapat satu kesalahan cetak yang tidak sengaja tetapi kesalahan ini telah diberi perhatian khas oleh pemeriksa dan calon-calon tidak terjejas mengenai hal ini.

Setelah mengkaji kes ini dengan mendalam Y.B. Menteri Pelajaran berpuas hati bahawa tuduhan yang dikemukakan tidaklah wajar diperbesarkan sebagai mempunyai apa-apa niat buruk seperti yang dituduh oleh pihak penulis. Saya cukup berpuas hati kertas soalan yang dibina oleh pakar-pakar dan sarjana Bahasa Tamil adalah memuaskan dan boleh dipertahankan dari segi mutu dan keutuhannya.

Keputusan peperiksaan mengenai kertas soalan ini telah pun diumumkan dan pencapaian calon adalah memuaskan.

### PERCETAKAN KERTAS UNDI

44. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan syarikat yang mencetak kertas-kertas undi yang telah digunakan semasa Pilihanraya Umum Negeri Sabah baru-baru ini dan apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil untuk memastikan kertas-kertas undi tidak jatuh ke tangan mereka yang tidak berkenaan.

**Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf:** Untuk makluman Yang Berhormat itu, pencetakan kertas-kertas undi yang digunakan semasa Pilihanraya Umum Negeri Sabah, seperti juga pencetakan bagi pilihanraya umum bagi negeri-negeri lain di dalam beberapa pilihanraya yang lepas, adalah dilakukan oleh Pencetak Kerajaan. Pencetakan bagi kertas-kertas undi bagi pilihanraya umum Negeri Sabah baru-baru ini dibuat oleh Pencetak Kerajaan Negeri Sabah. Suruhanjaya Pilihanraya tidak pernah, bahkan tidak bercadang hendak meminta mana-mana syarikat swasta untuk mencetak kertas undi memandangkan kepada keadaan keselamatan dan kerahsiaan yang berkaitan dengannya.

Langkah-langkah keselamatan yang diambil adalah sangat ketat. Pihak Polis menjaga dan mengawal pencetakan dari awal hingga akhir pencetakan itu dilakukan (selama 6 hari). Setelah pencetakan Pegawai-pegawai Pengurus dengan dikawal oleh Polis juga memungut kertas-kertas undi untuk bahagian masing-masing dan diangkut dengan kenderaan yang juga dikawal dengan rapi oleh bahagian-bahagian pilihanraya di seluruh negeri Sabah.

Kertas-kertas yang digunakan bagi mencetak kertas-kertas undi adalah diterbangkan khas oleh Tentera Udara Di Raja Malaysia dari Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur. Kertas ini adalah tempahan khas untuk tujuan ini dan dengan yang demikian langkah-langkah yang diambil untuk menentukan tidak ada berlaku kebocoran atau peniruan terutama sekali di dalam segi mutu kertas dan warna.

Di masa pilihanraya berjalan beberapa langkah lain juga telah diambil oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk memastikan hanya kertas-kertas undi yang berkenaan digunakan seperti menandakan kertas-kertas undi tersebut (perforated) dengan alat-alat khas di saat ianya diberikan pada pengundi-pengundi.

### OPERASI ISI PENUH

**45. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada gerakan 'Isi Penuh' telah diperkenalkan di Sabah dan Sarawak jika ya, bila akan diperkenalkan, jika tidak mengapa.

**Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf:** Sistem Operasi Isi Penuh belum dilaksanakan di Sabah dan Sarawak oleh kerana usaha-usaha dan tindakan pengisian adalah senantiasia diambil oleh Suruhanjaya-suruhanjaya di negeri-negeri yang berkenaan, serta Ketua-ketua Jabatan telah diberi perwakilan kuasa melantik bagi kekosongan-kekosongan di dalam Kumpulan 'D' dan 'IMG'.

Berhubung dengan perkara ini terdapat sedikit kesulitan untuk mengisi kekosongan terutama sekali jawatan-jawatan teknikal oleh kerana kekosongan-kekosongan itu perlu diberi pertimbangan dan keutamaan kepada anak-anak tempatan di negeri-negeri tersebut sebagaimana yang telah dipersetujui dibawah prinsip Laporan Jawatankuasa Di Antara Kerajaan (I.G.C. Report). Kerajaan Persekutuan juga telah mengambil usaha-usaha untuk menghantar pegawai-pegawai dari Semenanjung secara pertukaran sementara bagi mengisi beberapa jenis jawatan di dalam Kumpulan 'A' dan 'B' dari masa ke semasa di mana didapati kekurangan pegawai-pegawai tempatan.

### NILAI RINGGIT MALAYSIA— KEJATUHAN

**46. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat sungutan orang ramai termasuk bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama tentang kejatuhan nilai ringgit Malaysia yang begitu teruk sekali jika dibandingkan dengan dolar Singapura yang semakin meningkat naik. Apakah usaha yang konkrit untuk menseimbangkan kedudukan ringgit Malaysia supaya kembali kepada paras nilai yang sama sebelum naiknya dolar Singapura dahulu.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum saya telah menjawab soalan yang sama mengenai perkara ini dalam mesyuarat Dewan ini yang lalu. Walau bagaimanapun, saya akan memberi penjelasan mengenai perkara ini sekali lagi. Ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa Malaysia telah menukar kepada penggunaan kumpulan matawang-matawang rakan dagangan utamanya untuk mencerminkan nilai Ringgit dan tidaklah menggunakan dolar Amerika sahaja seperti yang telah kita lakukan di masa-masa yang lepas.

Negara Singapura merupakan hanya satu daripada rakan-rakan dagangan utama Malaysia seperti juga dolar Singapura yang merupakan hanya satu dari matawang yang digunakan dalam pembayaran antarabangsa Malaysia. Oleh yang demikian, tidak ada sebab mengapa kita perlu memastikan yang nilai Ringgit harus berada di paras yang sama dengan Dolar Singapura. Yang penting ialah Kerajaan mesti memastikan bahawa Ringgit tetap teguh dan stabil berbanding dengan matawang-matawang rakan dagangan utama Malaysia secara kumpulan dan tidak terlalu menitikberatkan tentang keteguhannya berbanding dengan satu matawang sahaja sama ada ianya Dolar Singapura, Dolar Amerika atau matawang-matawang lain. Rakyat Malaysia mestilah mengubah fikiran mereka dan mula menganggap dolar Singapura sebagai satu daripada matawang-matawang antarabangsa yang Malaysia mempunyai hubungan dan adalah menjadi kelaziman bagi matawang-matawang naikturun nilainya dari masa ke semasa.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG DAN SUKAT (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (9hb Jun, 1981).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan pada petang semalam, Majlis sedang menimbang Rang Undang-undang ini di dalam Jawatankuasa.

*Majlis bersidang di dalam Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 8 hingga 15—*

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab atas perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah mengenai Fasal 10.

*3.36 ptg.*

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Pengerusi, suka saya menjawab dan menjelaskan beberapa perkara berhubung dengan Fasal 10 dan Fasal 11 yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah pada hari kelmarin.

Berhubung dengan Fasal 10 Rang Undang-undang tersebut, Ahli Yang Berhormat itu telah mencadangkan supaya menubuhkan Pejabat-pejabat Wilayah Timbang dan Sukat di seluruh negeri. Maksud Fasal ini yang memberi kuasa kepada Yang Amat Berhormat Menteri untuk melantik Ketua Inspektor dan lain-lain ialah bertujuan menggunakan tenaga manusia yang sedia ada di Bahagian Penguatkuasa, Kementerian saya untuk melaksanakan Akta ini. Oleh yang demikian tidak perlulah mewujudkan satu Bahagian baru khususnya untuk menguatkuasakan Akta ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian

Penguatkuasa Kementerian saya telah mempunyai pejabat-pejabat cawangan di semua negeri dan di peringkat daerah, dan juga bilangan pegawai-pegawai tersebut di seluruh negeri yang pada masa ini berjumlah 529 orang adalah mencukupi untuk menanggung kewajipan yang akan bertambah akibat daripada pindaan kepada Akta ini.

Selain daripada itu, apabila Akta tersebut dikuatkuasakan dengan sepenuhnya pada tahun depan, semua ordinan-ordinan dan enakmen-enakmen timbang dan sukat di negeri-negeri akan dimansuhkan dan Pegawai-pegawai Timbang dan Sukat yang sekarang menguatkuasakan Ordinan-ordinan dan enakmen-enakmen tersebut juga akan diserahkan kepada Kementerian saya.

Berhubung dengan soalan sama ada alat-alat timbang dan sukat mesti mempunyai kelulusan dan penandaan pihak SIRIM, sukacita saya menjelaskan bahawa semua alat-alat timbang dan sukat yang digunakan untuk perdagangan tidak akan disahkan dan diperakui oleh Inspektor Timbang dan Sukat sekiranya alat-alat timbang itu tidak mematuhi penentuan dan spesifikasi yang ditetapkan oleh Penyimpan Timbang dan Sukat (iaitu SIRIM). Ini adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 14 (5) (b) Akta tersebut.

Berhubung dengan Fasal 11, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu mencadangkan supaya pemberian lesen disegerakan dan Kementerian saya akan mengambil perhatian berat terhadap perkara ini.

Atas cadangan Ahli Yang Berhormat bahawa semua alat-alat timbang dan sukat hendaklah disiasat kepada pengedar sebelum dijual kepada peniaga-peniaga, suka saya memberitahu Akta tersebut telah memperuntukkan bahawa semua alat-alat timbang dan sukat yang dikemukakan kepada Inspektor Timbang dan Sukat untuk pengesahan dan pengakuan hendaklah diperiksa dan dibaiki terlebih dahulu oleh penjual alat-alat timbang dan sukat yang berlesen.

Tuan Pengerusi, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk membetulkan laporan

yang dikeluarkan di satu akhbar China pada hari ini mengenai pelaksanaan penggunaan sistem metrik di bidang perniagaan emas dan kedai-kedai ubat China mulai 1hb Julai, 1981. Sebenarnya tarikh wajibnya penggunaan sistem metrik di kedua-dua bidang tersebut adalah mulai 1hb Januari, 1982 dan bukannya 1hb Julai, 1981.

*Fasal 8 hingga 15* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG PINJAMAN PEKEBUN (PEMBUBARAN)

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*3.40 ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kumpulanwang Pinjaman Pekebun (Pembubaran) 1981 dibaca untuk kali kedua.

Lembaga Pinjaman Pekebun ataupun LPP telah ditubuhkan pada tahun 1915 oleh Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Federated Malay States) di bawah Enakmen Tabung Pinjaman Pekebun sebagai sebuah Badan Berkanun yang pertama kali ditubuhkan. Lembaga Pinjaman Pekebun ini telah ditugaskan untuk mengawasi pinjaman Kerajaan bagi tujuan pertanian di Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu Negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Untuk tujuan ini LPP telah diperuntukkan oleh Kerajaan satu tabung sejumlah \$4 juta. Selepas kemerdekaan negara kita tujuan LPP telah dipinda sedikit dengan membataskan pinjaman kepada pekebun-pekebun kecil yang mempunyai tanah kurang dari 100 ekar atau kepada syarikat-syarikat kerjasama di mana setiap ahlinya mempunyai syer kurang dari 100 ekar dan tanah-tanah mereka mestilah terletak di Negeri-negeri Bersekutu dahulu.

Setiap pinjaman yang diluluskan adalah dicagangkan dengan tanah peminjam-peminjam dan kadar faedah yang dikenakan

ialah 7% untuk pinjaman yang kurang dari \$5,000 dan di antara 7% hingga 15% bagi pinjaman yang melebihi daripada \$5,000. Walaupun peruntukan yang diberikan kepada LPP berjumlah \$4 juta tetapi pinjaman yang telah dikeluarkan berjumlah sebanyak \$1.85 juta sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1969, tiga buah Badan Berkanun telah ditubuhkan untuk membantu pekebun-pekebun kecil. Badan-badan Berkanun itu ialah Bank Pertanian Malaysia, RISDA dan Lembaga Pertubuhan Peladang. Bank Pertanian Malaysia sekarang ini memberi pinjaman kepada petani-petani di seluruh Malaysia dan pinjaman adalah meliputi semua aktiviti-aktiviti pertanian. Ini termasuklah mengadakan rancangan kredit pertengahan untuk pembelian jentera pertanian dan rancangan pinjaman untuk ternakan-ternakan, perikanan, membeli dan memajukan tanah, perusahaan pertanian dan kemajuan ladang. Kadar faedah yang dikenakan oleh Bank Pertanian Malaysia adalah di antara 7% hingga 12% setahun berdasarkan kepada jumlah dan jenis pinjaman. Faedah ini adalah dikira ke atas baki bulanan yang semakin kurang (monthly reducing balance) dan oleh itu kadar faedah efektifnya adalah lebih rendah.

RISDA pula telah ditugaskan untuk mengurus bantuan menanam semula secara langsung kepada pekebun-pekebun kecil getah khususnya pekebun-pekebun kecil yang mempunyai tanah yang kurang daripada 100 ekar. Ini termasuklah memberikan bantuan secara langsung kepada pekebun-pekebun kecil getah yang hendak menanam kelapa sawit, kopi, limau, teh, kelapa dan lain-lain.

Lembaga Pertubuhan Peladang pula bertugas untuk memberi bantuan dalam bentuk wang pinjaman tanpa faedah dan bahan input pertanian seperti baja, benih, racun serangga dan traktor kepada Koperasi Peladang, Persatuan Peladang dan Syarikat-syarikat Kerjasama di seluruh Malaysia Barat. Koperasi Peladang pula memberi pinjaman kepada ahli-ahlinya untuk mengusahakan tanaman kontan seperti tembakau, ubikayu, kacang tanah, pisang,

nenas dan lain-lain lagi. Ahli-ahli Koperasi dikenakan bayaran perkhidmatan di antara 4% hingga 6% setahun.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perjalanan LPP adalah teratur dan baik tetapi adalah nyata bahawa kegiatan LPP iaitu Lembaga Pinjaman Pekebun adalah nyata bahawa kegiatannya terbatas kepada 4 buah negeri sahaja. Juga LPP merupakan sebuah organisasi yang kecil dengan mempunyai sebuah pejabat di Kuala Lumpur dan kakitangan rendah seramai 6 orang sahaja. Kegiatan Lembaga ini tidak boleh diperluaskan lagi melainkan kawasan operasinya diperluaskan keseluruh Malaysia. Wang peruntukannya ditambah dan cawangan-cawangannya yang baharu ditubuhkan. Walau bagaimanapun, perkembangan seperti ini ke arah tersebut akan menimbulkan penduaan tugas di antara LPP dan Bank Pertanian Malaysia. Oleh yang demikian, adalah wajar tindakan diambil untuk membubarkan Lembaga ini dan semua harta-harta tanggungan dan kakitangannya diserahkan kepada Bank Pertanian Malaysia. Bank Pertanian Malaysia adalah Badan Berkanun yang sangat sesuai sekali untuk diserahkan tugas Lembaga tersebut kerana ia memberi pinjaman kepada semua pekebun kecil tanpa mengira kaum dan tidak pula membataskan pinjaman untuk sebarang tujuan pertanian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah Suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi memansuhkan Enakmen Kumpulanwang Pinjaman Pekebun, membubarkan Kumpulanwang Pinjaman Pekebun yang ditubuhkan di bawah Enakmen tersebut, memindah milik dan meletak hak semua harta atau tanggungannya kepada Bank Pertanian Malaysia dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua dan sekarang terbuka untuk perbahasan. Yang Berhormat dari Kangar.

3.49 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang pindaan yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan dan saya berpendapat ini amatlah sesuai yang peminjaman ini diberikan kepada bank, dan kita tahu bank adalah tempat yang mengeluarkan wang dan diberi pula kepada Bank Pertanian kerana Bank Pertanian ini adalah bersangkutan dengan petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita diterangkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan tadi memandangkan di masa yang lampau peruntukkan yang telah diberi sebanyak \$4 juta yang dapat dipinjamkan oleh Lembaga Pinjaman Pekebun yang mana sekarang ini dipindah milik kuasa kepada Bank Pertanian tetapi sebagaimana yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi kalau tidak silap saya kadar yang dipinjam oleh pihak pekebun tidak sampai pun 50%. Jadi, sebagaimana kita tahu hari ini banyak sangat orang suka meminjam wang. Kadang-kadang kalau kita hadkan wang yang dapat dikeluarkan \$1 juta tetapi yang datang hendak meminjam lebih daripada itu. Jadi terbalik pula apa yang telah jadi kepada LPP di masa yang lepas dihadkan \$4 juta tetapi tidak sampai 50%, kalau tidak silap saya agak dalam 28% sebagaimana dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi. Tentulah di sini ada sebab musababnya.

Dengan sebab itu, saya berharap sangat sesudah Rang Undang-undang ini dipinda daripada Lembaga Kumpulanwang kepada Bank Pertanian, patut dikaji semula mengapa dan kenapa sebab-sebabnya yang tidak mendapat sambutan daripada pihak-pihak yang hendak meminjam; sebagaimana saya katakan tadi mustahil orang yang hendak meminjam itu tidak mahu meminjam kalau dia tidak yakin dengan kerana pinjaman itu dapat keuntungan ataupun boleh jadi dia payah hendak meminjam kerana syarat-syarat praktiknya kata orang terlampau ketat dan sebagainya.

Maka dengan sebab itu, saya mengesyorkan di sini tiga perkara. Satu, hendaklah diadakan pegawai-pegawai penerangan yang cukup menyeluruh ke kampung-kampung, kepada pihak-pihak yang berkenaan,

kepada pak-pak tani dan sebagainya kerana kita dapat tahu banyak rancangan-rancangan pertanian hari ini kalaulah dibuat cara rancangan zaman sains dan teknologi, cara yang cepat, saya percaya walaupun banyak pihak yang suka datang ke bandar-bandar mendapat kerja bergaji tetap dengan mendapat pencen tetapi kadang-kadang telah menjadi tabiat anak-anak muda kita asalkan dapat gaji walaupun bukan sebagai pegawai, bukan secara berpenen dia berasa bangga daripada membuat kerja pertanian sebab kerja pertanian ini kadang-kadang lambat mendapat hasil. Tetapi dengan Kerajaan kita hari ini ada berbagai-bagai badan, kalaulah pihak rakyat, pihak-pihak yang berkenaan betul-betul dapat faham dan pihak bank pula mudah memberi pinjaman dan syarat-syaratnya dilonggarkan, saya percaya perkara ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak. Saya katakan begitu sebab perkara ini bersangkutan dengan Bank Pertanian, saya dapati hari ini walaupun ada setengah pihak mengatakan Kerajaan telah menaikkan harga barang-barang yang dibeli oleh orang awam seperti gula dan sebagainya tetapi bagi pihak Kerajaan kita, bila kita renung dan membuat kajian secara teliti berkenaan dengan hasil pertanian—ini adalah kenyataan yang benar, cara hendak melipat ganda, cara sains dan teknologi, cara hendak mempercepatkan yang kita cari.

Saya berani mengatakan hari ini hasil-hasil pertanian kalau ada setengah petani menggunakan sains, cara yang lebih cepat, pendek kata kalau satu-satu tanah dapat ditrektor dan sebagainya dapat hasil yang amat banyak. Cara pertanian ini kalau alang-alang, kata orang kampung makan gaji ataupun cara bergaji bulan, pendapatan daripada pak tani amatlah baik tetapi biarlah cara masa kita bekerja alatnya cukup. Misalnya saya kata tadi sekali lagi harga-harga daripada hasil pak tani—saya ini daripada pak tani tulin, walaupun hari ini saya sudah jarang bercucuk tanam tetapi walau bagaimanapun sekali-sekala saya bertanya khabar pihak-pihak yang berkenaan yang membeli segala tanam-tanaman daripada pak tani. Misalnya kalau di masa dahulu saya masih ingat gula sekati 30 sen, di masa itu harga sawi ataupun lobak hijau tidak lebih daripada 25 sen tetapi hari ini harga

lobak hijau apatah lagi musim yang agak airnya payah sampai 80 sen dan kadang-kadang sampai \$1.20 sen. Begitulah juga sayur-sayuran yang lain. Jadi, saya berasa syukur kepada Tuhan boleh dikatakan pendapatan pak tani amatlah baik, harganya baik tetapi ada juga kadang-kadang bila terlampau banyak kerana keadaan musim hujan dan sebagainya boleh ditanam maka terbalik, harganya menjadi murah. Saya percaya dengan adanya Bank Pertanian yang akan memberi pinjaman kepada pak-pak tani walaupun seperti saya katakan tadi saya bukan hendak salahkan MARDI dan sebagainya, kalaulah diawasi betul-betul, dibuat mengikut program betul-betul, dengan adanya alat yang cukup misalnya kalau musim tidak ada hujan mereka terpaksa mengambil air dengan payah tetapi dengan adanya kemudahan daripada Bank Pertanian bolehlah pihak pak tani atau pekebun kecil tadi membeli alat-alat seperti pam air dan sebagainya.

Begitulah juga kalau hendak mengtrektor tanah dapat membeli alat-alat tetapi kemudahan tidak ada dan kalau ada pun syaratnya terlampau ketat. Misalnya, saya kata Bank Pertanian akan memberi satu pinjaman \$5,000, dia hendak satu cagaran khasnya tanah di tempat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nafi negeri mana sekalipun sekarang banyak tanah-tanah yang tidak bergeran. Kalau segala-galanya kita akan memberi pinjaman dan juga sebagaimana kita beri di segi lain seperti tanam semula getah dan sebagainya dengan syarat bergeran banyak orang tidak dapat meminjam sedangkan banyak tanah-tanah yang tidak bergeran telah diusahakan oleh rakyat khasnya oleh pak tani dan daripada hasil itu banyak memberi nikmat kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu pak tani ini boleh dikatakan rajin tetapi cara bercucuk tanam sebagaimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri berkenaan tadi dalam pinjaman ini diberi kepada tembakau, diberi kepada segala-galanya, saya berasa cukup bangga dengan syarat yang dibenarkan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, kita tidak nafikan kebanyakan daripada bahan-bahan

pertanian ataupun buah-buahan kita masih mengimport daripada luar negeri, seperti terung, cili besar dan sebagainya. Dengan kemudahan-kemudahan yang diberi ini, diberi penerangan yang nyata, dibuat syarat yang longgar jangan ada dengan syarat tanah yang bergeran dan sebagainya, kemudian kalau boleh faedahnya itupun diturunkan lagi sampai 4% misalnya, saya yakin akan mendapat sambutan yang baik daripada rakyat dan dengan dapat sambutan yang baik daripada rakyat kita akan dapat keuntungan dari dua, tiga segi.

Keuntungan pertama, sebagaimana azam Kerajaan kita hari ini mengurangkan rakyat kita terutama anak muda daripada pengangguran. Saya percaya kalau kita buat secara tersusun, cara alat yang cukup sesudah diberi oleh Bank Pertanian, misalnya dalam soal pertanian ada setengah daripada perkara-perkara pertanian yang tidak memakan masa lama tetapi kalau ada alat-alat di mana benda itu dapat disimpan dalam peti sejuk dan sebagainya dapat tahan lama. Begitu juga kalau payah mendapat air adakan pam, tanah keras adakan trektor yang cukup; dengan adanya pam boleh dibuat peraturan yang cukup supaya kita tidak payah lagi mengimport dari negeri lain, jadi dua, tiga segi untung. Untung segi pertama pak-pak tani kita sendiri dapat hasilnya sendiri; kedua, kita berasa dukacita kalau dengan kita mengimport dari negeri-negeri lain kadangkadangkang di samping mengimport bawang dan sebagainya masuk perkara-perkara yang tidak diingini dalam negeri kita.

Saya berharap sangat dengan kelulusan Rang Undang-undang yang ada pada hari ini akan mendapat manfaat dan kebajikan kepada negara kita. Kalau boleh kita pilih dua segi; satu segi kita cari kerjasama dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengharamkan segala bahan-bahan pertanian yang sekarang ini kita import daripada negeri lain; kedua, kalau boleh kita menggalakkan. Sebagaimana saya tengok dalam soal jawab tadi walaupun belum sampai, apakah tindakan Kerajaan kepada tanah-tanah yang terbiar. Jadi, dengan adanya kewangan yang telah ditetapkan oleh Bank Pertanian saya percaya akan mendapat sambutan yang lebih baik.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga, saya berharap sangat walau macam manapun saya tak nafikan pegawai itu bagus, dia ada akademik, dia ada kelulusan, tetapi kita tidak nafikan, saya juga dapat tahu kalau tak silap saya dalam segi pertanian seorang itu hendak menjadi pegawai pertanian muda terpaksa beberapa kali dan beberapa bulan dahulu mengambil kursus di Serdang dan sebagainya. Jadi, saya berharap kita tambahkan lagi walaupun saya tengok di sini kalau tak silap saya dijadikan dengan serta-merta segala pekerja dan kumpulanwang yang bertanggungjawab dengan soal ini dimasukkan ke dalam Bank Pertanian dan bertanggungjawab di atas nama Bank Pertanian pula tetapi atas saluran ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping petani itu, saya tidak nafikan syarat kebolehan itu mesti ada, tetapi biarlah pengalaman cara pertanian. Kalau boleh macam mana pejabat pertanian buat sebelum seseorang itu hendak menjadi pegawai dihantar berkursus dahulu begitu juga dari segi ini kalau boleh dan saya harap sangat walaupun di segi syarat hendak beri pinjaman patut ada tetapi disyaratkan dia juga dapat tahu sedikit sebanyak dan kalau boleh dia dapat tahu lebih banyak itu lebih baik. Pegawai itu yang akan bekerjasama dari segi pinjaman dan dia juga hendaklah selalu melawat ke kawasan pertanian seboleh-bolehnya dengan minta kerjasama daripada pegawai pertanian di mana ada tanah terbiar supaya dipanggil orang kampung dinasihatkan supaya mengadakan berbagai tanaman kelompok pertanian. Kalau terbit masalah kesusahan berkenaan dengan kewangan maka di sini pegawai daripada Bank Pertanian itu akan mengesyorkan supaya dapat pinjaman dan di situ juga mestilah ada follow-up. Selepas diadakan pinjaman, mereka juga akan ikut tengok keadaan pekerja-pekerja kebun atau petani itu maka dengan itu dapatlah dibayar mengikut keadaan masa ataupun jangka masa yang ditetapkan. Jadi, dengan adanya Rang Undang-undang yang telah dipindakan ini, saya berharap ianya janganlah berulang lagi sebagaimana saya kata tadi kadar pinjaman \$4 juta tetapi cuma yang dapat pinjaman tak sampai \$2 juta, kerana

sebagaimana saya katakan syarat-syaratnya terlampau ketat. Saya harap syarat itulah yang patut dipinda. Kalau boleh, pejabat-pejabat Bank Pertanian itu juga patut ditambahkan lagi ke kawasan-kawasan luar bandar kerana ini bersangkutan dengan pertanian dan hak petani.

Misalnya, di negeri Perlis ada Bank Pertanian di Kangar, satu lagi di Simpang Empat tetapi tak ada dalam kawasan Chuping dan kawasan Mata Ayer. Saya berpendapat patut dibanyakkan di kawasan luar bandar kerana petani itu datangnya daripada luar bandar. Biasanya Bank Pertanian dibangunkan dalam bandar. Saya harap Bank Pertanian ini patut dibanyakkan cawangannya, tak payah nanti besar walau kecil sekalipun agak ada pegawai dua, tiga, empat orang satu daerah atau satu-satu kawasan patut diadakan. Jadi, saya harap sangat sebagaimana saya syorkan itu dapat perhatian dengan serius daripada pihak yang berkenaan.

Kita mengucapkan terima kasih di atas langkah dan dasar Kerajaan kita hari ini yang akan menolong pekebun-pekebun kecil baik di bidang manapun, baik segi pertanian seperti tembakau dan sebagainya. Saya tengok hari ini tanaman tembakau adalah satu tanaman yang cukup membawa keuntungan kepada orang yang bertanam tembakau terutama di Kelantan. Tetapi hari ini di Kedah Utara luar daripada kawasan MADA khasnya termasuk juga Perlis ada di antara petani yang menanam tembakau dalam masa 4 bulan dapat mengumpulkan keuntungan hampir \$3,000. Ini adalah kenyataan tetapi dia terpaksa menggunakan sedikit sebanyak daripada alat macam saya katakan tadi trektor, pam dan sebagainya, kadang-kadang dia boleh menanam tempat yang mudah di tepi sungai. Jadi kalau yang jauh daripada tepi sungai, tentulah payah tetapi takkan kesemua tempat berhampiran dengan sungai, tetapi kalau ada alat-alat yang cukup sebagaimana saya katakan tadi ini menambahkan hasil yang banyak.

Apa yang saya hairan dan saya ulangkan sekali lagi dari segi mana sekalipun kalau kita boleh membanyakkan tanaman tembakau ini membawakan hasil kita bertambah baik kerana keadaan negara kita

sebagaimana saya katakan tadi tak cukup sebab itu kita mengimport segala barang pertanian daripada luar negeri, begitu juga tembakau yang hari ini dapat hasil yang cukup baik kepada petani. Walaupun pihak Pejabat Kesihatan tidak menggalakkan menghisap rokok tetapi berkenaan iklan hisap rokok itu kita tidak menafikan setengah orang kalau tidak dapat rokok tidak boleh duduk—ini kita tak boleh nafi. Walau macam manapun dalam negara kita tembakau masih digalakkan dan dibolehkan tanam tembakau. Jadi walau macam manapun sebagaimana saya kata tadi kita tak cukup tembakau dan saya dapat tahu daripada Lembaga Tembakau Negara kilang tembakau masih mengimport daun tembakau daripada luar negeri.

Kedua, saya dapat tahu juga mutu tembakau kita tak begitu baik, jadi saya percaya kadang-kadang yang baik dan tak baik itu disebabkan pelaksanaannya. Kalau kelengkapan kita cukup dan segala-galanya cukup, saya yakin benda yang tak baik itu harus menjadi baik dengan alat atau pelaksanaan yang baik dan hendak melaksanakan yang baik itu berkehendakkan modal atau kewangan. Jadi kalau ada Bank Pertanian ini menjadi satu kemudahan pada petani, tetapi biarlah saya ulang berkali-kali, ini perkara yang nyata saya tahu benar-benar iaitu syarat itu terlampau ketat. Jadi, saya sebelum saya duduk, sekali lagi saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya syarat-syarat itu dikendurkan dan saya berdoa dengan kelulusan ini sebagaimana ada dalam soalan yang saya katakan tadi, walaupun tak sempat Menteri menjawab, ada salah satu soalan bagaimana hendak dibuat tanah-tanah yang terbiar. Jadi saya percaya dengan keadaan ini akan menjadikan tanah-tanah kita tidak ada yang terbiar lagi kerana hasil negara kita tak cukup, kita masih import dan sebagainya tetapi syarat itu dimudahkan.

Bank Pertanian ini walaupun dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan kerana ini bertanggungjawab dengan wang, tetapi Bank Pertanian ini kalau tak silap saya di bawah Kementerian Pertanian, saya harap bekerjasama dengan MARDI dan sebagainya.

Saya dapat tahu dalam Kementerian ada Bahagian Urustani untuk menyelaraskan pejabat-pejabat pertanian termasuk Bank Pertanian dan sebagainya. Dengan kemudahan-kemudahan itu saya yakin petani-petani yang dapat duit banyak akan menanam dengan cukup dan dengan diselaraskan oleh MARDI dan FAMA mencari benih-benih yang baik dan diselaraskan oleh FAMA berkenaan harga menjadikan negara kita bertambah baik, baik kepada rakyat, baik kepada negara kita supaya tak payah diimport lagi segala-gala. Jadi benda yang kita tak ada itu terpaksa import seperti motokar dan sebagainya, benda yang ada dalam negara kita, kita ada tanah dan sebagainya tetapi kita import ini saya amat dukacita.

Saya tegaskan di sini iaitu dengan adanya Bank Pertanian, bahan pertanian Malaysia kalau boleh kita haramkan daripada diimport dan kita menggalakkan anak Malaysia sendiri dengan beri pinjaman-pinjaman. Kalau tak boleh buat cara sains kerana tidak ada duit, buat dengan alat yang kita beri. Tetapi apa yang kita dapati di masa lepas saya katakan syaratnya terlampau ketat kita longgarkan agak berpatutan. Kalaulah ada pejabat MARA dapat beri pinjaman \$2,000 dikecualikan daripada cagaran dan sebagainya, saya tak suruh kecualikan langsung, tetapi syarat dilonggarkan. Ini patutlah diberi pertimbangan semula.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tanah Merah.

4.08 ptg.

**Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Yang bernama Suatu Akta bagi memansuhkan Enakmen Kumpulanwang Pinjaman Pekebun, membubarkan Kumpulanwang Pinjaman Pekebun yang ditubuhkan di bawah Enakmen tersebut, memindahmilik dan meletak hak semua harta dan tanggungannya kepada Bank Pertanian Malaysia dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang bersampingan atau berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian sedikit sahaja dalam hal ini iaitu tujuan Rang Undang-undang ini dikemukakan jelas bahawa sebahagian besar tanggungjawab masalah pinjaman wang dan pengurusan pinjaman wang ini terhadap petani dan pertanian sepatutnya diserahkan kepada pihak Bank Pertanian dan ini adalah satu perkara yang sepatutnya dibuat dan saya kira walaupun terlewat tetapi masih belum terlewat.

Tuan Yang di-Pertua, memangnya Bank Pertanian telah ditubuhkan dengan berdasarkan beberapa tujuan yang tertentu sebagaimana yang terkandung di dalam Akta Bank Pertanian Malaysia 1966, kalau dapat saya quotekan sedikit, Fasal 6:

“Tujuan-tujuan bank ialah untuk menggalak kemajuan pertanian yang sempurna dalam Malaysia atau mana-mana bahagiannya.

- (a) Menyelaras dan menyelia bantuan kredit dari kumpulanwang awam untuk maksud-maksud pertanian bagi berbagai-bagai orang atau kumpulan orang-orang sama ada yang diperbadankan atau tidak.
- (b) Mengadakan kemudahan-kemudahan pinjaman pendahuluan dan kredit untuk kemajuan pertanian termasuklah penghasilan dan pemasaran.
- (c) Menyelenggarakan wang simpanan khususnya dalam bidang pertanian dan bagi mencapai tujuan ini menerima wang-wang simpanan dan deposit semasa.”

Tuan Yang di-Pertua, jadi sesuaiilah dengan Perkara 7 Akta Bank Pertanian Malaysia 1969 ini sepertimana yang telah saya sebutkan tadi sesuaiilah dengan tujuan-tujuan tersebut maka Enakmen Kumpulanwang Pinjaman Pekebun ini dibubarkan dan dalam masalah itu oleh sebab kita memindahkan seorang anak kepada satu keluarga yang lain iaini daripada satu Perbadanan Kerajaan atau agensi Kerajaan kepada satu agensi Kerajaan yang lain, maka sebaiknya melalui Dewan yang mulia ini beberapa teguran dan pengharapan dikemukakan kepada

Perbadanan yang baru yang akan menerima tugas dan tanggungjawab kerja-kerja ini, iaini Bank Pertanian Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah salah satu masalah yang dihadapi oleh petani-petani luar bandar ialah masalah kredit dan perkara yang kedua selain daripada masalah kredit ialah masalah kepakaran atau technical know-how.

Perkara yang ketiga, ialah soal penyeliaan ataupun khidmat lanjutan (extension service). Dalam bidang pertama yakni masalah kewangan, kewangan ini bukan satu perkara yang senang. Apabila petani memerlukan wang maka terus diberikan sahaja pinjaman oleh pihak Bank Pertanian, tetapi mungkin lebih daripada itu. Di dalam masalah ini saya mengesyorkan yang pertama Bank Pertanian dalam hendak memudahkan pihak-pihak petani mendapatkan pinjaman daripada Bank Pertanian maka Bank Pertanian ini hendaklah selain daripada menjalankan usaha-usaha sepertimana yang diadakan sekarang yakni melawat daripada satu tempat ke satu tempat melalui konsep bank bergerak yang dipunyai oleh Bank Pertanian pada hari ini maka hendaklah Bank Pertanian ini mempunyai agen-agen yang tetap, bukan sekadar setakat di mana Bank-bank Pertanian itu sendiri mempunyai cawangan, misalnya, kalau di Kelantan, Bank Pertanian ini bagi sebelah barat Sungai Kelantan yang meliputi Jajahan Tanah Merah kawasan saya, Jajahan Ulu Kelantan, Jajahan Pasir Mas, Jajahan Tumpat hanya terdapat di Pasir Mas, walhal kita dapati bilangan atau jumlah petani-petani adalah begitu ramai sehingga memerlukan jumlah bank yang lebih banyak. Jadi dengan hal yang demikian walaupun bank tidak berkemampuan untuk menubuhkan cawangan-cawangan yang lebih banyak maka saya menganjurkan supaya Bank Pertanian mempunyai agen ataupun wakil-wakil mereka di Pejabat-pejabat Daerah. Walaupun tidak di Pejabat Daerah maka gunakanlah kompleks-kompleks tani yakni di Pejabat-pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang yang kedapatan di tiap-tiap daerah sekurang-kurangnya satu walaupun tidak lebih ataupun sekarang ini di tiap-tiap mukim terdapat sebuah Pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Maka Pejabat

ini hendaklah digunakan bukan sekadar melawat sekali-sekala, tetapi Kementerian Pertanian melalui agensi Bank Pertanian ini hendaklah meletakkan seorang pegawai yang bertanggungjawab sepenuh masa mengenai urusan hal ehwal mengenai Bank Pertanian di tempat itu. Jadi dengan lain perkataan apabila terdapat petani-petani yang ingin meminjam wang tidak perlu petani ini misalnya dari Tanah Merah, Kelantan berkejar ke Pasir Mas. Kelantan walaupun negerinya sama, tetapi tempatnya agak berjauhan juga.

Selain daripada itu, saya juga menganjurkan mungkin pihak Bank Pertanian patut juga mengikut sedikit kaedah Bank-bank Pembangunan—tak usah kita katakan Bank Dunia atau Bank Asia, tetapi ikut sahajalah kaedah Bank Pertanian di mana kerja-kerja on-the-ground lebih banyak, misalnya kerja-kerja bagaimana hendak menasihatkan petani untuk mendevelopkan tanah mereka untuk menanam ataupun untuk mengadakan sebarang projek pertanian. Jadi ertinya sebelum seseorang itu sama ada dipertimbangkan untuk diberi pinjaman atau tidak maka penyiasatan yang rapi tetapi segera, saya ulangi penyiasatan yang rapi tetapi segera hendaklah dibuat kerana tanpa unsur-unsur segera ini mungkin satu musim penanaman itu tidak dapat dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah di sebelah Kelantan misalnya tembakau, tembakau ini hanya dapat ditanam pada musim-musim yang tertentu kerana tembakau tidak dapat membendung keadaan tengkujuh dan tembakau ini perlu ditanam sewaktu musim kemarau sahaja, walhal walaupun tembakau merasai direndami air walaupun dalam semalam atau dua malam mungkin bahaya akan menimpa anak-anak tembakau tersebut. Jadi ertinya dengan dipercepatkan proses ini maka mungkinlah satu musim tidak akan tergendala dan caranya sudah tentu dengan membanyakkan lagi kakitangan yang pakar "on the ground" bukan "in the office" dengan izin.

Selain daripada itu, apa yang saya sebutkan tadi ialah mengenai extension services atau khidmat nasihat. Setelah petani-petani mendapat pinjaman daripada pihak Bank Pertanian mungkin perlu diawasi on the

ground sekali lagi tentang kerja-kerja yang dijalankan oleh petani itu bukan dengan tujuan untuk mendapatkan kembali wang itu daripada petani-petani, bagi saya walaupun petani-petani itu tidak mampu untuk mengembalikan keseluruhan wang yang dipinjamkan daripada Bank Pertanian itu tidak menjadi masalah asalkan projek yang dijalankan oleh petani itu berjaya.

Ini perkara yang penting, kerana saya percaya tidak menjadi matlamat utama tertubuhnya Bank Pertanian ini untuk menjadikan sebagai satu badan kewangan dalam erti kata sebenarnya, tetapi tujuan utama ialah untuk membantu petani-petani. Jadi dengan extension service atau khidmat nasihat lanjutan ini hendaklah dijalankan selalu sehinggalah perkara-perkara yang diusahakan oleh petani itu benar-benar berhasil dan sudah tentulah perkara yang penting dalam masalah ini selain daripada masalah nasihat tadi, nasihat kepada perkara-perkara yang telah dijalankan atau perkara-perkara yang sedang dijalankan itu, maka sudah tentu saya ingin mencadangkan kepada Bank Pertanian ini membuat satu kajian menyeluruh untuk menentukan kawasan-kawasan yang mana layak bagi tanaman-tanaman yang berkenaan misalnya kawasan A layak ditanam dengan kobis, kawasan B layak ditanam dengan tembakau dan seterusnya. Berpandukan kepada kajian-kajian ini maka hendaklah dihebahkan kepada petani-petani melalui saluran-saluran yang mana kita dapati pada hari ini sama ada melalui Pejabat Daerahnya, melalui Penghulu, Pengawa dan sebagainya. Di samping itu juga kajian ini dapat menolong pihak Bank Pertanian untuk dijadikan sebagai rujukan apabila sesuatu projek dikemukakan oleh petani-petani untuk pinjaman dalam bidang-bidang yang tertentu.

Saya sedar pada hari ini telahpun ada usaha-usaha kajian yang dibuat oleh badan-badan yang tertentu untuk mengidentifikasi, untuk menentukan kawasan-kawasan yang tertentu adalah layak bagi sesuatu tanaman, adalah layak bagi sesuatu aktiviti sama ada kawasan ini layak di segi pertanian dan apakah jenis pertanian yang telahpun ada dibuat oleh pihak Jabatan Pertanian. Tetapi saya khuatir, kajian ini apakah kajian hanya

hendak menentukan sekadar kawasan ini untuk pertanian, kawasan ini untuk sayur-sayuran, kawasan ini patut dijadikan kawasan ternakan atau sebagainya. Tetapi mungkin kajian secara detail, kajian secara terperinci mungkin tidak dibuat oleh pihak Pertanian dan sesuailah kerana salah satu tugas Bank Pertanian ini adalah untuk membantu petani-petani di segi kewangannya, di segi projection atau di segi pembangunannya dan juga pada matlamat yang akhirnya hendak membantu supaya taraf ekonomi petani-petani itu dapat dinaikkan maka kajian yang menyeluruh seperti ini adalah penting.

Sebagaimana kita selalu dengar kalau hendak dibandingkan dengan Bank Dunia mungkin terlalu tinggi, jadi kita bandingkan sahajalah dengan proses yang dijalankan oleh Bank-bank Pembangunan yang lain supaya tiap-tiap sen wang yang dipinjam atau diberi pinjam oleh Bank Pertanian itu kepada petani-petani ianya akan dijadikan satu modal satu sen terhadap pembangunan tanah yang akan pula membangunkan jiwa raga petani itu sendiri. Sekian, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.21 ptg.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kangar dan Tanah Merah yang telah memberikan pandangan dan teguran khusus kepada perjalanan pemberian bantuan kredit dan bantuan-bantuan lain bagi maksud membangunkan kaum tani negara kita kepada taraf yang lebih tinggi lagi.

Sukalah saya menyatakan bahawa pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kangar itu merupakan pandangan-pandangan yang mana saya sendiri tidak bertentangan dan memanglah sependapat sama seperti Ahli Yang Berhormat dari Kangar bahawa kiranya sebuah negara seperti Malaysia ini yang berasaskan kepada pertanian tidak pula Kerajaan menjalankan program-program dan perancangan-perancangan untuk membawakan manfaat

dan kebajikan kepada kaum tani tentu sekali bahawa kemewahan dan kedudukan negara kita mungkin akan terjejas sedikit.

Saya mengalu-alukan harapan dan hasrat Ahli Yang Berhormat dari Kangar itu bahawa seberapa yang boleh peruntukan pinjaman yang disalurkan kepada kaum tani dan sektor pertanian dapatlah digunakan dengan seberapa yang boleh mengikut kadar peruntukan yang telah diberikan. Dan tentu sekali bahawa untuk membolehkan pihak Kerajaan ataupun agensi-agensi Kerajaan yang telah ditugaskan untuk memainkan peranan ini bahawa tentu sekali cawangan-cawangan agensi-agensi tersebut dan juga bilangan pegawai-pegawai yang diperlukan hendaklah ditambahkan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah telah juga memberi pendapat bahawa ada tiga perkara yang perlu diberikan pertimbangan sekiranya sesuatu perancangan an program untuk membangunkan taraf kaum tani dapat dijayakan iaitu yang pertama ialah tentang kredit; kedua ialah tentang kepakaran dan ketiga ialah tentang khidmat lanjutan.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan bahawa segala teguran dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut merupakan sebahagian daripada dasar Kerajaan sendiri berasaskan kepada kesedaran Kerajaan bahawa kemewahan negara ini memang selama ini berasaskan kepada pertanian dan sekiranya kita mempunyai kesedaran tersebut, kemewahan dan kemajuan yang berlanjutan bagi negara kita bergantung juga sejauh mana kita dapat membangunkan kaum tani dan juga membangunkan sektor pertanian demi kepentingan negara kita sendiri.

Selain daripada itu, adalah penting diingatkan bahawa daya pengeluaran sektor pertanian merupakan satu aspek yang perlu ditegaskan oleh kerana apabila daya pengeluaran pertanian dapat ditingkatkan sebanyak sedikit dapat menolong membentasi gejala-gejala hasil daripada tekanan inflasi yang kini melanda rakyat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah ada jawapan-jawapan kepada teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang telah disampaikan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat selain daripada menyatakan bahawa tujuan Kerajaan memanglah untuk mengadakan satu pendekatan yang boleh memberikan manfaat dan faedah sepenuhnya kepada kaum tani dan juga sektor pertanian dan berpandukan kepada pendekatan inilah maka keadaan di mana mungkin timbulnya penduaan di antara berbagai agensi-agensi Kerajaan dari segi tugas dan tanggungjawab agensi-agensi ini maka telah diambil tindakan melalui undang-undang ini untuk membubarkan Lembaga Pinjaman Pekebun yang memang tidak lagi sesuai dengan keadaan negara kita.

Lembaga Pinjaman Pekebun adalah ditubuhkan bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu hanya 4 buah negeri dalam negara Malaysia kita ini dan melalui undang-undang ini adalah bertujuan bahawa agensi Kerajaan yang telah ditubuhkan semenjak kemerdekaan negara kita ini akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka tanpa sebarang penduaan dan tanpa sebarang kekeliruan yang mungkin berlaku di kalangan penerima bantuan dari pihak Kerajaan.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya mengucapkan sekali lagi berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Soalnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua  
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi  
sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 9—

4.28 ptg.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan  
Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit  
mengenai Fasal 9 yang berbunyi:

“9. Tiap-tiap orang yang sebelum sahaja  
mula berkuatkuasanya Akta ini telah  
diambil kerja sebagai pegawai atau  
penjawat Kumpulanwang hendaklah, pada  
mula berkuatkuasanya Akta ini,  
ditawarkan untuk diambil kerja sebagai  
pegawai atau penjawat Bank, atas had dan  
syarat perkhidmatan yang tidak kurang  
baiknya daripada had dan syarat yang  
dinikmati oleh mereka sebagai pegawai  
dan penjawat Kumpulanwang sebelum  
sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini.”

Tuan Pengerusi, kalau saya difahamkan  
dengan Fasal 9 Rang Undang-undang ini  
ianya adalah memberi jaminan sepenuhnya  
kepada pegawai-pegawai yang terdapat di  
dalam Kumpulanwang setakat hari ini untuk  
dipindahkan kepada Bank Pertanian dengan  
syarat pekerjaan dan gaji yang tidak kurang  
daripada apa yang didapati pada hari ini.

Saya berterima kasih kepada wujudnya  
hakikat ini kerana ini adalah satu perkara  
yang menjadi kebiasaan kepada sebarang  
penyelarasan jawatan daripada satu jabatan  
atau satu agensi kepada satu agensi yang lain.  
Cuma dalam masalah ini, saya ingin membuat  
satu teguran ataupun pengesyoran supaya  
ianya hendaklah juga dipandang dari segi  
pangkat yang disandang oleh penjawat-  
penjawat atau pegawai-pegawai di dalam  
Kumpulanwang yang ada setakat hari ini,  
misalnya, mana-mana mereka yang telahpun  
berada di taraf Pengurus (Manager) maka  
apabila mereka ini diserapkan kepada Bank  
maka hendaklah mereka ini jangan  
diletakkan di bawah pangkat yang lebih  
rendah daripada apa yang ada sekarang,  
walaupun gaji dan syarat-syarat pekerjaan  
(terms of service) yang mereka akan nikmati  
itu adalah lebih kurang sama. Dengan ini

mungkin satu masalah yang akan ditimbulkan  
macam manakah Bank ini akan dapat  
menyerap kesemua Pengurus-pengurus atau  
mereka yang bertaraf ke dalam jawatan yang  
sama walhal Pengurus ataupun mereka yang  
diperingkat pengurusan di Bank ini  
pangkatnya mungkin tidak akan  
dikembangkan.

Melalui ini saya mencadangkan inilah  
masalah selaraskan dengan apa yang saya  
cadangkan tadi bagi pihak Bank untuk  
memperkembangkan cawangannya di  
kawasan-kawasan yang diperlukan dan  
orang-orang inilah kelak akan dilantik  
sebagai Pengurus atau golongan pengurusan.  
Saya tidak menganjurkan supaya mereka ini  
dimasukkan terus tanpa memberi sebarang  
bimbingan atau orientasi, maka sudah  
tentulah sebarang bimbingan ataupun,  
dengan izin, period of orientation hendaklah  
diberikan kepada mereka ini dalam jangka  
masa dan waktu yang menasabah sesuai  
dengan hasrat Bank Pertanian supaya mereka  
itu dapat menjalankan tugas selepas bertugas  
di dalam Kumpulanwang ini dapat pula  
bertugas dengan Bank ini di taraf atau di  
peringkat yang sama tetapi mempunyai  
kecekapan dan keperluan sebagaimana yang  
dikehendaki oleh Bank sendiri.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan  
Pengerusi, saya mengucapkan berbilang  
terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat  
dari Tanah Merah di atas tegurannya tentang  
soal tawaran kepada pegawai dan penjawat  
Kumpulanwang yang akan diambil untuk  
berkerja dan berkhidmat sebagai pegawai  
dan penjawat Bank Pertanian Malaysia atas  
had dan syarat perkhidmatan dan tidak  
kurang baiknya daripada had dan syarat yang  
dinikmati oleh mereka semasa mereka  
berkhidmat di dalam Kumpulanwang  
tersebut.

Memanglah benar bahawa adalah menjadi  
tujuan pihak Kerajaan supaya sesuatu  
penyelarasan itu dan sesuatu pembubaran itu  
tidak akan menjejaskan soal, dalam bahasa  
pasar kita, periuk nasi seseorang itu, dan  
untuk maklumat Ahli Yang Berhormat  
Kumpulanwang ini merupakan satu  
organisasi yang sangat kecil dan dengan  
bilangan pegawai-pegawai dan penjawat yang  
kecil itu masalah penyelarasan dan

pembubaran ini tidaklah begitu besar dan saya percaya bahawa segala masalah yang mungkin dihadapi oleh pegawai dan penjawat Kumpulanwang ini apabila Kumpulanwang ini dibubarkan akan dapat diatasi melalui cara-cara yang telah ditetapkan mengikut Akta ini.

Soal untuk membesar atau mengembangkan Bank Pertanian Malaysia memanglah merupakan aspek di dalam strategi pembangunan Kerajaan dan ini akan bergantung kepada soal-soal yang lain daripada pengambilan atau pembubaran Kumpulanwang Pinjaman Pekebun ini dengan pembesaran Bank Pertanian Malaysia tetapi soal pembesaran dan perkembangan Bank Pertanian Malaysia ini akan dijalankan selaras dengan yang perlu digunakan mengikut kemampuan dan keupayaan Bank tersebut.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

*Fasal 9 dan 10* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG LALULINTAS JALAN (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.36 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr. Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) 1981 bagi bacaan kali kedua dan ketiga. Tujuan Undang-undang ini ialah bertujuan seperti berikut:

- (i) Untuk memberi kuasa kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan iaitu Jabatan Kerjaraya, Jabatan Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan menguatkuasakan peruntukan Seksyen 61 dan 70A Undang-undang Lalulintas Jalan 1958 secara yang lebih berkesan lagi;

- (ii) Untuk melindungi agensi-agensi yang berkenaan dengan kuasa yang sepatutnya semasa melakukan penguatkuasaan ke atas Seksyen-seksyen tersebut;

- (iii) supaya agensi-agensi yang berkenaan dapat mengadakan cara-cara dan strategi-strategi untuk mengatasi masalah penggunaan jalan-jalan raya yang belum siap di masa hadapan; dan

- (iv) dengan adanya pindaan ini dan penguatkuasaan yang lebih teratur jadual pelaksanaan projek pembinaan jalanraya Persekutuan akan dapat diikuti dengan sebaik-baiknya dan dengan demikian dapat menentukan kawalan ke atas kos pembinaan jalanraya-jalanraya berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri sedang bergiat membina beberapa batang jalanraya bagi meninggikan lagi taraf sistem pengangkutan di negara ini. Beberapa masalah telah dan sedang dihadapi oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri kerana jalan-jalan yang sedang dalam pembinaan tersebut telah dicerobohi dan digunakan oleh kenderaan-kenderaan berat umpamanya lori-lori balak. Akibat pencerobohan-pencerobohan tersebut Kerajaan telah kerugian berjuta-juta ringgit dan jadual pelaksanaan projek pembinaan jalanraya-jalanraya tersebut telah tergendala. Oleh itu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perhubungan telah memutuskan tindakan yang sesuai diambil untuk menyelesaikan masalah-masalah penggunaan jalan-jalanraya yang belum siap tersebut oleh kenderaan-kenderaan berat terutamanya lori-lori balak. Ekoran dari keputusan tersebut beberapa siri mesyuarat telah diadakan di peringkat pegawai dan keputusan telah diambil bahawa sebaik-baik cara bagi mengatasi masalah tersebut pada masa ini dan juga masa hadapan ialah dengan membuat pindaan ke atas takrif perkataan jalanraya dalam Undang-undang Lalulintas 1958.

Dalam Seksyen 2, Undang-undang Lalulintas 1958 Jalanraya adalah ditaksirkan sebagai berikut, dengan izin,

“Road means:

- (a) any public road and other roads to which the public has access;
- (b) for the purposes of Section 14 to 24 and Part V of this Ordinance “road” in relation to use means—any such road maintained at the public expense.”.

Seksyen 61 dan 70A Undang-undang Lalulintas Jalan 1958 hanyalah dihadkan kepada jalan-jalan raya yang telah ditetapkan sebagai jalanraya Persekutuan, ini bermakna jalan-jalan raya yang sedang dibina tidak terangkum di bawah seksyen ini. Penguatkuasaan yang sewajarnya dengan ini tidak dapat dijalankan. Oleh yang demikian adalah perlu pindaan undang-undang ini dibuat terutamanya mengenai taksiran jalanraya itu sendiri bagi maksud untuk dipakai Seksyen 61 dan juga 70A.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

4.43 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Pindaan yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan.

Saya berharap kerana kita sama-sama tahu jalan ialah menjadikan satu matlamat kepada manusia untuk menuju ke satu-satu tempat. Izinkanlah saya berkata yang selalu dikatakan oleh setengah orang kerap kali kita

kata jalanraya ini untuk kita hendak lalui tetapi di segi perundingan juga selalu disebut ‘ada jalan’, maknanya kalau ada jalan ada peluang untuk hendak ke situ ataupun ada pembukaan untuk perundingan dan sebagainya. Inilah selalu disebut oleh orang kampung bukanlah semata-mata untuk di jalan bahkan kalau hendak berunding satu benda agak nampaknya benda itu baik dia kata ada jalan, menunjukkan jalan akan menuju ke satu tempat yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi kalau di segi berpakat juga dikatakan ada jalan, maknanya kalau satu-satu pakat itu akan jadi dan kalau kita hendak menuju kepada satu-satu tempat maka jalan adalah satu perkara yang mustahak kerana di atas jalanlah yang akan dilalui oleh segenap manusia, waemah dia itu manusia yang baik dan kadang-kadang kalau manusia yang tidak baik sekalipun. Jalan dapat dilalui walaupun cara berjalan kaki apatah lagi kalau berkenderaan, kalau tak ada jalan tidak boleh hendak pergi sama sekali, dengan sebab itu jalan amatlah mustahak kepada kita.

Saya bersyukur kepada Tuhan sebagaimana kata Menteri tadi Kerajaan kita hari ini sedang membinakan banyak jalan, jalan yang sedang dibina dan jalan yang akan dibina lagi kerana sebagai matlamat saya katakan tadi di segi pembangunan untuk kita hendak memuatkan satu-satu barang kalau jalan tidak ada tidak boleh hendak dimuatkan, sebab itulah satu dari segi ekonomi. Biasa dikatakan oleh setengah penduduk kampung sekalipun walaupun cara tak langsung kita tak nampak wang yang diberi oleh Kerajaan kepada kita tetapi dengan adanya jalan masuk ke sesuatu kampung itu membawa mudah segenap segi, baik pun dari segi perniagaan, segi pak tani dalam kampung termasuk dalam segi murid-murid dalam pelajaran sekolah.

Sebab saya berkata begitu, ini adalah kenyataan, misalnya, satu kampung yang tidak berjalan, jalanraya khasnya, kalaulah satu-satu benda yang dia hendak beli, baikpun alat rumah yang besar, juga alat yang kecil, kalaulah tempat yang ada jalan dapat membeli dengan harga saya katakan misalnya \$50 disebabkan mudah sampai ke

rumahnya, sebab jalannya senang tetapi kalau satu tempat yang tidak ada jalan harus memakan perbelanjaan lebih daripada \$75. Ini saya kata betul-betul. Ini saya hendak katakan bahawa jalan ini cukup baik tetapi walau macam manapun, selepas saya kata jalan ini baik, saya hendak khabarkan yang jalan ini tak baik pun ada bahayanya juga, kerana tiap-tiap benda yang baik itu kalau kena kita gunakan ia akan membawa kebaikan dan kalau tidak kepada caranya, akan membawa keadaan yang tak baik pula. Ini bukan kata jalan, apa pun, baik segi kewangan, segi jawatan dan segala segi, kena gayanya diguna menjadi baik, tak kena menjadi tak baik. Air menjadi berfaedah kepada manusia, dengan air banyak diminum, air untuk dimandi, air juga membawa tenggelam dan banyak jadi malapetaka. Begitu juga api, api untuk memasak, api untuk hisap rokok, api juga membawa musnah, begitulah jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Ini saya hendak khabar benda yang baik dari segi jalan yang saya sendiri nampak dengan mata kepala saya sendiri. Misalnya kampung saya sendiri sebelum ada jalan. Satu hamba Allah untuk membina rumah, dia terpaksa membelanjakan dua kali ganda kerana selepas dia membelikan kayu-kayu untuk menyampaikan ke rumah dia yang tidak ada jalan tadi dia terpaksa pula mengorbankan seekor lembu yang harganya tak kurang daripada \$200, masa itu harganya murah, untuk mengupah atau meminjam orang ini mengangkut kayunya sampai ke rumah. Apa yang saya kata ini, saya tak payah sebut nama, ini adalah kenyataan. Maknanya dengan tak adanya jalan orang itu dapati payah hendak bawa masuk kayu ke rumah tetapi bila ada jalan menjadikan harga yang dia terpaksa pinjam tadi terlepas kepada dia, itu cara apa sekalipun, hendak beli kayu dan segala perkakas yang hendak dibeli dengan tak ada jalan menjadikan mahal. Sebaliknya pula dengan adanya jalan kalau perkakas yang dia hendak jual dengan tak ada jalan menjadikan murah tetapi kalau dengan adanya jalan dia akan menjadikan harganya bertambah baik.

Misalnya saya kata, ini kampung saya dan saya percaya seluruh Malaysia demikian, kalaulah satu tempat untuk menjualkan padi

terpaksa dimuat, habis baik kenderaan yang ada dengan jalan yang kecil-kecil ialah dengan kenderaan berbasikal. Paling cekapnya seorang penunggang basikal boleh bawa dua guni, itu paling cekap. Kalau tidak, seguni adalah cara selesa. Maka penjual padi kalau dia hendak jual cara upah untuk muatkan atas basikal, tentu memakan upah seguni \$3 atau \$4 mengikut jauhnya tempat kerana tidak ada kenderaan yang boleh dimuat untuk dihantar kerumah ataupun dijelapang padi sendiri.

Ini apa yang saya kata adalah benda yang betul-betul berlaku dengan sebab adanya jalanraya. Jadi kalau benda yang dia hendak jual akan menjadi mahal, benda yang dia hendak beli akan menjadi murah. Itu dari segi perniagaan, dari segi untuk orang kampung, dari segi murid sekolah, saya terpegun bila saya masuk ke suatu kampung yang ada jalan kecil, kata seorang pemimpin kampung, walaupun kita tidak dapat cara langsung wang diberi oleh Kerajaan tetapi dengan adanya jalan dapat kita pergi ke sekolah, dengan tidak kena becak dan sebagainya, secara tidak langsung ekonomi kita bertambah, kenapa tidak? kata dia. Kalau di masa yang lepas sebelum kita hendak sampai ke jalanraya yang besar, kita terpaksa berjalan kaki. Disegi kesihatan berjalan kaki dengan tidak berkasut akan membawa penyakit dan kadang-kadang terpaksa sediakan dua helai pakaian, satu pakaian jalan yang tidak becak dan satu lagi untuk jalan yang satu lagi. Jadi secara tidak langsung dengan tidak ada jalan yang baik, haruslah kena memakai dua pakaian kerana becak dan sebagainya tetapi kalau dengan adanya jalan yang baik, dan menggunakan pakaian yang baik dan dari segi kesihatan juga adalah terjamin. Inilah kata pemimpin kampung yang berkenaan dengan adanya jalan membawa manfaat dan kebaikan yang amat banyak kepada kesemua rakyat baik cara kecil atau cara besar, baik cara perniagaan atau cara besar, baik cara perniagaan atau cara penggunaan masyarakat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada Kerajaan yang telah mengadakan jalan-jalan. Boleh dikatakan segenap kampung yang

mengikut keadaan (a) dan (b) sebagaimana yang dikatakan oleh pihak Menteri yang berkenaan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi benda yang membawa kebaikan inilah kalau tidak kena pada saluran dan peraturan akan membawa bahaya dan kemalangan balik. Sebab itulah disegi apa pun dia ada aturan dan peraturan, macam dalam ibadat, walaupun kita rajin dari segi ibadat tetapi kalau tidak ikut peraturan dan tata tertib, ibadat itu jawabnya tidak sah. Jadi jawabnya peraturan yang lengkap adalah wajib, maka dengan sebab itulah sebagai manusia biasa, makhluk Allah, bila kita buat satu peraturan ataupun satu Rang Undang-undang yang satu ketika dahulu tidak begitu kemas ataupun mengikut keadaan zaman yang bertambahnya manusia dan sebagainya patutlah kita ikuti keadaan kesesuaian.

Jadi, saya selalu dengar ada orang berkata, sepandai-pandai orang ini kita kena ikut masa. Kalau tidak silap saya, izinkan saya menyebut satu perkataan Arab, dia kata "al waktu ka shait, faillam yaktaghu pinnahu yaktauka". Masa itu seumpama pedang, kalau kita tidak potong dia, dia akan potong kita. Ini menunjukkan kepada kita satu-satu benda itu kita tidak boleh buat mengikut fesyen lama. Sebab itulah saya tidak hairan kalau Kerajaan kita selalu meminda Rang Undang-undang. Kerana kita sebagai manusia keadaan itu bertambah, berubah dari satu masa kesatu masa. Oleh sebab itu bila kita dapati Rang Undang-undang ini walaupun kita hendak katakan tidak baik terus, tentulah Kerajaan kita tidak boleh memerintah dan semuanya ini tidak baik, tetapi ada perkara-perkara yang patut kita pinda itu mengambil masa dan sebagainya. Jadi saya berharap sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri tadi, misalnya pembinaan jalanraya, lebuhraya, kalau tidak ada satu penjagaan yang rapi yang diadakan oleh undang-undang, tentulah perkara itu akan memakan masa yang panjang.

Misalnya, Lebuhraya Timur-Barat dan sebagainya. Sebab kalau kita tidak ada satu undang-undang yang mengawal kepada agensi-agensi yang akan menjalankan jalanraya-jalanraya tersebut, tentulah benda itu lambat siap. Bila lambat siap sebagaimana

kita tahu mengikut keadaan zaman hari ini, keadaan bukan disebabkan inflasi, sudah menjadi satu adat kepada dunia, tiap-tiap tahun harga bahan-bahan akan naik. Baik dunia mana sekalipun. Kalau satu benda jangka masa kita akan siap dalam masa dua tahun ataupun tiga tahun tetapi kalau perkara itu akan menjadi sampai lima tahun, ini akan membawa perbelanjaan kita yang banyak.

Kita sebagai manusia walaupun kita Kerajaan, tanggungjawab dan keadilan hendaklah ada bersama-sama kita. Kalau kita tidak ada tanggungjawab dan tidak ada keadilan dan menghukum sesuatu benda dengan tidak usul periksa, ini membawa salah kepada kita balik.

Misalnya, saya katakan mengikut perancangan, Kerajaan akan menyudahkan satu Lebuhraya Timur-Barat, sedangkan jalan itu tidak selamat dan segi keselamatan. Pihak Kerajaan mengatakan bahawa kita hendak siapkan mengikut perjanjian kontrak yang berkenaan dalam masa tiga tahun. Kita tidak memikirkan soal keselamatan agensi yang berkenaan untuk membina jalan berkenaan, keselamatan jalanraya yang dikhianati oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab komunis dan sebagainya.

Misalnya, saya kata, kita cuma memaksa. Kalau mereka tidak siap, kita denda dan sebagainya. Ini membawa kita kepada tidak adil, sebab kita tidak menimbang dari segi keselamatan mereka. Seperti hakim, walaupun saya bukan seorang hakim, tetapi saya percaya kebanyakan hakim kalau dia hendak jatuhkan hukum, dia akan timbangkan banyak segi. Kalau dalam Islam pun begitu, dia tengok kalau kesalahan mencuri apa sebab dia melakukannya. Saya harap bagi sesuatu hukuman hendaklah ditengok kepada keadaan orang itu. Adakah sengaja dia buat ataupun kerana keadaan memaksa dan sebagainya? Jadi kalau dia tidak dapat melaksanakan lebuhraya misalnya dengan tidak ada kawalan yang ketat, lebih pula daripada masa yang dijangka, kita akan mendenda satu-satu hari sekian-sekian, ini menjadikan kita tidak adil. Oleh sebab itu, sebagaimana undang-undang mengadakan kawalan dan sebagainya, ini amat perlu dijalankan oleh Kerajaan untuk

keselamatan jalanraya baik dari segi pembinaan jalan secara besar atau kecil dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara itu juga, kita berasa seronok kerana jalanraya banyak, baik di kampung ataupun di bandar. Tetapi kadang-kadang kita berasa amat sedih. Walaupun saya ceritakan yang seronok dahulu, seronoknya negara kita dalam masa makmur disatu segi. Tetapi rakyat kita pun yang menjadi kaya raya dengan membuka hutan ke sana sini, jadi pembalok dan sebagainya. Kalau tidak ada jalanraya, kenalah pakai fesyen lama, mengangkut kayu dengan menarik kerbau dan sebagainya maka tentulah dizaman sains dan teknologi ini tidak akan berlaku lagi dan tentulah mereka akan menggunakan lori. Lori terpaksa menggunakan jalanraya walaupun jalan tidak elok dia boleh masuk. Sebab itulah banyak lori tidak boleh jalan dengan deras, tentulah mengikut jalanraya yang besar. Jadi dengan sebab itu, pendapatan kita juga bertambah walaupun sebagaimana kata Menteri tadi kita juga menjahanam banyak oleh sebab susunan yang saya katakan tadi, sebab itulah kita hendak membaiki. Kita tidak nafikan dengan adanya kayu balak dalam negara kita, menjadi negara kita ini juga satu daripada pendapatan yang besar. Dan biarlah saya tidak payah sebutkan nama, ada dalam negara kita daripada pemimpin-pemimpin kita yang jadi kaya raya disebabkan balak ataupun kayu-kayu hutan. Ini tidak boleh dinafikan kerana tiap-tiap pembangunan kalau tidak ada kayu tentu kita tidak boleh buat, walaupun zaman ini bangunan-bangunan dibuat daripada batu. Rumah di zaman moden ini dia lebih cantik kalau banyak diukir daripada kayu. Sebab itu kayu amatlah mustahak.

Tetapi yang kita rasa malangnya sebagaimana yang disebutkan oleh Menteri tadi, kalau kita tidak menguatkuasakan undang-undang, kerana ada setengah-setengah golongan bila hendak mendapatkan kekayaan, dia tidak fikir di samping kekayaan dia akan merugikan negara dan yang paling sedihnya akan mengakibatkan kemalangan kepada orang yang tidak berdosa sama sekali

kerana kelalaian dia, dengan perjalanan dia sebagaimana kata Menteri tadi, jalan sudah rugi berjuta-juta.

Tuan Yang di-Pertua, berkuasa segala-galanya ialah Tuhan, tidak ada yang berkuasa lebih daripada Tuhan. Kekuatan manusia ada terhad walaupun manusia macam Shaari Jusoh dari Kangar harus dia boleh angkut setakat seguni dimasa yang lalu, tetapi hari ini sudah berkurangan sedikit, kerana pada masa itu umurnya pula puluhan dan boleh bawa lebih kurang sepikul. Tetapi kalau manusia yang kuat, agaknya lebih lagi. Itu keadaan manusia. Ada yang lebih kuat lagi daripada itu. Lori tentulah dapat muat sampai 100 guni dan yang ada lebih daripada itu. Tetapi walau macam manapun lori sebagai barang berenjin adalah bersifat baharu, ia tidak boleh muat lebih daripada hadnya. Kalau dimuatkan lebih daripada hadnya, ia akan terbalik. Kadang-kadang itulah sebabnya ia terbalik. Sebab dirinya tidak terlarat, kadang-kadang terbalik, dia pun rugi. Paling sedih, kalau siapa bersalah, siapa hendak mencari keuntungan, dia menjadi mangsa. Itu tidak berapa hairan tetapi yang kita sedih dengan kerana dia hendak cari keuntungan, pihak-pihak lain akan menjadi mangsa sebagaimana kata Timbalan Menteri tadi. Dengan kerana hendak memuatkan kayu balak untuk mendapat keuntungan yang lebih besar; kita tidak menafikan, kita hendak balak, saya bersetuju dengan Timbalan Menteri tadi walaupun dia kata muatannya berlebihan, dia tidak kata jangan muatkan balak, kerana kalau tidak muat nanti akan jadi kelam kabut. Kalau lori tidak boleh muatkan balak, saya percaya, lagi kacau tetapi yang kita hendak buat undang-undang ialah muatan yang berlebihan. Dengan berlebihan tadi, akan menjadikan jalan kita, saya katakan sekali lagi walaupun jalan itu batu tetapi ada hadnya. Kalau dilalui lebih daripada hadnya walaupun lebih daripada batu, ia akan rosak. Dengan sebab itu Rang Undang-undang ini menyekatkan kadar yang berpatutan, jalan ini mesti dilalui oleh sekian kenderaan, sekian tan. Kalau lebih, hukuman mestilah dikenakan betul-betul, ditetapkan betul-betul.

Yang keduanya, di segi kenderaan muatan yang lebih. Yang saya hendak minta kalau lori itu muatannya lebih, hukuman denda hendaklah dikenakan. Kalau kita buat batas dilalui oleh orang yang tidak berkenaan, buat kata pepatah, "Lempar dalam laut banyak mana pun tidak cukup". Biarlah benda itu menasabah, baharulah kita tidak membazir. Kalau buat jalan yang tidak patut dilalui oleh lori muatan lebih bukan dikatakan kita ini baik bahkan dikatakan kita ini membazir. Ini undang-undang patut diambil. Jadi macam saya katakan tadi muatan yang lebih merugikan rakyat, kerana jalan patut dapat digunakan sekian-sekian tahun tidak dapat digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan jalan yang cantik tadi bila kenderaan melalui dengan muatan lebih bukan dikatakan kita ini baik bahkan dikatakan merosakan jalan. Kerajaan kena buat cepat. Itu sudah rugi Kerajaan, sebab undang-undang itu patut diadakan. Kalau Kerajaan lambat melaksanakan—lambat memperbaiki jalan tersebut maka jalan yang berlopak-lopak inilah salah satu sebab yang kemalangan selalu berlaku. Kadang-kadang kemalangan tidak ada orang yang melanggarnya, dia sendiri yang melanggar disebabkan lopak-lopak tadi, jatuh dalam parit, jatuh dalam sungai dan sebagainya. Yang kita terbaca dalam suratkhbar sehari dua ini ada seorang jatuh dalam gaung, itu bukan orang langgar, orang langgar soal yang kedua. Orang tak langgar pun kadang-kadang jalan yang elok tadi membawa seseorang itu mudah dapat kemalangan, selain daripada Kerajaan menanggung kerugian yang amat banyak. Maka dengan sebab itu saya berharap kepada kenderaan-kenderaan yang besar-besar seperti lori; yang kecil seperti motokar, kita, hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut keadaan kebesaran kenderaan yang berkenaan. Saya percaya, kalau kita hendak hukum orang salah, manusia sekalipun, kita hadkan umurnya.

Misalnya, seorang budak yang bersalah sebelum cukup umur 18 tahun, kita hadkan dia kepada pangkat kesalahannya, lebih daripada 18 tahun ke atas umur lain had kesalahannya. Jadi, kenderaan ini pun saya harap kita kena ukur juga dari segi kenderaan kebesarannya, iaitu kuasa kenderaan yang

saya katakan tadi. Ini kerap kali berlaku kemalangan, dengan kerana peraturan jalanraya kita, biarlah saya katakan terus terang walaupun sudah ada tetapi tidak lengkap. Kemalangan jalanraya selalu berlaku, kadang-kadang takut kita hendak naik motokar, tak hendak naik motokar macam saya katakan tadi hendak naik apa terutama di Perlis, hendak datang ke Kuala Lumpur, dengan kapalterbang pun kadang-kadang bukan tidak ada kapalterbang, ada di Alor Star, itupun kadang-kadang—lagi pun belanjanya pula mahal.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap peraturan jalanraya ini mestilah diketatkan betul-betul. Kalau kita tulis di belakang motokar misalnya 65 km ataupun 40 batu satu jam mestilah betul-betul. Ini ditulis 40 batu satu jam, kita lari 60 batu satu jam—dia potong dari belakang. Kita lari 60 batu satu jam ataupun 100 km sejam, dia potong sedangkan ditulis tidak lebih daripada 60 km satu jam. Ini berlaku tiap-tiap malam dan tiap-tiap hari. Itulah yang membawa satu kemalangan.

Biarlah saya katakan terus terang suatu malam saya balik daripada Kuala Lumpur, di satu jalan ke Alor Star, saya bersama-sama dengan Pengurus Besar yang menjual motokar Mercedes di Alor Star; Yang Berhormat dari Ulu Muda tentu kenal Tuan Haji Latif. Sampai ke batu 15 dan 16 jalan Alor Star ke Butterworth sebuah lori; saya terlupa nombornya, saya tidak mahu buat aniaya orang, kerana orang yang bersalah patut dihukum, tetapi kalau hukum orang yang tidak bersalah lagi dasyat, kita kena azab. Dia potong motokar saya dan nyaris-nyaris berlaku kemalangan di depan saya. Dia tidak peduli, dia ingat dia besar, kalau dia melanggar dengan kenderaan yang kecil tentu dia yang menang. Kata pepatah: Macam timun dengan durian, timun digolek, timun jahanam; durian digolek pun timun jahanam. Begitu juga lori dengan kenderaan yang kecil-kecil tadi termasuk orang yang berjalan kaki. Ini berlaku. Saya berharap Timbalan Menteri kalau boleh malam ini kita balik bersama ke Pulau Pinang naik motokar dan perhatikan lori-lori sebagaimana kata wakil dari Kangar ini. Ini bukan cabar, tetapi

ini saya minta kalau tidak puas hati. Inilah yang berlaku tiap-tiap malam dan tiap-tiap hari.

Saya amat sedih dan dukacita, kerana satu muatan sebagaimana dikatakan bukan kayu balak sahaja tetapi dari segi lain, lori ini pendek kata tiap-tiap malam sebagaimana disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi, bukanlah saya marah kepada lori, kita pun hendak kenderaan kerana ini membawa satu perniagaan—saya tidak marah, tetapi tidak menggunakan aturan, tidak mengikut aturan undang-undang; kita pula tidak boleh menangkap. Ini satu yang sangat saya geram. Lori saya tidak marah. Kalau lori tidak berjalan, kita hendak beli apa pun payah tetapi yang saya geram ialah lori-lori ini tidak ikut aturan, saya geram kepada Kerajaan juga kerana dia tidak mengambil tindakan. Jadi, saya harap aturan ini hendaklah kita ketatkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak memberi tahu perkara yang berlaku. Saya hendak datang ke Kuala Lumpur, selepas Gurun di antara Sungai Petani sebuah lori berjalan lintang pukang hingga kita pun pergi ke tepi, nasib baiklah malapetaka itu tidak sampai. Yang ada sebuah lori itu pula di dalam sehari dua ini iaitu dalam bulan ini, lori itu besar dan panjang serta ditulis di situ trailer panjang, dia tidak peduli siapa dia berjalan di jalanraya itu ikut sedap dia hendak potong dia potong, tidak ada jalan pun dia potong, hamba Allah yang kecil ini menepilah masing-masing. Ini selalu berlaku. Dengan sebab itu, saya mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan di samping ada undang-undang, undang-undang ini kita buat, kita selalu buat undang-undang siapa yang salah sekian-sekian hukuman, kita akan tangkap tetapi Kerajaan kita ini amat adil, dia tidak akan hukum seseorang melainkan selepas dua, tiga saluran, saluran pertama buat pertama kali orang itu ditangkap kemudian dihadap kepada mahkamah, bila didapati dengan alasan yang cukup yang dibawa oleh pendakwaraya barulah orang yang ditangkap tadi akan dapat dihukum. Kadang-kadang pula zaman sekarang ini saya tidak marah kepada peguam, dia pun belajar undang-undang juga, kadang-kadang yang bersalah itupun bila pandai orang bicara dia jadi tidak salah

balik. Itu sudah pergi kepada peguam, pergi mahkamah, kadang-kadang sebelum dibawa ke mahkamah tadi yang ditangkap pun tidak ditangkap, sudah ada kira lain. Jadi, saya harap sesudahnya undang-undang ini kita laksanakan dan diterbitkan dalam *Warta Kerajaan*, walau bagaimanapun ini kita hendak perkuatkan Tuan Yang di-Pertua, tetapi sebelum daripada kita hendak perkuatkan sudah ada muatan sekian had, telah termaktub kenderaan sekian had sudah termaktub tetapi masih berlaku lagi.

Saya berharap dua perkara. Satu, Rang Undang-undang ini saya sokong dengan sepenuhnya. Yang kedua, pelaksanaan dan teringkatkan itu mesti dijalankan. Saya mencadangkan pihak Penguatkuasa Jalanraya hendaklah selalu mengadakan rondaan-rondaan ataupun pemeriksaan-pemeriksaan mengejut yang saya contoh, bukanlah hendak puji, inipun dalam Kementerian Pengangkutan satu ketika semasa bekas Pengurus Besar Keretapi Tanah Melayu iaitu Encik Ishak Tadin, sebelum dia ambil tempat Pengurus dia menyamar seperti orang biasa tetapi oleh sebab orang sudah kenal tidak perlulah dia menyamar lagi. Dengan dia menyamar itu banyak kesalahan dia dapat tahu. Jadi, saya harap juga kepada pihak Penguatkuasa Jalanraya hendaklah diadakan selalu begitu dan kalau boleh tiap-tiap malam adakan seorang pegawai rounding bersama mata-mata, dia berjalan macam mana saya selalu balik daripada Kuala Lumpur ke Perlis dia ada juga sekali sekala. Ini selalu berlaku. Saya percaya penuh kalau dibuat seperti itu selalu dapat ditangkap dan dia takut hendak berjalan kerana dia tidak tahu di mana ada pegawai penguatkuasa. Pegawai Penguatkuasa boleh jadi ada di batu 3, boleh jadi ada di batu 4, boleh jadi ada di batu 5, silap jalan maka sekejap lagi aku kena tangkap. Maka hendaklah kita pesan betul-betul kepada pihak yang berkenaan hendaklan jaga amanah, bila dia pula tidak jaga amanah adakan satu yang lebih tinggi iaitu atas di atas, bawah di bawah. Ini saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, ada juga pihak RIMV ataupun Pengangkutan Jalan menghadkan jalanraya tetapi bagaimana.

Misalnya katalah kita hendak balik dari Kuala Lumpur ke Perlis ataupun Alor Setar

tentang liku jalan tadi tentulah dibuat besar, muat berat baru betul. Lori ini saya bukan marah, dia sepakat. Kita kata kalau lebih daripada had kena tangkap, misalnya lebih daripada 30 b.s.j. dalam pekan-pekan kena tangkap, didenda \$500, manusia ini dia berpakat, bila ditengok kawan itu kena tangkap itu perangai manusia, dia kerling ada kawan seorang tadi kena tangkap kenderaan, itupun kita berasa syukur kepada Tuhan, kumpulan kenderaan baikpun kenderaan motokar, kenderaan lori apatah lagi dia berpakat satu dengan lain RIMV atau Polis di luar jalanraya payah hendak tangkap. Bila seorang terkena, kawan kerling pula, diberi api signal, kawan yang lain tidak terkenallah. Kalau hendak tunggu di tengah jalan, baru hendak beri tahu Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh tangkap, sebab dia berpakat. Rondaan itu yang berkesan, tolonglah buat. Wakil Kangar merayu tolonglah buat sebab selain daripada jalan ini jahanam saya tidak marah kata jangan ambil lori, saya tidak marah lori jangan muat barang tetapi saya dukacita yang saya nampak sekali banyak orang yang tidak bersalah menjadi mangsa. Kenderaan yang kecil-kecil, motosikal, kenderaan yang lebih kecil sedikit daripada lori kadang-kadang bertembung hingga membawakan satu keluarga ialah ajal di tangan Tuhan tetapi satu-satu perkara itu bersebab, ini kerap kali berlaku dan kadang-kadang yang lebih malang orang yang tidak brsangkut dengan jalan di tepi bangsal kedai pun biasa melanggar. Jadi, saya berharap sangat-sangat kepada pihak Penguatkuasa Jalan ini mengawasi perkara-perkara yang saya katakan ini supaya diamati betul-betul, dengan perkara itu saya yakin dan percaya kenderaan kita ataupun jalan kita akan selamat dan sebagainya.

Sekali lagi saya tegaskan, Tuan Yang di-Pertua, tentang hukuman tadi. Saya juga ada kenderaan. Saya tahu kadang-kadang manusia ini bukan manusia, kucing pun dia hendak langgar. Saya biasa terlanggar kucing, saya sendiri menangis mengalir air mata tambahan lagi manusia. Itupun kita bersyukur kepada Tuhan kerana kebanyakan pemandu berjiwa demikian tetapi kita tidak nafi kebanyakan pemandu tidak bertanggung rasa, kebanyakan pemandu ada yang mabuk, kebanyakan pemandu setengahnya yang

besar cara besar, yang kecil cara kecil, yang setengahnya motosikal pun dia pusing dalam pekan dia tunjuk satu action baru, tangkap yang seperti ini selain daripada hingar bingar dalam satu pekan membawakan bahaya yang amat sangat. Ini undang-undang kena buat. Kita hendak kenderaan untuk keselamatan semua manusia tetapi kenderaan kadang-kadang dengan tidak ada aturan selalu berlaku kemalangan. Ini kena tegas, Tuan Yang di-Pertua, saya harap undang-undang ini mesti dijalankan. Saya takut juga kita sama-sama ada kenderaan, saya berani berkata kita yang ada dalam Dewan ini kesemuanya ada kenderaan. Semua kita memandu sendiri, kalau benda hendak berlaku juga itu pandang dan tilik kepada perbicaraan tetapi yang saya sedih tadi kadang-kadang yang betul-betul bersalah pun tidak dihukum, yang tidak bersalah kita tidak nafi itu sebab ada tempat perbicaraan hendak menentukan hukuman bersalah di satu tempat dan manusia ini pula walaupun kita tahu manusia ini kadang-kadang tidak boleh sabar asalkan keluarganya mendapat kemalangan kerana dilanggar oleh satu-satu kenderaan sepatutnya pihak pemandu tadi lari, itu biasa saya dengar di setengah-setengah tempat.

Ada setengah kumpulan tempat dia tidak peduli, asalkan keluarga dia dilanggar oleh satu-satu kenderaan larilah pemandu yang berkenaan dia akan ambil tindakan. Tetapi ada, kita pun barangkali kena juga, kalau dibuatnya kita takut mungkin yang begitu itu apa boleh buat, kita larilah, tetapi banyak tempat yang saya biasa dengar seorang pemandu melanggar seorang budak datanglah kumpulan membawa senjata untuk memukul pemandu yang berkenaan tadi tetapi bila dilihat oleh orang yang berkenaan dia tahu tentu budak ini melintas siapa pun tidak boleh hendak selamat, dia sendiri memihak kepada pemandu tadi hingga menahan walaupun anak kampungnya sendiri. Ini banyak juga berlaku, bukan semua kampung tidak bertimbang rasa, dia tahu tetapi kalau pemandu itu sendiri tidak bertanggungjawab tentu semua orang sedih tetapi kalau pemandu bertanggungjawab kadang-kadang kita minta dijauhkan Tuhan biasanya lori sendiri mendapat accident dia sendiri.

Saya tengok kalau tidak silap saya jalan dekat parlimen kita kelmarin pemandu dengan kelindannya, kelindan itu mati kemalangan dengan lorinya sendiri. Saya tengok dalam suratkhbar. Ini kita tidak nafi dan benda itu kita tidak salahkan, benda itu tidak dapat dielakkan tetapi yang kerap kalinya berlaku kepada orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Saya berharap dengan adanya Rang Undang-undang ini akan mengetatkan kemalangan jalanraya tidak akan berlaku begitu banyak.

Saya contohkan, kita sebagai manusia, kita akan mengambil contoh kita sebagai manusia, kita akan mengambil contoh dan tauladan daripada negeri lain dan tauladan ini daripada siapa sekalipun kalau benda itu baik kita ambil. Misalnya, Thailand, saya tak mahu kata Thailand baik atau tak baik, kita ambil contoh di Thailand orang takut hendak melanggar dengan orang, mereka cukup jaga. Kalau melanggar di Thailand, bahaya orang melanggar cukup dahsyat; dia tidak beri pakai motokar, dengan sebab itu sediakala orang berjaga-jaga. Di negeri kita, tindih orang, langgar orang, orang itu mati lain kira. Ini selalu berlaku. Ini kita jaga, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap kepada Menteri dan Timbalan Menteri orang yang muda dan penuh bertimbang rasa itu, kasihanlah kepada manusia yang tak bersalah yang selalu menjadi mangsa kerana kenderaan-kenderaan yang lebih besar dan sebagainya. Buatlah hukuman-hukuman sebagaimana saya kata tadi, adakan pemeriksaan-pemeriksaan selalu, baikpun di jalanraya yang besar termasuk juga di jalan-jalan kecil kerana keselamatan jalanraya ini bukan sahaja setakat hendak jahanam jalan. Saya berharap pihak penguatkuasa memerhati segenap tempat, setengah tempat itu kita tak ambil tahu langsung.

Saya bukanlah hendak suruh ambil tindakan, sebagai Wakil Rakyat, tangkap orang kampung itu saya paling tak suka, tetapi saya lebih tak suka lagi kalau kenderaan itu melanggar orang tak berdosa dengan dia tak ada kelulusan, dia tak ada lesen dan kebolehan dan sebagainya termasuk jalan-jalan kita tengok ada setengah jalan kecil digunakan membawa benda-benda yang salah, membawa bahaya pada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya kalau hendak bercakap dalam Dewan ini saya sendiri tak sedap, ada setengah kenderaan yang membawa benda yang tak baik, tak diambil satu tindakan langsung. Kalau kira hendak ditangkap, sayapun tak tahu bagaimana keadaan itu masih berlaku. Kadang-kadang saya tak begitu sedih sangat tentang segi dia hendak ambil untung banyak, sama-sama manusia saya ingin ambil untung, dia pun boleh, saya tak larang tetapi yang saya sedih dan yang saya selalu menekankan kepada manusia-manusia yang tak berdosa, manusia yang tak berdosa, manusia yang tak patut menjadi mangsa kerana kecuai orang-orang yang hendak dapat untung banyak, yang memandu terlampau cepat dengan tidak berfikir akibat di sebaliknya.

Saya berpendapat hendaklah pihak Kementerian berkenaan dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini selalulah jalan itu diperiksa dari segi kenderaan untuk memastikan jangan melanggar daripada peraturan yang telah ditetapkan dari segi kelajuan dan juga dari segi muatan. Saya harap juga, kalau kadar muatan sahaja tak lebih, lajunya tidak lebih, tetapi jalan yang berlopak-lopak dan sebagainya sebagaimana yang saya katakan tadi hendak dituaskan sedikit, jalan yang tepi itu tak kuat foundationnya walaupun dibuat jalan yang luas boleh jadi masa berselisih itu kita tengok di tepi jalan kadang-kadang lori yang baik bila dia tengok hendak berselisih kerana kita hendak menjaga keselamatan orang lain walaupun dia besar, saya biasa tengok selalu terbalik di tepi jalan. Salah satu sebab kerana tepi jalan yang telah diluaskan foundationnya tak kuat, tak kukuh bila tayar lori lalu terbenam maka terbaliklah lori yang berkenaan. Walaupun kerja ini dijalankan oleh Kementerian Kerjaraya Kemudahan-kemudahan Awam tetapi kerana ada kaitan dari segi ini saya berharap sangat kuasa ini ada kepada dua Kementerian, saya tak suruh satu tetapi saya berharap sangat walaupun Kementerian kita di antara satu dengan lain patut bekerjasama tetapi ada Kementerian yang cara tak langsung mesti bekerjasama dan mesti selalu ada perundingan.

Hari ini Bahagian Perlesenan setakat yang saya tahu walaupun ada Lembaga Pelesenan Penguatkuasa Jalanraya ada bersama dalam

Lembaga itu. Jadi saya berharap kepada pihak penguatkuasa jalanraya pula walaupun tugasnya untuk menjaga jalanraya supaya selamat, jangan berlaku segala kemalangan dan sebagainya tetapi kalau dilarang jangan lari deras sahaja, jangan muat banyak sahaja, tetapi kalau tepi jalan tak elok macam saya kata tadi foundation tak kuat berhenti di tepi pun terbenam juga. Jadi kerjasama kedua-dua Kementerian ini amatlah perlu dirapatkan dan selalu membuat perundingan kalau benda itu perlu mendapat kerjasama daripada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan dua tiga perkara bersangkutan.

Saya percaya masalah jalanraya itu ada dua tiga Kementerian bersangkutan iaitu Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan satu lagi Kementerian Perusahaan Awam yang bersangkutan dengan lesen dan sebagainya. Jadi, saya berharap dua tiga Kementerian ini hendaklah bekerjasama dan hendaklah diadakan perundingan selalu kerana satu dengan lain ada kaitan menjaga keselamatan jalanraya. Kementerian Pengangkutan bertanggungjawab RIMV. Pegawai yang hendak benarkan lesen ialah daripada Kementerian Perusahaan Awam dan yang buat jalan ialah Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Jadi tiga Menteri itu bersangkut-paut dengan perkara yang saya katakan tadi. Jadi, saya harap ianya mendapatkan kerjasama. Kalau kurang dari segi ini patutlah Kementerian ini uruskan, kalau dari segi itu patutlah yang lain uruskan.

Misalnya, kita kata menghadkan tak boleh laju dan menghadkan tak boleh muat lebih kerja Kementerian Pengangkutan mengelokkan jalan tugas Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan orang yang tak bertanggungjawab dalam fasal bab ini jangan diberi kemudahan.

Saya percaya dan saya berharap dengan syor-syor yang saya kemukakan dan dengan Rang Undang-undang yang telah dikemukakan, saya berharap dan berdoa dengan terlaksananya Rang Undang-undang ini segala jalan-jalan baru yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan akan dapat dilaksanakan dengan cepat dan kemalangan-kemalangan jalanraya akan dapat

dikurangkan supaya kebimbangan kepada pengguna jalanraya akan hilang. Dengan sebab itu dapat kita jalan dengan selamat. Inilah harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang ini ataupun pindaan yang telah dikemukakan oleh pihak Kementerian berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Matang.

5.28 ptg.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali (Matang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Lalulintas Jalan (Pindaan) 1981, yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan.

Tadi Timbalan Menteri telah menerangkan betapa undang-undang ini perlu dipinda yang ada kaitan dengan lalulintas di jalanraya di seluruh Malaysia yang melibatkan Jabatan Kerjaraya, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Polis. Di dalam Rang Undang-undang ini disebutkan tadi memberi kuasa kepada tiga agensi ini untuk menjalankan tugas lalulintas dengan lebih tegas lagi di seluruh Malaysia ini.

Di dalam perkara ini, saya ingin menyebut beberapa perkara yang ada kaitan dengan ketiga-tiga agensi Kerajaan ini yang menjalankan tugas lalulintas di dalam negara kita. Pada masa ini jalanraya di dalam negara kita ini terkenal kepada dua jenis jalanraya, satu ialah Jalanraya Persekutuan yang mana jalanraya ini ditadbir, dibaiki, menambak dan sebagainya oleh Kerajaan Persekutuan dan satu lagi ialah Jalanraya Negeri, bagi membaiki dan sebagainya dikelolakan oleh Negeri masing-masing. Dengan adanya di dalam negara kita ini jalanraya yang tidak begitu panjang sangat tiba-tiba jalanraya ini terbahagi kepada dua pula. Satu Jalanraya Persekutuan dan satu lagi Jalanraya Negeri.

Pada pandangan saya, sepatutnya Kerajaan mesti mengkaji semula kedudukan yang disebut jalanraya Persekutuan, jalanraya Negeri ini kenapa? Pada awalnya dahulu, jalan ini terbahagi kerana hendak memperbaiki, mengelokkan dan sebagainya. Dan pada masa itu kenderaan-kenderaan

yang besar, yang bagus-bagus ini kerana berjalan jauh mengikut jalanraya Persekutuan, kereta-kereta yang kecil yang berjalan dekat-dekat melalui jalanraya Negeri. Tetapi pada masa ini berlainan kerana kenderaan yang ada di dalam negara ini telah meningkat kalau tidak silap saya dua juta. Maka biasanya kenderaan-kenderaan ini menggunakan bukan sahaja jalanraya Persekutuan bahkan jalanraya Negeri itu sendiri telah menjadi terlalu sebok pada masa sekarang. Oleh kerana keadaan begitu masih lagi terbahagi dua, jalanraya Persekutuan, jalanraya Negeri.

Apabila kita dapat memaklumkan dua jenis jalanraya ini terbayanglah kepada kita jalanraya Persekutuan lebih elok daripada jalanraya Negeri, kerana jalanraya Persekutuan dari segi kewangannya dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, jalanraya Negeri peruntukannya daripada Kerajaan Negeri.

Maka oleh sebab itu, pada pandangan saya, sudah sampai masanyalah Kerajaan mengkaji yang saya sebutkan tadi supaya keseluruhan jalanraya di dalam Malaysia ini hendaklah disatukan dan pada masa itu tidak payah lagi disebut jalanraya Persekutuan atau jalanraya Negeri, sebut jalanraya sudah maklum ia meliputi keseluruhannya dan dengan cara-cara yang seperti ini saya percaya rakyat tidak akan nampak perbezaan bagi melihat, bagi mengguna oleh mereka pada tiap-tiap hari kedua-dua jenis jalanraya yang saya maksudkan tadi.

Di dalam hal yang seperti ini kita dapat melihat jalanraya ini pada sepanjang masa dibaiki, dibesar, dielakkan memberi kemudahan kepada lalulintas kenderaan-kenderaan yang sudah begitu banyak di dalam negara kita. Jadi oleh sebab itu saya mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kerjaraya yang telah bersusah payah menjalankan tugas-tugas mereka di atas rancangan yang telah disusun oleh Kerajaan bagi menyediakan jalan-jalan dengan begitu elok di samping di atas pandangan agensi-agensi lain bagi kebaikan seperti ini. Cuma di dalam hal yang seperti ini saya dapati pada masa dibaiki jalanraya-jalanraya ini masalah lalulintas timbul lagi, sungguhpun saya sebutkan tadi kerana ada jalanraya memberi kemudahan lalulintas,

tetapi pada masa pelaksanaan untuk dibaiki biasanya kenderaan menghadapi beberapa masalah yang selalu biasanya disebut traffic-jams.

Di antara Kuala Lumpur ke Ipoh jalanraya ini baru-baru ini telah dibaiki beberapa bahagian untuk memberi kemudahan. Di kawasan yang sedang dibaiki ini ada pada satu masa sudah menjadi masalah kepada kenderaan kerana kenderaan terpaksa berjalan di sebelah jalanraya sahaja kerana pada masa itu jalan itu sedang dibaiki dengan begitu panjang sekali. Yang menjadi masalahnya tidak ada tanda-tanda pihak yang membuat jalanraya ini mengawal dengan mengguna lampu isyarat, dengan bendera atau lain-lain isyarat supaya kenderaan yang datang daripada kedua-dua hala ini dapat berjalan dengan baik pada satu hala selepas itu satu hala yang lain pula dapat berjalan mengikut jalan yang ada satu hala sahaja.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Saya suka mengesyorkan supaya pihak Kerajaan apabila sahaja membaiki cara-cara yang seperti ini timbul masalah lalulintas seperti ini Kerajaan hendaklah disediakan memberi kemudahan kepada kenderaan untuk kenderaan melalui jalan-jalan ini dengan cara pihak yang berkenaan yang membaiki jalan ini mengadakan lampu isyarat ataupun mengadakan bendera merah yang dijaga oleh sesiapa di situ ataupun dengan tanda-tanda lain yang boleh memberi kemudahan kepada lalulintas atau kenderaan yang lalulintas di jalan-jalan yang seperti ini. Sungguhpun ini ada kaitan dengan Jabatan Kerjaraya tetapi saya percaya pihak Kementerian ini pun mempunyai peluang untuk bersama-sama supaya dapat mengawasi keadaan jalan-jalan yang seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada jalan yang saya maksudkan timbul beberapa masalah lagi berkenaan dengan jambatan. Di jalan Persekutuan pun masih terdapat jambatan-jambatan kayu, jambatan-jambatan yang tidak tetap. Jambatan ini kadang-kadang sudah tidak begitu elok lagi ataupun kadang-kadang kerana kenderaan laju dan sebagainya menyebabkan menjadi

kemalangan dan ada juga jambatan di antara Kuala Lumpur ke Ipoh kita akan berjumpa jambatan yang dinding kiri kanannya sudahpun runtuh kerana dilanggar oleh kenderaan dan berbagai-bagai lagi. Inipun satu masalah juga kepada kenderaan bagi lalulintas kerana jalan-jalan ini bila dibesarkan jambatan-jambatan sebahagian daripadanya masih kecil dan masih kurang elok untuk digunakan oleh kenderaan seterusnya.

Jadi oleh sebab itu pada masa usaha-usaha dijalankan bagi mengatasi masalah lalulintas ini tanda-tanda perlu dibuat bagi mengingatkan lalulintas apabila mereka melalui jalan-jalan yang berkenaan mereka akan menempoh jambatan-jambatan yang tidak elok, jambatan-jambatan yang kecil, jambatan-jambatan yang mudah mendapat bahaya kepada kenderaan-kenderaan yang lalu di kawasan itu. Tanda-tanda seperti ini biasanya ada, tetapi pada pandangan saya tidak mencukupi kerana kadang-kadang apabila sahaja sampai di tepi jambatan itu barulah ada tanda yang berkenaan, sepatutnya daripada jauh lagi ada satu dua tanda sebelum sampai di jambatan yang berkenaan.

Selain daripada jambatan yang saya sebut ini, saya ingin menyentuh berkenaan dengan masalah sekolah. Biasanya sekolah-sekolah di dalam negara kita ini ada di tepi-tepi jalanraya dan apabila sahaja murid-murid ini keluar daripada sekolah mereka akan melintas di jalanraya ini kerana kawasan rumah mereka di sebelah sana dan biasanya oleh kerana jalanraya ini jalanraya Persekutuan, jalan yang lalulintasnya begitu hebat sekali maka sudah jadi satu masalah kepada pihak sekolah untuk mengawal kawasan-kawasan yang seperti ini padahal di kawasan-kawasan seperti ini sudah ada tanda-tanda alamat sekolah di tepi jalanraya yang berhampiran dengan sekolah yang berkenaan. Sungguhpun ada tanda-tanda yang seperti ini seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kangar tadi memang terjadi kenderaan-kenderaan tidak begitu minat sangat untuk mengikutkan tanda-tanda yang ditanda di tepi jalanraya, bahkan mereka akan berjalan dengan begitu laju sekali di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Biasanya tanda-tanda yang seperti ini telah dikemukakan oleh pihak sekolah supaya di atas jalanraya ini diadakan tanda "zebra" sepertimana di dalam bandar ataupun dengan tanda-tanda lain yang begitu mudah murid-murid ini lalulintas di hadapan sekolah mereka. Jawapannya yang diberi jalan-jalan yang seperti ini tidak boleh di atas undang-undang kononnya yang ada. Dengan kerana itu sehingga sekarang ini sebarang permohonan untuk dibuat tanda di hadapan sekolah dengan "zebra line" yang dimaksudkan tadi di sekolah-sekolah yang terletak bukan di dalam bandar tidak beri oleh pihak JKR atau pihak mana-mana yang menentukan kawasan itu tidak boleh dan menyebabkan kawasan-kawasan yang seperti ini dianggap oleh ibubapa bahaya kepada anak-anak mereka.

Oleh sebab itu saya suka mengesyorkan kepada pihak Kerajaan supaya di mana-mana sekolah di seluruh negara ini yang ada jalanraya hendaklah diadakan tanda seperti 'zebra line' misalnya supaya memberi kemudahan lalulintas kepada murid-murid di hadapan sekolah mereka. Kerana pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, murid-murid di sekolah ini bukan lagi seperti satu masa dahulu yang ada tidak sampai 100 orang. Di kawasan saya sendiri biasanya murid-murid sekolah tidak kurang daripada 300 orang. Oleh sebab itu tentulah jalanraya yang ada di kawasan ini menjadi satu masalah kepada ibubapa bila melihat anak-anak mereka yang tidak terjamin apabila melintas di hadapan sekolah mereka sendiri.

Selain daripada ini, saya suka juga mengambil kesempatan barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ada jalan Persekutuan di antara Taiping ke Port Weld. Jalanraya ini Yang Berhormat Timbalan Menteri dahulu meluluskan untuk dibaiki dan jalanraya ini telah dibaiki dengan harga lebih kurang \$1/2 juta yang menuju ke pelabuhan yang terkenal pada satu masa dahulu. Tetapi yang menjadi masalah pada masa ini dari segi kawalan lalulintas, lori membawa barang-barang berat oleh kerana di Port Weld ini hasil yang terbesar sekali pada masa ini ialah kerang dan kerang ini dibawa pada tiap-tiap hari 5 lori untuk dibawa ke Singapura, ke Kuala Lumpur dan ke negeri Thailand.

Biasanya kerang ini cukup berat seperti batu dan jalanraya yang saya maksudkan tadi tidak membenarkan lori-lori berat lalu di kawasan ini, cuma dibenarkan kalau bawa kerang pun bawalah sepertimana berat yang telah ditetapkan oleh undang-undang lalulintas di jalanraya yang berkenaan. Tetapi sehingga sekarang jalanraya ini masih bebas dilalui oleh kenderaan-kenderaan besar yang membawa kerang untuk dibawa keluar dan tidak ada tanda-tanda mana-mana pihak pun melarang supaya ia mesti membawa dengan lori-lori kecil atau membawa barang tidak seberat sepertimana yang sekarang ini dan akhirnya jalanraya yang baru dibuat lebih kurang 3 tahun ini sudahpun rosak. Apabila jalanraya ini rosak sudah jadi satu masalah kenderaan lain pula untuk lalu lalang di kawasan ini dan Kerajaan pula akan membaiki jalan ini pada anggaran baru, kalau tidak silap saya hampir \$1/2 juta pula untuk membaiki jalan seperti ini.

Oleh sebab itu saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya Kerajaan mengambil pandangan berat segala rayuan ini. Kalau tidak akibatnya jalanraya itu terpaksa dibaiki dalam masa yang pendek dan kerosakannya dengan begitu mudah sekali terjadi kerana kawasan ini kawasan di tepi laut dan kenderaan yang lalu di kawasan ini pula menganggap dengan bebas. Akibatnya jadilah satu masalah kepada kenderaan-kenderaan lain pula yang biasanya lalulalang di kawasan yang berkenaan.

Selain daripada ini, saya ingin juga menyebut berkenaan dengan lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur. Di dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini sungguhpun tiap-tiap pemandu telah mengetahui tanda-tanda jalanraya tetapi kalau tidak silap saya ada setengah-setengah tempat di dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini ada tanda-tanda di jalan itu yang tidak boleh dilalui selain daripada bas ataupun teksi; hanya dibenarkan lalu pada waktu-waktu itu bas dengan teksi sahaja, kenderaan-kenderaan biasa tidak boleh lalu. Tetapi bagi pemandu-pemandu oleh kerana Kuala Lumpur ini ibukota dan biasanya pemandu-pemandu daripada luar pada sepanjang masa ke Kuala Lumpur ini kerana urusan mereka, di tempat-tempat mereka tanda-tanda seperti ini tidak

ada. Misalnya, saya contohkan di Taiping tanda macam ini tidak ada, di Ipoh tanda macam ini tidak ada; setahu saya di Kuala Lumpur sahaja yang ada.

Pada satu masa saya melihat satu kenderaan yang tidak dapat melihat tanda ini dengan betul lalu ikut teksi menyebabkan kenderaan ini ditangkap oleh pihak yang berkenaan. Bila saya lihat nombor keretanya datang daripada Johor. Jadi saya percaya kemungkinan pemandunya tidak faham cara di Kuala Lumpur seperti ini. Oleh sebab itu keadaan yang seperti ini berlainan sekali dengan bandar-bandar yang ada di dalam Persekutuan, di dalam Malaysia ini. Saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan kejadian-kejadian seperti ini jika dilakukan oleh pemandu-pemandu luar daripada bandaraya hendaklah mereka dimaafkan dan dilepaskan, cuma barangkali perlu kepada mereka memberitahu perkara yang seperti ini ada di dalam Bandaraya Kuala Lumpur dan dengan cara ini tidaklah teraniaya sangat kepada pemandu-pemandu yang masuk ke Kuala Lumpur ini yang saya percaya sesiapa pun yang jarang-jarang datang tentulah jadi satu masalah apabila mereka berjalan di dalam Bandaraya ini.

Selain daripada ini, saya ingin menyebut berkenaan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Pada masa ini saya dapati pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan ini nampaknya sudah menjalankan tugas mereka dengan bersungguh-sungguh. Di sepanjang jalan kalau kita berjalan daripada utara ke selatan, kita dapat melihat pegawai-pegawai ini menjalankan tugas mereka. Mereka memeriksa sebarang kenderaan jika mereka menganggap kenderaan-kenderaan ini merbahaya dan melanggar peraturan lalulintas dan mereka sanggup berada di tengah-tengah tempat panas kerana menjalankan tugas-tugas mereka yang baik. Cuma barangkali di Johor Bahru yang baru-baru ini terjadi dengan keadaan begitu rupa dan menyebabkan ada sebahagian daripada mereka mengambil kesempatan menuduh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan ini tidak menjalankan tugas dengan baik tetapi di tempat-tempat lain saya tengok pihak pegawai-pegawai ini telah menjalankan tugas dengan begitu baik.

Apa yang saya hendak sebut berkenaan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan pada akhir-akhir ini biasanya mereka menahan bas-bas persiaran. Bas-bas persiaran ini daripada utara ke selatan, selatan ke utara; mereka ini sebahagian daripadanya pada pandangan saya tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Sepatutnya bas-bas persiaran ini membawa penumpang daripada satu tempat ke satu tempat mesti ada senarai nama dan mereka tidak boleh menjadikan bas persiaran mereka seperti bas ekspres ataupun seperti bas-bas State yang mengangkut di jalan-jalan yang dekat. Tetapi mereka telah menjadikan bas persiaran ini seperti bas-bas ekspres ataupun bas-bas yang berjalan dekat dan mereka membawa penumpang, mengambil penumpang di agen-agen mereka pada sepanjang jalan untuk membawa mereka. Pada anggapan saya, peraturan yang seperti ini kalau mengikut peraturan bas persiaran tidak boleh kerana tidak ada peraturan-peraturan tertentu yang telah dibuat, yang telah diikuti oleh bas-bas persiaran. Kadang-kadang bas itu ada yang datang daripada Singapura, kadang-kadang daripada Thailand, dan ada sebahagiannya di dalam negara kita sendiri. Oleh sebab itu, daripada apa yang saya lihat, saya suka mengesyorkan kepada pihak Kerajaan supaya dapat mengawal bas-bas persiaran ini untuk mengangkut penumpang-penumpang daripada satu tempat ke satu tempat dengan mendapat selisa dan mengikut peraturan yang sebenarnya, tidak sepertimana yang ada sekarang. Kerana yang ada sekarang ini misalnya di Pudu Raya, Kuala Lumpur ini, mereka menjadikan bas persiaran mereka seperti bas-bas lain juga. Mereka membawa penumpang, mereka mencari penumpang seperti bas-bas lain dan mereka membawa penumpang ini daripada satu tempat ke satu tempat untuk perjalanan yang telah ditetapkan oleh mereka. Kadang-kadang menyebabkan perjalanan ini yang sepatutnya bas-bas lain boleh berjalan dalam 5-6 jam tetapi oleh kerana cara mereka yang seperti ini, mereka terpaksa berjalan kadang-kadang 7-8 jam baru sampai ke tempat yang berkenaan dan kadang-kadang pula . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ini telah melarat kepada bas pelancang pula.

Rang Undang-undang ini adalah pindaan kepada perkataan "road" (jalan) dengan ditambah dengan takrif lain. Walaupun itu berkenaan dengan jalan tetapi telah melarat-larat kepada bas. Ini telah jauh sangat melarat-larat.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Undang-undang Jalanraya ini ada melibatkan masalah undang-undang seperti mana yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi, ianya memberi kuasa kepada 3 agensi supaya dapat mengawal dan melindungi agensi-agensi ini bagi menjalankan tugas-tugas mereka sepertimana yang telah diucap oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Atas alasan-alasan seperti ini maka saya mengambil kesempatan menyebutkan bagaimana Undang-undang Jalanraya ini yang tidak dapat diikuti oleh sebahagian daripada kenderaan-kenderaan yang menyebabkan Jabatan Pengangkutan Jalan terpaksa bekerja keras untuk mengelakkan daripada keadaan-keadaan merbahaya dan sebagainya.

Selain daripada ini, Jabatan Pengangkutan Jalan terpaksa menjaga lori lalu lalang, mengelak daripada berlaku kemalangan di tempat-tempat yang sepatutnya berjalan tidak laju tetapi berjalan laju dan begitu juga bas yang terpaksa membawa penumpang begitu ramai, kalau terjadi bahaya pula melibatkan nyawa kepada penumpang-penumpang yang berkenaan. Oleh sebab itu saya mengesyor Kerajaan, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan mesti mengambil tindakan tegas kepada bas-bas persiaran membawa penumpang dengan tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

Selain daripada ini, sepertimana yang disebut oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi juga bagi menentukan jadual pembinaan jalan Persekutuan dengan sebaik-baiknya yang telah ditetapkan dari masa ke semasa. Oleh kerana kenderaan kita ini telah meningkat sehingga dua juta maka pembinaan jalan ini sudah menjadi satu perkara yang mustahak sehingga pada masa ini rancangan Kerajaan untuk menjadikan jalan daripada utara ke selatan, timur ke barat maka perlulah daripada usaha-usaha

yang telah dibuat oleh Kerajaan ini dapat diusahakan dengan lebih besar lagi bagi menjamin jalanraya-jalanraya ini dapat dibesar; dapat dielakkan bagi memudahkan kenderaan-kenderaan Lalulintas di dalam negara ini dengan sebaik-baiknya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.

5.54 ptg.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Rang Undang-undang Akta Lalulintas Jalan (Pindaan) 1981 yang ada di hadapan saya ini yang telah diterangkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam yang mana pelancaran pembinaan jalanraya-jalanraya di seluruh negara begitu pesat. Tetapi malangnya dalam kepesatan itu terdapat beberapa kelemahan yang saya dapati dan dirasai oleh rakyat di negara kita ini jalanraya-jalanraya yang begitu indah yang didirikan yang dibina pada zaman penjajah lagi begitu cantik, jalan begitu keras, licin, kemudian ada bahu jalannya dengan rumput-rumpai ditebas oleh pekerja buruh-buruh JKR pada masa itu. Oleh kerana hendak elok sangat setengah daripadanya beberapa tahun dahulu kita lihat lalang, kalau budak lalu hendak menyeberang tidak nampak budak yang berdiri di sebelah kiri kerana hendak menyeberang ke sebelah kanan, berlaku kemalangan. Ini kerana hendak cantik sangat. Kemudian dipinda dibuang segala rumput-rumpai itu digantikan dengan tanah bahu jalan tadi. Digantikan tanah, digantikan pasir, waktu hujan tidak kira, waktu panas tidak kira. Bila hujan lembik, bila kereta hendak memotong maka tergoleslah kereta, lorikah, kereta kecilkah, kereta besarkah lebih-lebih lagi motosikal, berdentum-dentam. Kalau tidak percaya cubalah kita lihat yang didaftarkan di Balai Polis berapa banyak kenderaan-kenderaan yang tergoles di merata-rata longkang itu disebabkan oleh bahu-bahu jalan yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, lori-lori juga berhenti kerana ada kepentingan; drebarnya hendak makan, kelendannya hendak makan, kemudian ada tempat-tempat air mereka hendak mandi, di situlah diletakkan lori-lori mereka. Di tempat ini kita dapati lopak-lopak hampir macam sawah ataupun tempat kerbau berkubang. Jadi baunya sudah macam limbah, busuk. Bila siapa sahaja satu kereta berselisih waktu lori sudah tidak ada mereka berselisih di situ, kereta itu kotor, kereta orangpun kotor. Kalau ada pak Haji pak Lebai, balik-balik sudah tidak boleh sembahyang lagi, kotor dengan bau busuk! Inilah diharapkan diambil perhatian yang sungguh-sungguh daripada Kementerian yang berkenaan.

Zaman dahulu ada dengan pekerja buruh yang begitu bersih. Sekarang pun ada juga, bahu-bahu jalan yang begitu cantik. Tetapi di antara daerah, kawasan daerah ini di bawah jagaan JKR sebelah sini oleh daerah ini, begitu juga di sebelah sana, berbeza-beza. Satu daerah rumputnya sudah tinggi, satu daerah rumputnya cantik. Inilah perbezaan yang berlaku.

Kalau kita kajikan jalan-jalan ini daripada zaman dahulu saya rasa sangat baik yang dibuat oleh penjajah. Saya bukan hendak memuji penjajah tetapi ada benda-bendanya kita puji, ada perkara-perkaranya; misalnya bahu jalan dijaga baik kemudian perparitan juga dibuat baik. Bukan sahaja demi kepentingan jalan itu tidak tenggelam ataupun banjir tetapi menjaga kepentingan penduduk-penduduk kampung di sekitar tebing-tebing jalan itu. Tetapi sekarang bila tanya tuan jurutera; mengapa parit di kampung ini tidak dijaga? "Oh! kami jaga jalan sahaja! Kalau begitu parit bukan fasal kami". Sudah lain pula tujuannya tetapi Kerajaan hanya satu. Inilah sebagaimana sahabat-sahabat saya tadi Ahli-ahli Yang Berhormat menyatakan kordinasi di antara Kementerian-kementerian itu perlu. Kementerian Tanahnya, Kerajaan Negerinya, Kementerian Perusahaan Awamnya sebagaimana yang dinyatakan tadi, Jabatan Pengangkutan Jalanya. Jabatan Pengangkutan Jalan mesti dikordinasikan dengan sungguh-sungguh, dengan serius bahawa sekiranya ada keberatan berlaku di atas jalanraya yang

dibina oleh pihak Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam ini maka beritahu dia, denda dia kuat-kuat, tangkap dia, timbang kereta; itu kerja pihak Polis pula. Ini satu kereta tidak padan dengan beratnya, kalau kita lihat pula lori-lori balak, balak itu sudah terjulur ke luar, orang semua lari ke tepi sahaja, lori balak itu buat sadin, dia lalu di jalanraya itu seolah-olah jalan bapak dia! Kalau mahu dia perlahan tidak apa juga, sama laju dengan MG yang diburunya. Perkara inilah yang patut kita laksanakan di atas negara yang sedang membangun ini supaya semua perkara-perkara dikaji.

Saya juga termasuk hati kepada Yang Berhormat dari Matang tadi. Apabila pihak Kementerian ini hendak membina jalan, jalan sedang dibuat di sana lobang ada, lopak ada, tar belum siap lagi ada berdegum-degam di sana, ada tinggi ada rendah. Yang dibuat tanda betul-betul depan jalan sahaja. Orang bawa motakar bukannya dengan kelajuan 20 batu sejam, dia laju selaju-lajunya. Bila lihat, "Ah!" katanya, sempit—doom ke dalam. Inilah satu kelemahan pihak Kementerian ini. Kalau kita tengok di luar negeri itu seolah-olah macam ada benda, entah apa-apa benda, lubang besar ini sahaja tetapi lampu "cup-cap, cup-cap" tanda kemalangan, beringat-ingat, siapa lalu jalan sana ada satu lubang. Di Malaysia ini lubangnya besar, tandanya kecil sahaja—"Awas" katanya. Macam mana hendak mengawas, motokar sudah laju, orang sakit di belakang—"nyung-nyung-nyung"—"doom", satu ambulan dengan drebarnya, dengan nursenya, dengan atendannya lingkup semua, orang yang sakit ini terus mati. Inilah sebabnya kelemahan Kementerian yang saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu jalan contohnya, ada dekat "Taman Wahyu", jalan hendak pergi ke Ipoh, lubangnya bukan main besar, satu tanda pun tak ada, sekarang tak dibaiki. Harap Timbalan Menteri esok pagi pergi tengok, suruh orang dialah, bukan Timbalan Menteri pergi—tengok, bila orang lepas, mengelak begitu. Kalau yang tak berhati betul-betul keretanya "berdegum", naik balik. Inilah katanya, saya sudah bayar insurans, sudah bayar road tax, inilah

jadinya. Jadi tiap-tiap orang menyumpah Kementerian ini, asal lalu "berdegum" keretanya, dia pun makilah tetapi Timbalan Menterinya tak dengar. Saya sendiri kadang-kadang, apa ini—"doom", tak dapat dibrek lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang sudah dengarlah!

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Sekarang sudah dengar, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Bila sudah dengar ini, insya Allah jalan itu akan dibaiki lagi.

Jadi saya tidaklah hendak bercakap panjang kerana ada beberapa orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat sahabat saya, saya minta ampun dan maaf dan menyokong Rang Undang-undang ini supaya dilaksanakan agar negara kita yang membangun ini mendapat kejayaan dan diperhatikan oleh orang-orang luar negeri mengatakan bahawa jalan di Malaysia ini "first class".

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Pantii.

6.03 ptg.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil sedikit peluang untuk menyokong Akta untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baru sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya pindaan ini telah lama dibuat kerana selalu kita ini sebagaimana kata bidalan Melayu: sudah terhantuk baru menengadiah, dan sudah selalu sangat berlaku perkara-perkara yang tidak diingini baru kita buat pindaan, baru kita bawa dalam Dewan dan baru kita hendak luluskan. Tetapi, walau bagaimanapun, masa belum terlambat kerana sekarang Kerajaan telah membuat begitu banyak jalan, terutama sekali jalanraya-jalanraya yang berselerak di seluruh negara ini, dari Utara ke Selatan, daripada Timur ke Barat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari benar apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memang banyak jalan-jalan baru yang sedang dibina, baru di dalam pembinaan tetapi telah

diceroboh oleh lori/kenderaan yang berat-berat. Kita tidak dapat hendak menyalahkan rakyat, terutama sekali jalan-jalan baru yang menghubungkan di antara satu kampung dengan bandar tetapi oleh kerana pembinaan jalan ini bukannya memakan masa yang singkat, kalau sebatu, dua batu barangkali dua-tiga bulan siap tetapi ada kalanya jalanraya ini, umpamanya, dalam kawasan saya terdapat 60 batu jalanraya yang baru dibuat yang telah dibina daripada tahun 1974 kalau tak silap saya, sampai hari ini belum siap lagi sepanjang 60 batu. Jadi rakyat takkan menunggu jalan ini sudah siap baru boleh digunakan sebab itu sahaja jalan darat yang mereka boleh lalui, mahu tak mahu mereka terpaksa melalui jalan ini. Dengan sebab jalan ini masih di bawah pemborong, belum diserahkan kepada pihak JKR, maka pihak JKR tidak dapat bertindak terhadap lori yang menceroboh jalan ini. Apabila pihak JKR minta kerjasama pihak Polis supaya menahan lori-lori yang menceroboh ini maka mereka akan rujuk kepada undang-undang, maka pihak Polis sendiri tidak dapat berbuat apa-apa sebab jalan ini belum digezetkan. Jadi dengan adanya pindaan ini termasuklah jalan-jalan yang baru dibina dan termasuklah bahu jalan itu sendiri. Maka saya harap pelaksanaan Ordinan ini akan dapat menyelamatkan jalanraya itu.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga apabila sesebuah jalanraya dibuka di dalam keadaan yang belum siap, oleh kerana pembangunan yang begitu pesat boleh dikatakan seluruh daerah, maka banyaklah orang-orang yang berkepentingan hendak menggunakan jalan itu, terutama sekali estet-estet, ladang-ladang yang akan mengangkut getahnya, yang akan mengangkut buah kelapa sawitnya dan mengangkut minyak kelapa sawitnya daripada kilang yang jauh di pedalaman yang akan dihantar ke bandar-bandar besar melalui jalan tadi, tetapi rakyat sendiri belum dapat menikmati jalan ini dengan sempurna sedangkan jalan ini sudah mula rosak sebagaimana yang dikatakan oleh rakan-rakan saya tadi sudah mulai berlubang di sana sini.

Saya sendiri sukalah mencadangkan kepada jalan-jalan yang baru yang seumpama ini supaya mereka yang berkepentingan

menggunakan jalan ini dengan muatan-muatannya yang lebih, pihak Kementerian hendaklah mensyaratkan supaya syarikat-syarikat ini mengadakan wang pertaruhan. Sebelum jalan ini siap mereka terpaksa menggunakan jalan ini, maka pihak Kerajaan melalui Kementerian mengadakan wang pertaruhan kepada syarikat ini, saya mencadangkan \$6,000 setahun, sekurang-kurangnya daripada wang pertaruhan ini dapatlah digunakan untuk membaiki jalan-jalan yang berlubang. Begitu juga saya harap kepada jalan yang sudah siap, tetapi pihak JKR selalunya menandakan pada awal jalan dan hujung jalan berapa tan atau muatan yang boleh dilalui. Selalu kedapatan dan perkara ini selalu dibawa dalam Mesyuarat Tindakan-tindakan Daerah, kurang kerjasama di antara beberapa jabatan, terutama sekali Jabatan Polis dan Jabatan JKR, masing-masing menyalahkan di antara satu sama lain; JKR menyalahkan Polis tidak bertindak dan pihak Polis menyalahkan JKR tidak memberitahu sedangkan jalan terus-menerus digunakan dan rosak.

Jadi saya harap mulai daripada hari ini setelah Ordinan ini nanti diluluskan supaya tidak berlengah-lengah lagi dan tindakan undang-undang mestilah diambil kepada tuan-punya-tuan-punya lori yang melalui jalan-jalan tadi yang lebih muatannya kerana dengan tindakan mendenda tuan-tuan-punya lori tadi hasil akan dapat kepada Kerajaan dan dengan hasil denda itu tadi boleh digunakan juga untuk membaiki jalan-jalan ini pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang dapat saya cadangkan dan dengan ini saya menyokong penuh di atas Akta ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ulu Muda.

6.10 ptg.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut (Ulu Muda):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalan 1958. Saya inginlah mengucapkan syabas kepada Timbalan

Menteri Pengangkutan kerana membawa Rang Undang-undang ini demi kepentingan orang ramai.

Sebelum itu saya inginlah merakamkan penghargaan yang tinggi kepada pemimpin-pemimpin negara kita kerana negara kita telah mencapai kemerdekaan. Kalaulah negara kita tidak merdeka maka sudah tentu jalanraya-jalanraya di dalam negara kita ini kita tidak akan lihat jalan sepertimana yang ada pada hari ini kerana dalam ingatan saya dalam masa penjajah dahulu sungai-sungai adalah menjadi jalan kepada rakyat jelata. Ini sungguhlah kita berasa bangga dengan negara mencapai kemerdekaan terwujudlah jalan begitu banyak sekali di dalam negara kita ini yang memberi segala kemudahan kepada rakyat, baik rakyat peringkat bawah ataupun rakyat peringkat atasan.

Kalau kita bercakap berkenaan dengan jalanraya pada hari ini, kita dapati takrif jalan ini begitu banyak sekali, ada jalan dinamakan jalan Federal, Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab, ada jalan yang dinamakan jalan State yang mana Kerajaan Negeri bertanggungjawab dan ada pula jalan di dalam satu-satu negeri dinamakan jalan Daerah dan ada lagi yang dinamakan jalan Mukim atau jalan Penggawa di Kelantan. Yang malangnya dan yang sedih sekali kategori ketiga dan keempat itu iaitu jalan Daerah dan jalan Mukim di mana jalan-jalan seperti ini lazimnya dibuat daripada tanah-tanah merah yang diberi peruntukan yang begitu terhad sekali oleh Kerajaan. Ini juga perlu diberi perhatian oleh pihak Kementerian supaya jalan-jalan Daerah dan jalan-jalan Mukim ataupun jalan Penggawa ini dinaikkan taraf mereka setidak-tidaknya boleh meningkat naik kepada State dan kalau boleh semua jalan-jalan dijadikan jalan Federal yang mana peruntukan boleh dibelanja dengan perbelanjaan daripada Kerajaan Pusat.

Sepertimana kita semua maklum kebanyakan negeri-negeri, kecuali negeri Trengganu, kalau mengikut Budgetnya tiap-tiap tahun sangat kekurangan wang. Kalaulah jalan ini masih ditanggung oleh Kerajaan Negeri maka sudah tentu Kerajaan Negeri tidak dapat menjangakan jalan ini dengan

begitu sempurna dan teratur. Maka oleh yang demikian, inginlah saya meminta dan merayu kepada Kementerian Pengangkutan ini supaya juga melihat dan berunding dengan Kementerian-kementerian lain yang ada kena-mengena iaitu Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam supaya jalan-jalan yang kita kata sangat dhaif dan sangat teruk itu juga diambil tahu dan diambil berat oleh pihak Kerajaan Pusat.

Sebagai contohnya jalan Mukim dan jalan Daerah pada hari ini seperti saya katakan tadi adalah terdiri daripada tanah merah dan jalan-jalan inilah yang lazimnya digunakan oleh penduduk-penduduk di luar bandar dan jalan-jalan ini perlu kalau boleh sungguhpun jalan Mukim ataupun jalan Daerah, mereka juga kalau boleh ditarkan oleh pihak Kerajaan. Kerana kita dapati dengan adanya negara kita merdeka banyak sekolah-sekolah wujud di kampung-kampung, banyak sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah dan kalaulah jalan-jalan itu tidak sempurna, tidak teratur maka sudah tentu kanak-kanak hendak berulang-alik ke sekolah itu menjadi satu masalah kepada mereka. Sebab itu saya inginlah merayu kepada Kerajaan tidak kira dari Kementerian mana ataupun Kerajaan Pusat supaya segala jalan-jalan yang kecil ini ditarkan supaya senang bagi rakyat jelata menggunakan jalan-jalan tersebut.

Saya ingin merakamkan dan mengucap syabas kepada Kementerian dengan pindaan Undang-undang ini ataupun Akta ini maka sudah tentu pengawalan penggunaan jalan ini akan dibuat oleh pihak Kementerian yang mana seperti mana dikatakan oleh rakan-rakan saya sebelum saya tadi iaitu banyak sangat kemalangan berlaku di jalan-jalanraya boleh dikurangkan. Dengan adanya pindaan ini saya yakin dan percaya pihak Kementerian boleh bertindak kepada lori-lori balak sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dan inilah the great killer of the road pada hari ini.

Lagi satu saya setuju dengan Wakil dari Kangar tadi, kebanyakan kenderaan-kenderaan yang menggunakan jalanraya ini semuanya boleh kata langgar undang-undang belaka. Kita menggunakan jalan, kita tahu kita lari 50 b.s.j. datang lori yang tulis 51 b.s.j.

memotong kita walhal kita jalan dengan begitu perlahan tetapi ada lori yang tertulis tidak patut lebih daripada had laju masih mereka ini laju dan alhamdulillah, dengan terpindanya Undang-undang ini kita percaya bahawa pihak Kementerian boleh bertindak kepada mereka yang melakukan kesalahan yang semacam ini.

Tuan Yang di-Pertua, di tempat saya, kalau hendak masuk ke kawasan saya maktumlah kawasan saya di ulu, ada satu jalan lebihkurang 20 batu panjangnya daripada pekan Kota Sarang Semut hendak pergi ke pekan Pendang iaitu satu bandar yang agak besar di kawasan saya yang habis besar ada dua deret rumah batu, daripada Kota Sarang Semut ke Pendang itu jauhnya 6 batu sahaja. Tetapi sungguh malangnya, daripada Pendang ke Bukit Perak iaitu Bina Quarry tempat keluarnya batu untuk buat jalan di seluruh negeri Kedah datangnya daripada Bukit Perak. Oleh kerana lori-lori batu menggunakan jalan secara bebas, secara berleluasa, maka jalan itu adalah satu jalan yang anih di dalam negara Malaysia ini. Saya rasa sungguh malang sekali dan kepada pihak-pihak yang berkenaan saya kemukakan perkara ini kerana saya hendak pergi ke kawasan saya terpaksa menggunakan jalan tersebut, seolah-olah saya naik kapal, terumbang ambing, kerana jalan itu perbaik macam manapun rosak, kerana lori yang menggunakan jalan itu adalah lori bermuat batu pre-made yang keluar daripada Bina Quarry. Dengan ini saya mintalah kalau boleh jalan itu juga patut sangat dijadikan jalan Federal kerana kita tahu negeri Kedah tidak ada duit untuk hendak maintain jalan ini, segala maintenance jalan ini, kerana batu yang dikeluarkan dari Bina Quarry itu hendak buat jalan Federal, tetapi jalan State digunakan atau jalan Daerah digunakan, akibatnya jalan Daerah dan jalan State akan jadi mangsanya kerana hendak memperelokkan jalan Federal, jalan State ini jadi buruk sekali. Dan di satu jalanraya yang saya maksudkan tadi kemalangan sentiasa berlaku di jalan ini. Ini disebabkan tidak lain dan tidak bukan muatan batu itu begitu berat sekali yang menyebabkan jalan itu berlopak, berpecah sana-sini.

Lagi satu, bercakap berkenaan dengan jalan ini, lazimnya saya tengok bukan di

Kedah sahaja di mana-mana juga sebelah tepinya sepertimana rakan-rakan saya yang lain katakan tadi, dengan izin, back side table kata orang putih, selalu diabaikan. Lazimnya kalau jalan itu tinggi di tepinya tanah merah pun tidak ada, bila hujan maka tanah merah itu habis dihanyut air, oleh sebab itu berlaku kemalangan kerana hendak lari daripada lori-lori balak, lori batu, bas yang begitu deras, maka kereta kita yang kecil ini lari ke tepi, bila lari ke tepi berjampalah back side tables begitu rendah sekali maka kemalangan sudah tentu berlaku.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Back side table ini apa?

**Tuan Haji Hashim bin Endut:** Di tepi jalan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Side tables—bahu jalan.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:** Tuan Yang di-Pertua, itulah yang saya katakan maintenance tadi, kita tidak berpuas hati dengan buat jalan semata-mata buat, tapi tidak beri perhatian dengan maintenance yang begitu teratur, yang begitu sempurna kepada jalanraya-jalanraya, InsyaAllah, saya percaya kalau pihak Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam sanggup melihat perkara-perkara yang semacam ini sudah tentu kemalangan akan berkurangan.

Saya juga ingin mengucap syabas kepada Kerajaan melalui Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam kerana mewujudkan satu Lembaga yang dinamakan Lembaga Lebuhraya. Dalam beberapa bulan yang lepas Lembaga Lebuhraya ini telahpun menjalankan tugasnya iaitu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telahpun menjalankan bulldozer memecah tanah di Bukit Kayu Hitam. Itulah mulanya Lembaga Lebuhraya yang akan wujud melalui Lembaga Lebuhraya ini satu jalanraya yang begitu indah, yang baik sekali daripada Changloon, di sempadan Siam terus ke Johor Bahru. Ini kita ucap syabas dan kita percaya pihak Kerajaan akan menanggung begitu banyak sekali perbelanjaan untuk mewujudkan jalanraya yang begitu sempurna

dan kalaulah lebuhraya ini wujud dengan begitu teratur dan sempurna dengan duallane pergi, duallane balik maka sudah tentu saya percaya kurangnya kemalangan-kemalangan yang kita selalu bangkitkan, yang menjadi masalah kita di dalam Dewan ini yang terpaksa pinda Undang-undang ini supaya mengurangkan kemalangan jalanraya dan sebagainya. Dan melalui lebuhraya ini juga kita berasa bangga di tempat-tempat tidak ada jalan akan wujud jalan, sebagaimana kita tahu Kerajaan sedang membina sebatang jalan daripada Kelantan ke Butterworth, Pulau Pinang akan melalui Perak dan juga Kedah. Jalan ini adalah sebatang jalan yang sangat penting di dalam negara kita. Perhubungan daripada Pantai Timur.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini telah keluar sedikit daripada perkara yang kita bahaskan. Tak usahlah sebut lebuhraya itu.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya terpaksa menyebut lebuhraya kerana itu adalah jalan juga. Kita sedang membincangkan masalah jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apabila Yang Berhormat sebut jalan-jalan; saya diamkan. Tetapi apabila menyebut tentang dasar lebuhraya, itu sudah keluar daripada asalnya.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya tidak mahu sebut 'lebuhraya', sebut 'jalan' sekarang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lebuhraya itu ialah jalanraya tetapi Yang Berhormat menyebut hal lebuhraya yang diluluskan oleh undang-undang yang sudah jadi Akta sekarang ini. Jadi itu sudah keluarlah daripada asalnya. Kalau betul-betul hendak mengikut Peraturan Mesyuarat 36, tiga suku daripada percakapan Yang Berhormat itu tidak boleh dicakapkan. Saya benarkan juga Yang Berhormat bercakap sedikit tetapi janganlah jauh sangat. Teruskan tetapi jangan sebut lebuhraya. Ini bukan Akta Lebuhraya, kalau lebuhraya maksudnya jalan, itu tak apalah.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:** Tuan Yang di-Pertua, lagi satu jalan di dalam kawasan saya yang mana semenjak saya menjadi Wakil Rakyat sudah berkali-kali saya

bangkitkan masalah ini. Pihak Jabatan Kerjaraya membuat jalan begitu baik, begitu baik sekali jalan sepanjang lebih kurang 12 batu di dalam kawasan saya, sungguh malang di Ulu Muda ini ada macam-macam kesah. Jalan begitu baik kita boleh berselisih dengan elok tetapi banyak sangat jambatan-jambatan kayu yang mana dibina sebelum perang lagi. Saya panggilkan jambatan ini jambatan antik. Saya sudah merajuk suruh Jabatan Kerjaraya pindahkan jambatan, dia tidak ambil indah, maka baharu-baharu ini saya telah minta dalam Mesyuarat Tindakan Negeri, saya kata kepada Tuan Pengarah JKR ada 5 buah jambatan kayu di dalam kawasan saya yang telah dibina sebelum perang supaya dikekalkan di situ kerana itu adalah jambatan antique, titi antique yang mana kalaulah siapa hendak tengok titi sebelum perang dahulu masih ada di dalam kawasan saya. Jalan begitu elok, bila sampai ke jambatan itu sebuah kereta pun tidak boleh masuk—tidak berapa boleh lalu, itu satu perkara yang sangat ganjil. Saya mintalah melalui Dewan yang mulia ini supaya 5 buah titi kayu itu digantikan dengan lebih sempurna dan lebih teratur supaya kemalangan-kemalangan tidak berlaku di dalam kawasan saya ini.

Selain daripada itu, maintenance jalan ini perlu sangat diberikan perhatian oleh pihak berkenaan kerana kalaulah jalan semak-samun di kiri kanan tidak dipedulikan maka sudah tentu accident akan banyak berlaku. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa lori-lori balak ini adalah menjadikan bahaya kepada orang ramai, kepada kereta-kereta yang lalu lalang menggunakan jalan tersebut.

Saya agak satu sahaja jalan hendak mengurangkan accident ini, pihak Kerajaan Negeri kalaulah hendak membenarkan kilang-kilang papan didirikan di masa akan datang jangan sekali-kali benarkan buat kilang papan itu di bandar-bandar. Dengan membina kilang papan berhampiran dengan hutan maka peluang hendak bawa balak itu sudah tidak ada cuma bawa kayu sahaja, boleh. Maka dengan jalan itu membawa kayu adalah lebih selamat sedikit daripada membawa balak.

Oleh yang demikian, kalaulah tidak ada dalam undang-undang itu supaya Kementerian ini nasihatkan Kerajaan Negeri membenarkan mereka yang hendak membuat kilang papan ini jangan sekali-kali pilih bandar besar-besar hendak buat kilang papan, biarlah kilang-kilang itu wujud berhampiran dengan hutan di mana balak itu dikeluarkan. Dengan ini kita boleh mengurangkan kemalangan-kemalangan malah kita boleh memelihara jalan-jalan yang dibuat oleh Kerajaan yang begitu mahal, yang begitu indah, yang begitu cantik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak Rang Undang-undang ini saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Wakil dari Matang tadi, patut sudah lama dibawa di dalam Dewan ini kerana kita lihat berjuta ringgit Kerajaan curahkan tidak lain dan tidak bukan membaiki jalan yang mana kalau kita awasi, kalaulah undang-undang ini di bawah 5 tahun, 10 tahun dahulu maka kerugian Kerajaan tidak begitu banyak sangat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, dengan cadangan-cadangan itu saya berharap sangatlah pihak Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan Kementerian Perusahaan Awam yang mengeluarkan permit-permit lori supaya berunding berpakat sesama mereka apa yang patut kita buat untuk kepentingan menjaga jalanraya yang memakan belanja yang begitu banyak sekali. Dengan kata-kata itu, saya menyokonglah Rang Undang-undang ini supaya diluluskan oleh Dewan kita ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Gerik.

6.28 ptg.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Lalulintas yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam membangkitkan masalah berkaitan dengan Rang Undang-undang ini saya ingin menyentuh 5 perkara. Pertama sekali

berkenaan dengan lesen, yang kedua berkenaan dengan cukai jalan, yang ketiga berkenaan dengan insurans, yang keempat berkenaan dengan kesusahan orang-orang kampung membawa barang-barang keluar daripada kampung-kampung ke pekan-pekan dan kelima berkenaan dengan berat barang yang dibawa melebihi daripada paras yang ditetapkan.

Berkenaan dengan insurans, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk dalam kawasan saya yang mana apabila kampung mereka terpaksa dipindahkan akibat daripada pembinaan Ampangan Temenggor dan mereka ini dipindahkan ke suatu kampung bernama Kampung Ganda Temenggor, maka masalah insurans ini telah melibatkan hampir-hampir 20 orang pelajar-pelajar tidak dapat pergi ke sekolah. Masalah ini timbul ialah kerana jalan yang dibina oleh LLN dengan belanja hampir-hampir \$1 juta tidak dapat diambil alih oleh pihak JKR oleh kerana jalan itu dibina kurang memuaskan. Apabila jalan ini tidak dapat diambil oleh JKR maka pihak insurans tidak dapat hendak memberi insurans kepada kereta-kereta ataupun kenderaan yang melalui jalan-jalan itu dan oleh kerana jalan ini bukan jalan JKR maka sudah tentulah kenderaan tidak dapat melalui jalan itu maka ini menyebabkan kesusahan kepada penduduk-penduduk di Kampung Ganda Temenggor. Saya berharap dengan adanya Akta yang baharu kita bawa pada hari ini—Rang Undang-undang yang baharu kita bawa pada hari ini—akan membolehkan kereta-kereta melalui jalan yang belum diambil oleh JKR juga boleh diberi insurans ataupun dibenarkan membawa penumpang-penumpang. Dengan cara ini, dengan sekali gus masalah yang dihadapi oleh penduduk dalam kawasan saya dapat diatasi.

Berkenaan dengan lesen, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan di sini penduduk-penduduk kampung kebanyakan mempunyai motosikal yang tidak mempunyai cukai jalan dan ada setengah-setengahnya pula tidak mempunyai lesen untuk pergi bekerja seperti menoreh getah dan sebagainya. Saya berharap dengan adanya Undang-undang ini dibentangkan di Parlimen supaya pihak Kerajaan akan memberi

pertimbangan kepada penduduk-penduduk luar bandar yang tidak menggunakan jalan Kerajaan tetapi cuma jalan-jalan kecil yang di bawah 6 kaki yang pergi menoreh getah dan sebagainya. Kita berharap mereka itu tidak dikenakan road tax, insurans ataupun topikeledar untuk pergi memotong getah. Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap pihak polis tidak akan mengambil tindakan kepada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perbahasan ini akan disambung esok. Kalau tidak ada sesiapa lagi yang hendak bercakap, Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab esok.

## USUL

### PENANGGUHAN

**Mentèri Wilayah Persekutuan (Dr. Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 17 (1) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Menteri Pertanian (Dato Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN PENANGGUHAN

### WAKIL-WAKIL RAKYAT YANG MENDAPAT TANAH—SIASATAN

6.30 ptg.

**Tuan Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Speaker, dalam Ucapan Penangguhan saya, apa yang saya mahu cakapkan dalam tajuk yang saya mahu Menteri yang berkenaan jawab—itu juga, Tuan Speaker.....

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Speaker, Dewan ini tidak cukup koram.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba kira (*kepada Setiausaha Dewan*).

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, saya sudah habis ucapan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa ucapannya?

**Tuan Karpal Singh:** Ada dalam rekod, jikalau Tuan Speaker boleh dengar selepas ini. Ada dalam rekod.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh, apa yang dicakap mesti direkod. Mana ada rekod, kalau tidak bercakap, tidak ada. Bunyikan loceng!

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang daripada 26 Ahli hadir*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab selepas 2 minit loceng dibunyikan tidak cukup koram, maka Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, Khamis, 11hb Jun, 1981.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.*